

**APLIKASI AL-MUDARABAH DAN AL-MUSYARAKAH
DALAM PRODUK-PRODUK PERBANKAN ISLAM:
KAJIAN DI BANK MUAMALAT INDONESIA, JAKARTA**

SARWEDI HASIBUAN

**JABATAN SYARIAH DAN EKONOMI
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2010**

**APLIKASI AL-MUDARABAH DAN AL-MUSYARAKAH
DALAM PRODUK-PRODUK PERBANKAN ISLAM:
KAJIAN DI BANK MUAMALAT INDONESIA, JAKARTA**

SARWEDI HASIBUAN

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI KEPERLUAN BAGI IJAZAH
SARJANA PENGAJIAN ISLAM
(SECARA DISERTASI)**

**JABATAN SYARIAH DAN EKONOMI
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2010**

PENGAKUAN

Saya akui bahawa disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

11 Februari 2009

SARWEDI HASIBUAN

IGC060004

PENGHARGAAN

بسم الله الرحمن الرحيم

Al-hamdulillahi Rabbil °Alamin, segala pujian dan kesyukuran yang tiada terhingga dirafa°kan ke hadrat Allah s.w.t. di atas limpahan rahmat, hidayah dan taufik-Nya yang membolehkan saya menyiapkan kajian dan penulisan disertasi ini dengan baik. Selawat beriring salam dikirimkan ke atas junjungan besar baginda nabi Muhammad s.a.w. dan ahli keluarga, para sahabat baginda sekalian serta mereka yang mengikut jejak langkah dan memperjuangkan risalah beliau sehingga akhir zaman.

Setinggi-tinggi penghargaan penuh keikhlasan dan ucapan terimakasih yang tidak terhingga kepada yang berbahagia Dr. Asmak binti Abdurrahman selaku penyelia disertasi ini di atas bimbingan, saranan, kesungguhan, pandangan dan kesabaran beliau dalam membimbing dan mengarahkan penulis sehingga dapat melengkapi kajian yang bertajuk: "Aplikasi Al-Muḍārabah Dan Al-Musyārah Dalam Produk-Produk Perbankan Islam: Kajian Di Bank Muamalat Indoensia, Jakarta".

Sekalung penghargaan dan ribuan terima kasih juga dirakamkan kepada kedua orang tua saya: Ayahanda tercinta, Allahyarham Hj. Muhammad Amin Hasibuan, dan Bonda tersayang, Hj. Aminah Harahap atas sokongan padu dan do'a yang selalu dipohon kepada Allah s.w.t. juga kepada istri tercinta, Rifnatul Hasanah Harahap SST. dan ananda tersayang, Hafiz al-Faruqi Hsb beserta adik-beradik (Humala Dari, Syahron, Tagor Alam, Siti Sahara, Munawaroh dan Syarif Hidayat Hsb) yang telah banyak berkorban dan bersabar demi tercapainya cita-cita yang mulia di sisi Allah s.w.t.

Ungkapan penghargaan dan ribuan terima kasih juga dirakamkan kepada yang berbahagia Prof. Dr. Ahmad Hidayat Buang, Pengarah Akademi Pengajian Islam dan Prof. Dr. Joni Tamkin bin Borhan, Ketua Jabatan Syariah dan Ekonomi di atas keprihatinan dan sokongan padu yang diberikan dalam menyiapkan disertasi ini dengan jayanya. Penghargaan dan ucapan terimakasih juga dirakamkan kepada pihak Universiti Malaya, Kuala Lumpur di atas pemberian Geran Peruntukan Penyelidikan Pascasiswazah dan Skim Biasiswa Universiti Malaya pada sesi 2007-2008. Seterusnya kepada para pensyarah dan kakitangan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya khususnya di Jabatan Syariah dan Ekonomi sepanjang saya menjadi pelajar sarjana (2006-2009), para pegawai dan kakitangan semua bahagian di Universiti Malaya,

terutamanya kepada bahagian Canselori, Institute of Postgraduate Studies, Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Perpustakaan Peringatan Za'ba dan Institut Pengurusan Penyelidikan dan Perundingan.

Sekalung penghargaan dan ribuan terima kasih juga diucapkan kepada Prof. Drs. H. Amir Batubara, Direktur Muamalat Institute dan H. A. Nuryadi Asmawi L.LB, MA, Ketua Bidang Riset Muamalat Institute di Jakarta di atas bantuan dan sokongan keduanya dalam menyelesaikan kajian ini. Serta kepada semua rakan-rakan penuntut ilmu sama ada yang berada di Malaysia mahupun yang berada di Indonesia yang sentiasa memberi sokongan dan semangat dalam menyelesaikan disertasi ini. Semoga Allah s.w.t. memberi balasan yang baik di atas semua bantuan dan sokongan ini.

Akhirnya, dengan segala kerendahan hati penulis memohon maaf di atas sebarang khilaf dan salah serta kekurangan dalam disertasi ini. Mudah-mudahan disertasi ini bermanfaat bagi penyelidik, pengkaji, pengajar, pelajar dan masyarakat luas. Semoga jerih payah yang telah dipersembahkan ini mendapat balasan daripada Allah s.w.t. dan bermanfaat bagi penulis dalam menjalani kehidupan demi meraih kesejahteraan dunia dan kebahagiaan akhirat. Amin Ya Rabb Al-^cAlamin.

Sekian, terima kasih.

11 Februari 2009

SARWEDI HASIBUAN

Gunung Matinggi

Huristak Padang Lawas

Sumatera Utara Indonesia 22755

waislamah.um@gmail.com

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
PENGAKUAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	vi
ABSTRACT	vii
SENARAI KANDUNGAN	viii
SENARAI TRANSLITERASI	xii
SENARAI JADUAL	xv
SENARAI RAJAH	xvi
SENARAI SINGKATAN	xvii

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	2
1.3	Pernyataan Masalah	3
1.4	Skop Kajian	4
1.5	Objektif Kajian	5
1.6	Kepentingan Kajian	5
1.7	Metodologi Kajian	6
1.8	Kajian Terdahulu	10
1.9	Sistematika Penulisan Kajian	22

BAB 2 SISTEM PERBANKAN ISLAM

2.1	Pengenalan	24
2.2	Bank Islam	26
2.2.1	Pengertian Bank Islam	26
2.2.2	Landasan Dasar Penubuhan Bank Islam	30
2.2.3	Objektif Penubuhan Bank Islam	31
2.2.4	Sejarah Perkembangan Bank Islam	32
2.3	Produk-produk Bank Islam	39
2.4	Perbezaan Sistem Perbankan Islam dengan Sistem Perbankan Konvensional	50

2.5	Fenomena Riba dan Bunga Bank	52
2.5.1	Pengertian Riba	53
2.5.2	Jenis-jenis Riba	56
2.5.3	Konsep Riba dalam Perspektif Selain Islam	57
2.5.4	Islam Mengharamkan Riba	61
2.5.4.1	Larangan Riba dalam Al-Qur'an	61
2.5.4.2	Riba dalam Al-Sunnah	66
2.5.5	Kesan Negatif Riba	69
2.5.6	Pengharaman Bunga Bank	71
2.6	Kesimpulan	73

BAB 3 SISTEM PERBANKAN ISLAM DI INDONESIA

3.1	Pengenalan	75
3.2	Operasi Sistem Perbankan Islam di Indonesia	76
3.3	Pengenalan Bank Muamalat Indonesia	79
3.3.1	Sejarah Penubuhan Bank Muamalat Indonesia	80
3.3.2	Matlamat Penubuhan Bank Muamalat Indonesia	83
3.3.3	Strategi Operasi Bank Muamalat Indonesia	85
3.3.4	Visi dan Misi Bank Muamalat Indonesia	86
3.3.5	Komposisi Pemilikan Saham Bank Muamalat Indonesia	86
3.3.6	Struktur Organisasi Bank Muamalat Indonesia	87
3.4	Perkembangan Bank Islam di Indonesia	93
3.4.1	Bank Perkreditan Rakyat Syariah	94
3.4.2	Bank Syariah Mandiri	95
3.4.3	Bank Syariah Mega Indonesia	97
3.4.4	Unit Usaha Syariah dalam Bank Konvensional	98
3.5	Kesimpulan	98

BAB 4 KONSEP *AL-MUḌĀRABAH* DAN *AL-MUSYĀRAKAH* DALAM FIQH MUAMALAT

4.1	Pengenalan	100
4.2	Konsep <i>Al-Muḍārabah</i> dalam Fiqh Muamalat	101
4.2.1	Pengertian <i>Al-Muḍārabah</i>	101

4.2.2	Pensyariatan <i>Al-Muḍārabah</i>	105
4.2.3	Rukun <i>Al-Muḍārabah</i>	111
4.2.4	Syarat <i>Al-Muḍārabah</i>	112
4.2.5	Pembahagian <i>Al-Muḍārabah</i>	115
4.2.6	Pengagihan Untung dan Rugi dalam Akad <i>Al-Muḍārabah</i>	117
4.3	Konsep <i>Al-Musyārah</i> dalam Fiqh Muamalat	119
4.3.1	Pengertian <i>Al-Musyārah</i>	119
4.3.2	Pensyariatan <i>Al-Musyārah</i>	121
4.3.3	Pembahagian <i>Al-Musyārah</i>	123
4.3.4	Hukum <i>Al-Musyārah</i>	129
4.4	Pembatalan Akad <i>Al-Muḍārabah</i> dan <i>Al-Musyārah</i>	129
4.5	Kesimpulan	132

BAB 5 APLIKASI *AL-MUḌĀRABAH* DAN *AL-MUSYĀRAH* DALAM PRODUK-PRODUK BANK MUAMALAT INDONESIA DI JAKARTA

5.1	Pengenalan	134
5.2	<i>Al-Muḍārabah</i> dan <i>Al-Musyārah</i> Sebagai Instrumen Sistem Perkongsian Untung dan Rugi	135
5.3	Produk Penghimpunan Dana Berasaskan <i>Al-Muḍārabah</i>	137
5.3.1	Akaun Simpanan	138
5.3.2	Akaun Semasa	146
5.4	Produk Pembiayaan Berasaskan <i>Al-Muḍārabah</i> dan <i>Al-Musyārah</i>	152
5.4.1	Jenis Pembiayaan Pada Bank Muamalat Indonesia	152
5.4.2	Syarat-syarat Pembiayaan Pada Bank Muamalat Indonesia	154
5.4.3	Pembiayaan <i>Al-Muḍārabah</i>	155
5.4.4	Pembiayaan <i>Al-Musyārah</i>	161
5.5	Kesimpulan	168

BAB 6 PENUTUP

6.1	Kesimpulan	169
-----	------------	-----

6.2	Cadangan	174
BIBLIOGRAFI		176
LAMPIRAN		187

SENARAI TRANSLITERASI

Perkataan Arab yang digunakan dalam penulisan disertasi ini adalah mengikut kaedah transliterasi yang digunapakai oleh Universiti Malaya.

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
ع	,	ع	Sa'ala
ب	B	ب	Badala
ت	T	ت	Tamr
ث	Th	ث	Thawrah
ج	j	ج	Jamāl
ح	ḥ	ح	Ḥadīth
خ	Kh	خ	Khalid
د	d	د	Dīwān
ذ	Dh	ذ	Dhahaba
ر	r	ر	Raḥmān
ز	z	ز	Zamzam
س	s	س	Sarāb
ش	Sy	ش	Syams
ص	ṣ	ص	Ṣabr
ط	Ṭ	ط	Ṭamīr
ظ	Ẓ	ظ	Ẓāhir
ع	ʿ	ع	ʿAbd
غ	Gh	غ	Ghayb
ف	f	ف	Fiqh
ق	q	ق	Qāḍī
ك	k	ك	Ka's

ل	l	د	Laban
م	m	مزم	Mizmār
ن	n	نم	Nawm
ف	h	غ	Habaṭa
ه	w	هـ	Waṣala
ي	y	ك	Yasār

Vokal Pendek

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
ا	a	فعل	fa ^ʿ ala
ي	i	حسب	Ḥasiba
و	u	كتب	Kutiba

Vokal Panjang

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
أ ، إ ، ع	a	كاتب ، قضي	Kātib, qaḍā
ي	i	قري	Karīm
و	u	هـ	Ḥurūf

Diftong

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
ق	Aw	قاول	Qawl
ف	Ay	سافر	Sayf
ي	Iyy/i	راجي	Raj'iyy/raj'i
و	Uww/u	أدو	°Aduww/°adū

Pengecualian

- Huruf Arab ء (*hamzah*) pada awal perkataan ditransliterasikan kepada huruf (a) bukan kepada ('a). Contoh: *أكبر, transliterasi: *akbar* bukan 'akbar.
- Huruf Arab ه (*ta' marbūṭah*) pada perkataan tanpa (al) yang bersambung dengan perkataan lain ditransliterasikan kepada huruf (t). Contohnya: وزارة التعليم, transliterasi: *wizārat al-ta'lim*. Dan pada perkataan yang ada (al) atau pada perkataan tunggal atau pada perkataan terakhir, *ta' marbūṭah* ditransliterasikan kepada huruf (h).

Contoh

- المكتبة
- القال
- دار الوهاب

Transliterasi

- al-maktabah
- qal'ah
- dār wahbah

SENARAI JADUAL

Jadual	Tajuk	Halaman
Jadual 2.1	: Perbezaan Amalan Bank Islam Dengan Bank Konvensional	52
Jadual 2.2	: Perbezaan Sistem Bunga Dengan Sistem Perkongsian Untung	72
Jadual 3.1	: Jumlah Komposisi Pemilikan Saham Di Bank Muamalat Indonesia	87
Jadual 5.1	: Perbandingan Akaun Simpanan <i>Muḍārabah</i> Dengan Akaun Simpanan <i>Wadī'ah</i>	140
Jadual 5.2	: Perbandingan Akaun Simpanan <i>Muḍārabah</i> Dengan Akaun Simpanan Konvensional	140
Jadual 5.3	: Perbandingan Aplikasi Skim <i>Al-Muḍārabah</i> Dengan Skim <i>Al-Musyārah</i>	168

SENARAI RAJAH

Rajah	Tajuk	Halaman
Rajah 5.1	: Aliran Wang Akaun Simpanan Dan Akaun Semasa Berdasarkan Prinsip <i>Al-Muḍārabah</i> Di BMI, Jakarta	151
Rajah 5.2	: Carta Pembiayaan Modal Kerja Berasaskan <i>Al-Muḍārabah</i> Di BMI, Jakarta	159
Jadual 5.3	: Carta Pembiayaan Suatu Projek Berdasarkan <i>Al-Musyārah</i> Di BMI, Jakarta	167

SENARAI SINGKATAN

a.s.	: °alayh al-salām
ATM	: Anjungan Tunai Mandiri
BAZIS	: Badan Amil Zakat, Infak dan Sedekah
BDN	: Bank Dagang Negara
BI	: Bank Indonesia
BIMB	: Bank Islam Malaysia Berhad
BMI	: Bank Muamalat Indonesia
BMMB	: Bank Muamalat Malaysia Berhad
BNI	: Bank Negara Indonesia
BPRS	: Bank Perkreditan Rakyat Syariah
BRI	: Bank Rakyat Indonesia
BSB	: Bank Susila Bakti
BSM	: Bank Syariah Mandiri
BSMI	: Bank Syariah Mega Indonesia
BSS	: Bank Syariah Sakinah
BUS	: Bank Umum Syariah
BUT	: Bank Umum Tugu
DGS	: Dewan Gabenor Senior
DPS	: Dewan Pengawas Syariah
Dr.	: Doktor
Drs	: Doktorandus
DSN	: Dewan Syariah Nasional
Ed.	: Editor
FIBE	: Faisal Islamic Bank Egypt
FIBS	: Faisal Islamic Bank of Sudan
Hj	: Haji
H	: Hijriyyah
h.	: halaman
<i>ibid</i>	: <i>ibidem</i> (sama dengan di atas)
IBID	: International Bank Islamik for Investmant
ICMI	: Ikatan Cendekiwan Muslim se-Indonesia
IDB	: Islamic Development Bank
Ir.	: Insinyur
Jil.	: Jilid
Kep.	: Keputusan
KFHVb	: Kuwait Finance House and Vakiflar Bank
KMK	: Keputusan Menteri Kewangan
KTP	: Kartu Tanda Penduduk
Ltd.	: <i>Limited</i> (Berhad)
M	: Masehi
M.S	: Master of Science
MUI	: Majelis Ulama Indonesia
No.	: Nomor
NPWP	: Nomor Pokok Wajib Pajak
Ny	: Nyonya
ONH	: Ongkos Naik Haji

<i>op.cit</i>	: <i>opera citato</i> (diselangi yang lain)
PP.	: Peraturan Pemerintah
Prof.	: Profesor
PT	: Perseroan Terbatas
r.a.	: raḍiya Allāhu ʿanhu atau raḍiya Allāhu ʿanhā
RI	: Republik Indonesia
Rm.	: Ringgit Malaysia
Rp.	: Rupiah
RUPS	: Rapat Umum Pemegang Saham
s.a.w.	: ṣallā Allāh ʿalayhi wa sallam
s.w.t.	: subḥānahu wa taʿālā
SE	: Sarjana Ekonomi
SFH	: Special Finance House
SH	: Sarjana Hukum
SPI	: Skim Perbankan Islam
t.pt.	: Tanpa penerbit
t.t	: Tanpa tahun
t.tp.	: Tanpa tempat
TDP	: Tanda Daftar Perusahaan
Terj.	: Terjemahan
TV	: Telivisi
UU	: Undang-Undang
UUD '45	: Undang-undang Dasar Tahun 1945
UUS	: Unit Usaha Syariah
Vol.	: Volume

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 PENDAHULUAN

Sistem perbankan Islam adalah suatu sistem perbankan yang dikembangkan berdasarkan prinsip syariah dan hukum Islam. Usaha pembentukan sistem perbankan ini didasari oleh larangan Islam untuk mengambil dan meminjam wang dengan menggunakan bunga atau riba. Di samping itu, ianya juga didasari oleh larangan pelaburan untuk usaha-usaha yang dikategorikan haram, seperti usaha pelaburan dalam perniagaan berbentuk perjudian, penipuan dan pembuatan arak.

Aplikasi sistem perbankan Islam dalam sesebuah institusi sudah lama berkembang di negara-negara Islam, seperti *Mit Ghamr Local Saving Bank* di Mesir, *Dubai Islamic Bank* di Emiriyah Arab Bersatu, *Kuwait Finance House* di Kuwait, *City Isamic Bank of Bahrain* di Bahrain, *Special Finance House* di Turki, *Bank Islam Malaysia Berhad* di Malaysia dan *Bank Muamalat Indonesia* di Indonesia.

Bahkan ianya juga turut berkembang di negara-negara bukan Islam atau penduduknya minoriti muslim, seperti *The Islamic Bank International of Denmark* di Denmark, *Islamic Finance House Universal Holding* di Luxembourg, *Philippine Amanah Bank* di Filipina.

Dalam menjalankan operasinya, Bank Islam merujuk kepada pelaksanaan prinsip-prinsip syariah, seperti *al-muḍārabah*, *al-musyārah*, *al-murābahah*, *al-waḍī'ah*, *al-qarḍ*, *al-ijārah*, *al-rahn*, *bay' bithaman ājil* dan *bay' al-salam*.

Prinsip *al-muḍārabah* dan *al-musyārah* merupakan dua prinsip utama yang diamalkan oleh sesebuah Bank Islam dalam menentukan bahagian masing-masing pihak dari suatu projek yang dijalankan melalui sistem perkongsian untung dan rugi yang bebas dari unsur riba.

Bank Muamalat Indonesia (BMI) merupakan Bank Islam pertama yang ditubuhkan di Indonesia pada 1 November 1991 dan mula beroperasi pada 1 Mei 1992. Ianya adalah sebuah institusi kewangan yang bergerak dalam mengelola dana masyarakat dan memberi perkhidmatan perbankan berdasarkan prinsip-prinsip syariah yang bersumber kepada al-Qur'an dan al-Hadith. Dan prinsip *al-muḍārabah* dan *al-musyārah* merupakan dua prinsip utama yang diamalkan oleh BMI.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Kewujudan Bank Islam di Indonesia adalah sebagai suatu alternatif kepada setiap orang Islam untuk mengurus niaga dengan sistem perbankan yang berteraskan prinsip syariah dan mengelakkan diri daripada sistem perbankan konvensional yang mengamalkan riba.

Pada dasarnya Bank Muamalat Indonesia (BMI) beroperasi dengan menawarkan perkhidmatan berasaskan prinsip perkongsian untung dan rugi. Perkara ini diaplikasikan berdasarkan prinsip *al-muḍārabah* dan *al-musyārah*. Dalam akad *al-muḍārabah* keuntungan yang diperolehi daripada sesebuah usaha dikongsi sama oleh pemodal (*ṣāhib al-māl*) dan pengusaha (*muḍārib*) menurut kadar bahagian yang disepakati ketika

akad. Manakala dalam akad *al-musyārah* pula kedua pihak yang berkongsi bersetuju menyatukan modal dan akan memperolehi keuntungan sesuai dengan kesepakatan.

Sebenarnya banyak prinsip syariah yang telah diamalkan oleh Bank Islam, namun penulis lebih tertarik menumpukan kajian kepada aplikasi prinsip *al-muḍārabah* dan *al-musyārah* di BMI, kerana kedua prinsip ini sudah popular dan digunakan secara luas, serta menjadi prinsip utama bagi BMI dalam menawarkan produk-produknya, sehingga ia dapat diterima oleh khalayak ramai.

Berdasarkan perkara di atas, penulis sangat berminat untuk meneliti dan mengkaji perkara ini lebih jauh, sehingga penulis akan mengemukakan tajuk seperti berikut ini: "*Aplikasi Al-Muḍārabah Dan Al-Musyārah Dalam Produk-produk Perbankan Islam: Kajian di Bank Muamalat Indonesia, Jakarta*".

1.3 PERNYATAAN MASALAH KAJIAN

Perkembangan Bank Islam di negara-negara Islam khususnya cukup memberangsangkan. Sehingga perkembangan ini mendorong wujudnya perkembangan Bank Islam di Indonesia. Kewujudan Bank Muamalat Indonesia (BMI) turut membantu pertumbuhan dan perkembangan ekonomi bagi masyarakat dan negara Indonesia. Hal ini tidak terlepas daripada amalannya yang berteraskan kepada prinsip syariah sehingga masyarakat mulai beralih haluan daripada menggunakan perkhidmatan sistem perbankan konvensional kepada sistem perbankan Islam.

Akad *al-muḍārabah* dan *al-musyārah* merupakan dua prinsip syariah yang menjadi instrumen utama dalam sistem perkongsian untung dan rugi dalam amalan

BMI. Ianya menjadi alternatif ke atas sistem bunga atau riba yang diharamkan Islam dalam amalan Bank Konvensional. Sememangnya kedua-dua prinsip syariah ini diamalkan berdasarkan al-Qur'an dan al-Sunnah serta ijmak para ulama.

Kajian dan penjelasan mengenai aplikasi prinsip *al-muḍārabah* dan *al-musyārah* dalam produk-produk BMI sememangnya perlu disampaikan khususnya kepada masyarakat Indonesia yang telah lama mengenal Bank Konvensional, kerana mereka belum sepenuhnya dapat menerima sistem perbankan Islam sebagai alternatif dan jawapan yang nyata daripada sistem riba.

1.4 SKOP KAJIAN

Banyak sekali kajian yang telah dibuat mengenai Bank Mumalat Indonesia (BMI) dengan segala produk dan perkhidmatannya. Oleh itu, kajian yang dibuat dari tahun 2006 hingga 2008 perlu menghuraikan skop dan limitasi kajian seperti berikut ini:

1. Penulis hanya menumpukan kajian pada aplikasi prinsip *al-muḍārabah* dan *al-musyārah* yang berlaku pada BMI di Jakarta, tanpa mengkaji aplikasi yang berlaku pada Bank Islam yang lain; samada di negara Indonesia mahupun di negara lain.
2. Penulis juga membatasi kajian mengenai aplikasi prinsip *al-muḍārabah* dan *al-musyārah* hanya pada amalan yang berlaku di Ibu Pejabat BMI, Jakarta tanpa mengkaji aplikasi yang berlaku di cawangan-cawangan BMI yang wujud di seluruh Indonesia.
3. Selanjutnya penulis hanya menumpukan kajian mengenai aplikasi prinsip *al-muḍārabah* dan *al-musyārah* dalam produk-produk BMI, tanpa mengkaji aplikasi prinsip-prinsip lain yang juga diamalkan oleh bank berkenaan.

1.5 OBJEKTIF KAJIAN

Ada beberapa objektif yang dijadikan sebagai pedoman dalam menulis kajian ini, iaitu:

1. Mengkaji sejarah perkembangan Bank Islam.
2. Mengetahui dalil dan pendapat ulamak mengenai pengharaman riba.
3. Mengenal pasti konsep *al-muḍārabah* dan *al-musyārah* dalam fiqh muamalat.
4. Mengkaji dan menjelaskan mekanisme aplikasi prinsip *al-muḍārabah* dan *al-musyārah* dalam produk-produk BMI di Jakarta.

1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Pesatnya perkembangan sistem perbankan Islam pada masa sekarang ini merupakan gambaran betapa besarnya keperluan manusia kepada satu jawapan yang nyata sebagai pengganti bagi sistem perbankan konvensional yang mengamalkan riba. Prinsip *al-muḍārabah* dan *al-musyārah* adalah prinsip yang dapat diaplikasikan dalam produk-produk dan perkhidmatan dalam sistem perbankan Islam.

Oleh itu, penulis merasa penting untuk membuat sebuah kajian mengenai aplikasi *al-muḍārabah* dan *al-musyārah* dalam produk-produk BMI di Jakarta, serta mengetahui seluk beluknya bagi mendedahkan hakikat aplikasinya kepada masyarakat luas.

Kajian ini juga dianggap penting kerana bank yang beroperasi mengikut prinsip syariah, mestilah sentiasa mengikuti aturan yang telah ditentukan Islam. Sehingga penyeliaan dan pengawasan terhadap aktiviti sistem perbankan Islam perlu dilakukan oleh semua pihak yang memiliki kemampuan serta pengetahuan di bidang ini.

Kajian ini juga dianggap penting untuk memberi penjelasan bagi umat Islam agar tidak terperosok mengamalkan riba, serta beralih kepada ajaran Islam yang sahih. Hal ini menunjukkan kesyumulan ajaran Islam yang merangkumi semua aspek kehidupan, termasuklah dalam bidang ekonomi dan perbankan.

Adalah amat wajar jika kajian ini bertujuan mengkaji dan menelaah kesesuaian aplikasi prinsip *al-mudārabah* dan *al-musyārah* dalam produk-produk BMI di Jakarta dengan ketentuan syarak.

1.7 METODOLOGI KAJIAN

Ada dua metode penting yang digunakan dalam menulis kajian ini, iaitu:

1). Metode Pengumpulan Data

Metode yang digunakan dalam mengumpulkan data dalam penulisan disertasi ini ialah:

a). Kajian Perpustakaan

Penulis menggunakan metode kajian ini terutamanya dalam mencari dan mengumpulkan bahan-bahan bacaan, seperti buku-buku fiqh klasik dan kontemporeri, kertas kerja, jurnal dan latihan ilmiah serta menganalisis tajuk-tajuk tersebut yang merupakan bahan dalam menyelesaikan penulisan bab dua yang mengkaji tentang sistem perbankan Islam, dan bab tiga yang mengkaji tentang sistem perbankan Islam di Indonesia, serta bab empat yang mengkaji tentang konsep *al-muḍārabah* dan *al-musyārah* dalam fiqh muamalat.

Oleh itu, keseluruhan isi bab yang berkaitan dengan definisi dan konsep *al-muḍārabah* dan *al-musyārah* serta sejarah penubuhan sistem perbankan Islam, diambil dari bahan-bahan bacaan yang berkaitan dengan matlamat kajian ini.

Untuk mendapatkan maklumat, bahan-bahan dan dokumen tersebut, penulis telah mengunjungi beberapa perpustakaan, di antaranya ialah:

- 1) Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Kuala Lumpur-Malaysia.
- 2) Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur-Malaysia.
- 3) Perpustakaan Peringatan Za'ba, Universiti Malaya, Kuala Lumpur-Malaysia.
- 4) Perpustakaan Muamalat Institut Bank Muamalat Indonesia, Jakarta-Indonesia.
- 5) Perpustakaan Tun Seri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi-Malaysia.
- 6) Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Kuala Lumpur-Malaysia.
- 7) Perpustakaan Pusat Islam Malaysia, Kuala Lumpur.
- 8) Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur-Malaysia.
- 9) Perpustakaan Institute Agama Islam Negeri Sumatera Utara, Medan-Indonesia.

Selain memperoleh dokumen dan bahan-bahan bacaan melalui perpustakaan, penulis juga mendapat maklumat daripada koleksi buku-buku milik penulis dan rakan-rakan lainnya.

Di samping itu, untuk melengkapi kajian perpustakaan penulis juga menggunakan metode historis yang bermaksud mencari satu pemahaman yang tertumpu dari sudut sejarah suatu, yang bertujuan untuk mendapatkan maklumat dan fakta sejarah dalam bentuk dokumen yang berkaitan dengan suatu kajian dalam menentukan ketetapan tarikh suatu kejadian. Ianya merupakan suatu metode penting dalam melakukan kajian ini untuk mendapatkan fakta sejarah di masa lalu mengenai sejarah penubuhan Bank Islam di pelbagai negara, dan termasuklah Indonesia.

Selanjutnya, penulis juga melayari beberapa laman web di internet dalam menjalankan kajian ini untuk mencari sebarang maklumat dan data yang berkaitan dengan subjek kajian. Dan ianya telah banyak memberi manfaat dan maklumat kepada penulis dalam menjalankan kajian ini.

b). Kajian Lapangan

Metode yang digunapakai dalam melakukan kajian lapangan guna menyempurnakan penulisan kajian ini adalah *temubual*. Metode ini dilakukan untuk mendapat gambaran yang sebenar mengenai operasi Bank Muamalat Indonesia (BMI) di Jakarta dalam menawarkan produk-produk perkhidmatannya kepada masyarakat luas, sehingga dapat memajukan ekonomi masyarakat demi kebaikan dan kemajuan umat Islam.

Dalam hal ini, penulis melakukan penelitian ke Ibu Pejabat BMI di Jakarta dan seterusnya ke Institute Muamalat di Karawaci guna mendapatkan maklumat dan data yang dikehendaki. Selanjutnya penulis melakukan temubual secara langsung dengan Direktur Muamalat Institute, Prof. Drs. H. Amir Batubara pada 15 Mei 2007 jam 14.00 dan Ketua Bidang Riset Muamalat Institute, H. A. Nuryadi Asmawi, L.LB, MA pada 16 Mei 2007 jam 11.00 di Ibu Pejabat Bank Muamalat Indonesia, Jakarta.

Metode ini digunapakai dalam penulisan bab lima yang mengkaji tentang aplikasi *al-muḍārabah* dan *al-musyārah* dalam produk-produk BMI di Jakarta.

2). Metode Penganalisaan Data

Ada tiga Metode yang digunapakai dalam menganalisis data dalam penulisan kajian ini iaitu:

a). Metode Induktif

Metode ini bertujuan menganalisa suatu masalah berdasarkan perkara-perkara yang bersifat khusus kepada perkara-perkara yang bersifat umum dengan pembuktian dalil-dalil. Metode ini digunapakai dalam penulisan bab empat yang mengkaji tentang konsep *al-muḍārabah* dan *al-musyārah* dalam fiqh muamalat. Seterusnya penulis akan menganalisa data dan fakta yang bersifat khusus kepada suatu kesimpulan yang bersifat umum.

b). *Metode Deduktif*

Metode ini bertujuan menganalisa suatu masalah berdasarkan perkara-perkara yang bersifat umum kepada perkara-perkara yang bersifat khusus dengan pembuktian dalil. Metode ini digunakan dalam penulisan bab lima yang mengkaji tentang aplikasi *al-muḍārabah* dan *al-musyārah* dalam produk-produk BMI di Jakarta. Seterusnya penulis akan menganalisa data dan fakta yang bersifat umum kepada suatu kesimpulan yang bersifat khusus.

c). *Metode Komparatif*

Metode ini bertujuan membuat suatu kesimpulan melalui studi perbandingan terhadap data dan fakta yang diperoleh. Selanjutnya data dan fakta yang diperoleh berkenaan dengan konsep *al-muḍārabah* dan *al-musyārah* dalam fiqh muamalat serta aplikasinya dalam produk-produk BMI di Jakarta akan dianalisis dengan metode ini, untuk membuat suatu perbandingan dengan mencari persamaan dan perbezaan yang wujud antara konsep dan aplikasi produk-produk *al-muḍārabah* dengan konsep dan aplikasi produk-produk *al-musyārah* yang diamalkan oleh BMI. Sehingga hasil daripada studi perbandingan ini akan memberi gambaran yang jelas dan sepadan mengenai kajian ini.

1.8 KAJIAN TERDAHULU

Sepanjang pengetahuan penulis, belum ada lagi hasil kajian dan penelitian yang seumpama betul dengan tajuk yang dicadangkan. Namun demikian, penulis menemukan

beberapa buku dan hasil kajian berkenaan dengan konsep dan aplikasi akan tetapi cakupan kajian tersebut terhad pada kategori-kategori tertentu.

Di sini penulis membuat pembahagian mengikut subjek khusus terhadap beberapa buku dan hasil kajian yang telah mengkaji tajuk seperti yang dicadangkan ke dalam tiga klasifikasi seperti berikut ini:

1. Kajian Secara Teori Mengenai Konsep *Al-Muḍārabah* Dan *Al-Musyārah*

1.A Kajian Tentang *Al-Muḍārabah*

Abū al-Ḥasan ʿAlī Ibn Muḥammad Ibn al-Ḥabīb al-Māwardī,¹ menghuraikan panjang lebar berkenaan dengan prinsip *al-muḍārabah* secara teori pada masa dahulu mengikut kepada kandungan yang didapati daripada al-Qur'an dan al-Sunnah. Di sini diuraikan konsep amalan *al-muḍārabah* yang hanya melibatkan seorang pemodal (*ṣāhib al-māl*) dengan seorang pengusaha (*muḍārib*) atau dengan beberapa pengusaha secara berperingkat.

ʿĀmir ʿAbd Al-Bāsiṭ,² menghuraikan teori dan amalan prinsip *al-muḍārabah* sebagaimana yang telah berlaku pada masa dahulunya, iaitu amalan prinsip *al-muḍārabah* pada masa jahiliyah sebelum Islam, dan pada awal kedatangan Islam serta masa kejayaannya di Semenanjung Tanah Arab.

¹ Abū al-Ḥasan ʿAlī Ibn Muḥammad Ibn al-Ḥabīb al-Māwardī (1983), *Al-Muḍārabah. Dirāsah wa tāḥqīq* Abd Al-Wahhāb Ḥawwās. Kaherah: Dār Al-Anṣār, h. 135-139.

² ʿĀmir ʿAbd Al-Bāsiṭ (1994), *Al-Muḍārabah*. Kaherah: Al-Syirkah Al-Miṣriyyah, h. 15-20.

Sa'ad Ibn Gharir Ibn Mahdi al-Sulami,³ menghuraikan dan menganalisis konsep syarikat *al-muḍārabah* secara perbandingan dalam fiqh Islam. Di sini dihuraikan dan dibandingkan antara tiga syarikat *al-muḍārabah*, iaitu perkongsian terhadap harta dan usaha dari kedua belah pihak, dan perkongsian terhadap usaha dari kedua belah pihak sementara penyediaan harta hanya dari salah satu pihak, serta perkongsian terhadap harta dari kedua belah pihak sementara objek usaha hanya dari salah satu pihak.

Ibrahīm Fāḍil Yūsuf al-Dabū,⁴ menghuraikan konsep akad *al-muḍārabah*, mulai dari definisi, pembahagian, syarat dan rukun *al-muḍārabah* dari sudut perbandingan dalam berbagai mazhab yang wujud dalam Islam dengan melakukan pentarjihan. Selanjutnya, pendapat yang terpilih akan disepadankan dengan fakta dan *al-muḍārabah* dalam undang-undang sivil yang berlaku di Irak.

Haini Hasini,⁵ menghuraikan bahawa masyarakat muslim dan bukan muslim menyambut baik penubuhan skim pelaburan *al-muḍārabah*. Masyarakat muslim pula akan memanfaatkan skim *al-muḍārabah* dalam pelaburan mereka, kerana ianya selamat dari amalan faedah yang dilarang oleh Islam. Tulisan ini juga menjelaskan aplikasi skim *al-muḍārabah* secara teori, tetapi tidak membuat suatu analisis yang syumul tentang prinsip sebenar dalam amalan *al-muḍārabah*.

³ Sa'ad Ibn Gharir Ibn Mahdi Al-Sulami (1997/1417), *Syirkat Al-Muḍārabah fī Al-Fiqh Al-Islāmi; Dirāsah Taḥlīliyyah Muqāranah*. Kerajaan Arab Saudi: Markaz Buhūth Al-Dirāsāt Al-Islāmiyyah bi Jāmi'at Umm Al-Qurā, h. 11-12.

⁴ Ibrahīm Fāḍil Yūsuf al-Dabū (1973), *‘Aqd Al-Muḍārabah; Baḥth Muqāran fī Al-Syarī‘ah Wa Al-Qānūn*. Disertasi Master Syariah Islamiyyah pada Universiti Baghdad, Irak, h. 17-18.

⁵ Haini Hasini (1997), *Skim Pelaburan Muḍārabah: Sambutan Masyarakat Dari Persepsi Pihak Pengurus Terhadap Pelaksanaannya*. Latihan Ilmiah, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, h. 79-83.

Shahrukh Rafi Khan,⁶ menghuraikan percubaan dan amalan sistem perkongsian untung dan rugi berdasarkan prinsip *al-muḍārabah* dalam sistem kewangan dan perbankan dalam Islam, dimana ianya mendapati amalan yang cukup memberangsangkan.

Sudin Haron dan Bala Shanmugam,⁷ menghuraikan konsep dan aplikasi sistem perbankan Islam yang mengamalkan pelbagai prinsip syariah, di antaranya sistem perkongsian untung berdasarkan prinsip *al-muḍārabah* dan *al-musyārahah*.

Andrew Cunningham,⁸ pula menghuraikan prospek dan peluang sistem kewangan dan perbankan Islam pada tahun 1990. Dan salah satu produk utamanya ialah sistem perkongsian untung berasaskan prinsip *al-muḍārabah*.

Munawar Iqbal,⁹ menghuraikan peluang dan cabaran sistem kewangan dan perbankan Islam menerusi sistem perkongsian untung yang diamalkan dalam menghadapi risiko dan peluang semasa.

Michael Poole,¹⁰ menghuraikan prihal penerapan sistem demokrasi secara natural menerusi sistem perkongsian untung dan skim penanaman modal bagi para pegawai untuk memperoleh bahagian daripada keuntungan ke atas pelaburan yang dibuat.

⁶ Shahrukh Rafi Khan (1987), *Profit and loss sharing: an Islamic experiment in finance and banking*. Karachi: Oxford University Press, h. 53.

⁷ Sudin Haron dan Bala Shanmugam (1997), *Islamic Banking System, Concepts And Applications*. Petaling Jaya: Pelanduk Publications Sdn. Bhd., h. 25-26.

⁸ Andrew Cunningham (1990), *Islamic Banking And Finance Prospects for The 1990*. London: Middle East Economic Digest, h. 45.

⁹ Munawar Iqbal (2002), *Islamic banking and finance: new perspectives on profit sharing and risk*. London: Edward Elgard Pub., h. 19.

¹⁰ Michael Poole (1989), *The origins of economic democracy: profit-sharing and employee-shareholding schemes*. New York: Routledge, h. 27.

Yusuf Talal De Lorenzo,¹¹ menghuraikan ringkasan ke atas amalan yang dijadikan sebagai prinsip utama bagi operasi Bank Islam. Ia menghuraikan ada tiga prinsip utama dalam amalan ini iaitu *al-murābahah*, *al-muḍārabah* dan *al-musyārah*.

1.B Kajian Tentang Al-Musyārah

Muhammad ‘Abd al-Raūf Ḥamzah,¹² menghuraikan konsep akad *al-musyārah* dalam perspektif syariat Islam. Di sini dihuraikan mengenai pengertian, dalil pensyarian, syarat-syarat dan pembatalan akad *al-musyārah* ditinjau daripada hukum Islam. Kajian ini banyak menghuraikan pendapat para ulama mengenai pembahagian *al-musyārah* beserta dalil dari setiap pendapat.

Nurulbahiah binti Awang,¹³ menghuraikan kesempurnaan sistem kewangan Islam terutamanya prinsip *al-musyārah* dalam menjalankan kontrak perkongsian. Kajian ini juga menunjukkan cara pengiraan untung rugi dalam prinsip perkongsian mengikut peruntukan akta 1961 dan prinsip *al-musyārah*, sehingga dapat dinyatakan bahawa kesahihan dan keadilan pengiraan serta pembahagian untung rugi dalam prinsip *al-musyārah* lebih terdapat berbanding dengan peruntukan akta 1961.

1.C Kajian Tentang Al-Muḍārabah Dan Al-Musyārah

¹¹ Yusuf Talal De Lorenzo (1997), *A Compendium of legal opinions on the operations of Islamic Banks : murabahah, mudarabah, and musharakah*. London: Institute of Islamic Banking and Insurance, h. 37.

¹² Muhammad ‘Abd al-Raūf Ḥamzah (2006/1427), *Al-Musyārah fī Al-Syarī‘ah Al-Islāmiyyah*. Disertasi Master pada bahagian Ekonomi dan Perbankan Islam di St. Clements University, London-UK, h. 9-10.

¹³ Nurulbahiah binti Awang (2003), *Mushārah: Satu Kajian Perbandingan Antara Prinsip Perkongsian Dalam Syarak Dan Prinsip Perkongsian Mengikut Peruntukan Akta Perkongsian 1961*. Disertasi Sarjana, Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, h. 23-25.

Norazlina Nawī,¹⁴ menghuraikan tata cara penggunaan prinsip *al-muḍārabah* dan *al-musyārah* dalam pembiayaan ekuiti Islam, dan sememangnya ia tidak ada mengandungi unsur riba. Namun yang diutamakan ialah perkongsian yang didasari oleh rasa tanggung jawab dan persaudaraan. Selanjutnya, perkongsian dalam untung dan rugi dilakukan secara adil tanpa menzalimi salah satu pihak.

2. Kajian Secara Praktikal Mengenai Prinsip *Al-Muḍārabah* Dan *Al-Musyārah* Di Malaysia

2.A Kajian Tentang *Al-Muḍārabah*

Yusuf Ramli (2003),¹⁵ menghuraikan pandangan ahli-ahli fiqh dari berbagai mazhab sunni mengenai kontrak *al-muḍārabah*, iaitu mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan pembinaan kontrak, sifat kontrak, pihak-pihak yang boleh terlibat dalam kontrak, sifat modal, agihan keuntungan, tanggungan kerugian, penyelesaian pertikaian antara pihak yang berkontrak dan pembubaran kontrak *al-muḍārabah*. Di sini juga diuraikan bahawa kontrak *al-muḍārabah* adalah suatu kontrak *al-mu'āwadah*, iaitu kontrak yang ada balasan bukan *tabarru'* atau sukarela. Kajian ini juga menilai setakat mana kesesuaian akad *al-muḍārabah* untuk digunapakai dalam pengurusan kewangan moden.

¹⁴ Norazlina Nawī (1998/1999), Penggunaan Prinsip *Al-Muḍārabah* dan *Al-Musyārah* Dalam Pembiayaan Ekuiti Secara Islam. Latihan Ilmiah, Jabatan Syariah dan Pengurusan, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, h. 16-19.

¹⁵ Yusuf Ramli (2003), *Muḍārabah: Konsep dan Pemakaiannya Dalam Institusi Kewangan Malaysia*. Thesis (Ph.D), Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, h. 21-27.

Muhammad Kamal Azaman bin Jusoh,¹⁶ menghuraikan operasi produk kenderaan berenjin dalam insurans Islam di *Malaysian National Insurance* (MNI) *Takāful*. Ia bermatlamatkan untuk menilai dan mengkaji masalah-masalah yang timbul dari operasi tersebut khususnya penggunaan *al-muḍārabah* dalam aspek pelaburannya. Hasil daripada kajian ini didapati bahawa perlaksanaan mudarabah dalam produk kenderaan berenjin adalah kurang tepat dan boleh mengelirukan umat Islam. Seterusnya penulis telah memberikan alternatif yang sepatutnya boleh dilakukan untuk operasi insurans Islam dengan lebih jelas lagi, iaitu dengan mencadangkan konsep *al-wakālah* dan *al-tabarruʿ*.

Thurayya binti Yahya,¹⁷ menghuraikan prinsip *al-muḍārabah* yang diamalkan dalam Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) hanya sebatas pada pelaksanaan prinsip *al-muḍārabah* pada amalan pembukaan akaun simpanan dan akaun semasa sahaja. BIMB juga melaksanakan kontrak *al-muḍārabah* dengan bank lain yang mengalami defisit anggaran dana, namun kontrak *al-muḍārabah* tersebut tidak boleh melebihi satu tahun. Kajian ini juga menjelaskan cara pembahagian keuntungan hasil wang yang dilaburkan secara *al-muḍārabah* oleh BIMB dengan pelanggan dan pelaburnya.

Nurul Huda Yahya @ Yahuza,¹⁸ menghuraikan amalan prinsip *al-muḍārabah* di Bank Pertanian Malaysia dalam akaun simpanan dan akaun semasa. Dari hasil kajian ini didapati bahawa Bank Pertanian Malaysia dalam amalannya menggunapakai prinsip *al-muḍārabah al-musyarakah* disebut dengan *al-muḍārabah* dua peringkat. Bank

¹⁶ Muhammad Kamal Azman bin Jusoh (1998), Konsep *Muḍārabah* Di Dalam Sebahagian Produk Takaful: Kajian Perlaksanaannya Berdasarkan Pandangan Empat Mazhab. Disertasi Sarjana Pengajian Islam, Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, h. 20-24.

¹⁷ Thurayya binti Yahya (1998), Pelaksanaan Skim *Muḍārabah* di Bank Islam Malaysia Berhad: Sejauh Mana Keberkesanannya. Latihan Ilmiah, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, h. 73-80.

¹⁸ Nurul Huda Yahya @ Yahuza (2001), Pelaksanaan Prinsip *Muḍārabah* di Dalam Akaun Pelaburan Am al-Mudarabah: Kajian kes di Bank Pertanian Malaysia. Latihan Ilmiah, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, h. 63-71.

berkenaan juga mempunyai cara tersendiri dalam membahagikan keuntungan wang yang dilaburkan di bank oleh para pelabur.

Khajali Idris,¹⁹ menghuraikan bahawa Bank Rakyat Malaysia menawarkan perkhidmatan perbankan Islam pada prinsip *al-muḍārabah* dan *al-waḍīʿah*. Kajian ini juga menjelaskan bahawa pelanggan akaun *al-muḍārabah* dan *al-waḍīʿah* di Bank Rakyat tidak hanya masyarakat muslim sahaja, tetapi juga masyarakat bukan muslim. Di sini juga dijelaskan peratusan jumlah pelanggan muslim dan bukan muslim serta faktor masyarakat muslim dan bukan muslim berminat melaburkan wangnya pada akaun simpanan secara *al-muḍārabah* di Bank Rakyat. Kajian ini juga menghuraikan cara menentukan pengagihan keuntungan dalam akad *al-muḍārabah* kepada para pelanggan di Bank Rakyat Malaysia.

Dayang Zuraidah Awang Sulung,²⁰ menghuraikan bahawa penghimpunan dana terbesar di Bank Rakyat Malaysia ialah pada akaun simpanan secara konvensional. Dan setelah sistem perbankan Islam dibenarkan untuk diamalkan dalam sistem kewangan di Malaysia, Bank Rakyat pada peringkat awal mengamalkan sistem perbankan Islam pada akaun simpanan dan akaun semasa mengikut prinsip *al-muḍārabah* dan *al-waḍīʿah*. Kajian ini juga menerangkan bahawa modal pembiayaan terbesar yang dapat dihimpun oleh Bank Rakyat ianya pada akaun simpanan *al-waḍīʿah* dan akaun Am *al-muḍārabah*. Selanjutnya, Bank Rakyat Malaysia juga menawarkan perkhidmatan pembiayaan berasaskan kepada prinsip *al-muḍārabah* dan *bayʿ bithaman ājil*.

¹⁹ Khajali Idris (1998), Perbandingan Penerimaan Diantara Pendeposit Muslim dan Bukan Muslim terhadap Instrumen *Al-Waḍīʿah* dan *Al-Muḍārabah*. Latihan Ilmiah, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, h. 68-95.

²⁰ Dayang Zuraidah Awang Sulung (1996), Pelaksanaan Skim *Al-Muḍārabah*: Keberkesanannya Dalam Meningkatkan Pembangunan Bank Rakyat. Latihan Ilmiah, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, h. 89-107.

2.B Kajian Tentang Al-Musyārahah

Saimi Bujang,²¹ menghuraikan bahawa jenis akad *al-musyārahah* yang diamalkan pada masa ini ialah *musyārahah al-ʿinān*, sementara jenis yang lain belum diambil kira untuk dipraktikkan dalam sistem perbankan. Padahal dengan mempraktikkan jenis *al-musyārahah* yang lain dalam sistem perbankan Islam tidak akan membawa kerugian, kerana sistem perbankan Islam masih memerlukan produk-produk yang mampu bersaing dan mendatangkan kebaikan dan keuntungan. Walaupun penggunaan musyarakah buat masa ini masih dalam jumlah yang kecil jika dibandingkan dengan prinsip-prinsip yang lain.

2.C Kajian Tentang Al-Muḍārabah Dan Al-Musyārahah:

Rosnita binti Jaafar,²² menghuraikan konsep, prinsip dan aplikasi *al-muḍārabah* dan *al-musyārahah* dalam pembiayaan ekuiti di Malaysia. Ia bermatlamat untuk mengkaji pandangan imam mazhab yang empat mengenai dua prinsip syariah ini dan menilai sejauh mana ia diimplementasikan dalam sektor kewangan khususnya pembiayaan ekuiti dan perkembangannya di Malaysia. Penilaian turut dibuat terhadap bentuk dan jenis pembiayaan ekuiti yang wujud kini di samping pembiayaan-pembiayaan yang lain dengan meneliti cabaran, halangan, dan kekangan yang ada. Hasil daripada kajian mendapati bahawa pelaksanaan dan pertumbuhan pembiayaan ekuiti yang berasaskan

²¹ Saimi Bujang (2002), *Daya Saing Instrumen Musyārahah: Satu Kajian Di BIMB*. Latihan Ilmiah, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, h. 29-35.

²² Rosnita binti Jaafar (2007), *Mushārahah dan Muḍārabah: Pelaksanaannya Dalam Pembiayaan Ekuiti Di Malaysia*. Disertasi Sarjana Pengajian Islam, Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, h. 56-64.

prinsip *al-muḍārabah* dan *al-musyārah* agak lembab dan kurang mendapat sokongan disebabkan pegangan risiko yang agak tinggi. Penulis melihat pembiayaan jual-beli dan pembiayaan hutang melalui terbitan bon, berasaskan prinsip *bay' bithaman ājil*, *al-murābahah*, dan *al-ijārah* lebih mendominasi struktur pasaran modal di Malaysia.

Nik Nor Hasidi Nik Wil,²³ menghuraikan bahwa BIMB sebagai Bank Islam yang terulung dan paling lama bertahan telah banyak membangunkan sistem perbankan Islam kepada sebuah sistem perbankan moden, mampu berdayasaing dan berkembang menjadi alternatif kepada perbankan konvensional yang telah sekian lama bertapak dan begitu sehati dalam kehidupan masyarakat Islam di Malaysia. Kepelbagaian produk dan perkhidmatan yang ditawarkan seperti perkhidmatan deposit, pembiayaan usaha, pembiayaan perdagangan dan sebagainya, mampu bersaing dengan produk dan perkhidmatan yang ditawarkan Bank Konvensional. Kajian ini menganalisis bahawa terdapat beberapa produk yang ditawarkan oleh BIMB tidak begitu mendapat sambutan daripada masyarakat terutamanya produk *al-muḍārabah* dan *al-musyārah*, walaupun kedua-duanya merupakan asas penting dalam penubuhan BIMB. Namun kedua-duanya belum memberi sumbangan dan kejayaan yang begitu besar terhadap pertambahan dana BIMB.

3. Kajian Secara Praktikal Mengenai Prinsip *Al-Muḍārabah* Dan *Al-Musyārah* Di Indonesia

3.A Kajian Tentang *Al-Muḍārabah*

²³ Nik Nor Hasidi Nik Wil (2000), Dasar Penubuhan Bank Islam Berasaskan Konsep *Muḍārabah* Dan *Musyārah*: Realiti Dan Kejayaannya Dalam Operasi Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB). Latihan Ilmiah, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, h. 34-42.

Fitrianto,²⁴ menghuraikan konsep akad *al-muḍārabah* seperti yang dikembangkan oleh para fuqaha, lalu mengkaitkannya dengan aplikasi yang berlaku dalam amalan Bank Muamalat Indonesia dan Bank Islam Mandiri Cawangan Pekanbaru, Riau, Indonesia. Akad *al-muḍārabah* ialah akad perkongsian antara pemodal dan usahawan untuk melakukan sesuatu pelaburan yang halal dan menguntungkan, keuntungan dari pelaburan akan diagihkan di antara kedua-dua pihak berdasarkan persetujuan bersama semasa akad. Dan jika ada kerugian akan ditanggung oleh pemodal dengan syarat kerugian itu tidak disebabkan oleh kecuaiian dan sikap tidak amanah usahawan. Kajian ini juga menghuraikan bahawa kedua-dua Bank Islam berkenaan beroperasi dengan prinsip syariah yang lain, seperti *al-waḍ'ah*, *al-murābahah*, *bay' al-istiṣnā'*, *bay' al-salam*, dan *al-ijārah*.

Noprizal bin Muhammad Yunus,²⁵ menghuraikan bahawa salah satu daripada kesan positif dalam pemakaian sistem perbankan Islam ke dalam sistem perbankan konvensional ialah munculnya skim syariah di bawah Bank Konvensional. Hal ini dapat dilihat dengan jelas dalam amalan prinsip *al-muḍārabah* terhadap beberapa produk Bank Negara Indonesia (BNI). Namun amalan ini masih perlu lagi dikaji dan diteliti, kerana bagaimanapun juga skim syariah sememangnya tidak boleh dicampuradukkan dengan sistem perbankan konvensional.

Muhammad Haekal,²⁶ menghuraikan ketentuan nisbah perkongsian untung bagi bank ditentukan dengan cara mengagihkan kadar keuntungan yang diharapkan oleh

²⁴ Fitrianto (2006), Analisis Pelaksanaan Prinsip *Al-Muḍārabah* Oleh Bank Islam Mandiri Dan Bank Muamalat Indonesia Cawangan Pekanbaru, Riau, Indonesia. Disertasi Master Pengajian Islam, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, h. 113-121.

²⁵ Noprizal bin Muhammad Yunus (2006), Kriteria Pelaburan Bank Islam: Aplikasi *Muḍārabah* pada Bank Negara Indonesia. Disertasi Master Pengajian Islam, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, h. 95-103.

²⁶ Muhammad Haekal (2006), Sistem Perkongsian untung Pembiayaan Modal Kerja *Muḍārabah* Pada PT. Bank Muamalat Indonesia. Skripsi Jurusan Akuntansi, Sekolah Tinggi Ilmu Ekonomi Indonesia, Jakarta, 45-49.

koperasi selama satu tahun sebesar 22% dengan kadar keuntungan yang telah direferensikan oleh bank sebesar 24.04% kemudian dikalikan dengan 100%, sehingga nisbah perkongsian untung untuk bank adalah 90.16%. Sedangkan nisbah perkongsian untung untuk pelanggan ditentukan melalui selisih antara margin yang diharapkan oleh koperasi dengan ekspektasi *return*, yaitu $24.40 - 22 / 24.40$ dikalikan dengan 100%, sehingga nisbah perkongsian untung untuk pelanggan adalah 9.84%.

3.B Kajian Tentang Al-Musyarakah

Anna Besty Lowita,²⁷ menghuraikan sistem pembiayaan *al-musyarakah* di BMI, beserta syarat yang mesti dipenuhi calon peminjam dalam memohon pinjaman modal kerja dan mekanisme pembahagian hasilnya jika calon peminjam sudah layak mendapat pembiayaan *al-musyarakah* dari BMI. Kajian ini menjelaskan bahawa kondisi pembiayaan *al-musyarakah* yang diberikan adalah 93.76% dalam kondisi lancar, dan 5.51% dalam kondisi kurang lancar, serta bakinya 0.73% dalam kondisi tidak lancar. Jumlah ini menunjukkan bahawa kondisi sebahagian besar pembiayaan *al-musyarakah* adalah lancar, atau dapat dikatakan bahawa peratusan pembiayaan bermasalah amat kecil.

Setelah penulis meneliti dan menelaah beberapa buku dan hasil kajian terdahulu di atas, penulis mendapati bahawa tidak ada kajian ilmiah yang telah mengkaji aplikasi *al-mudārabah* dan *al-musyarakah* dalam produk-produk Bank Muamalat Indonesia di Jakarta. Namun demikian, para penulis berkenaan telah mengkaji prinsip *al-mudārabah* dan *al-musyarakah* dalam tulisan mereka secara berasingan.

²⁷ Anna Besty Lowita (2006), Analisis Sistem Pembiayaan *Musyarakah* Pada PT. Bank Muamalat. Tbk. Disertasi Master Manajemen, Universitas Gunadarma, Jakarta, h. 37-48.

1.9 SISTEMATIKA PENULISAN KAJIAN

Kajian ini merupakan satu kesatuan utuh yang tidak dapat dipisahkan antara bahagian yang satu dengan yang lainnya. Kajian ini dibahagi kepada enam bab, setiap bab terdiri dari beberapa persoalan sebagai penjelasan. Ini dilakukan untuk mempermudah pembahasan dan pemahaman, sehingga seluruh subjek disenaraikan dengan sistematik.

Bab pertama mengkaji tentang pendahuluan yang meliputi pendahuluan, latar belakang kajian, pernyataan masalah, skop kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, metodologi kajian, kajian terdahulu dan sistematika penulisan kajian.

Bab kedua mengkaji tentang sistem perbankan Islam yang meliputi pengenalan, Bank Islam, produk-produk Bank Islam, perbezaan sistem perbankan Islam dengan sistem perbankan konvensional, fenomena riba dan bunga bank serta kesimpulan.

Bab ketiga mengkaji tentang sistem perbankan Islam di Indonesia yang meliputi pengenalan, operasi sistem perbankan Islam di Indonesia, pengenalan Bank Muamalat Indonesia, perkembangan bank Islam di Indonesia dan kesimpulan.

Bab keempat mengkaji tentang konsep *al-muḍārabah* dan *al-musyārah* dalam fiqh muamalat yang meliputi pengenalan, konsep *al-muḍārabah* dalam fiqh muamalat, konsep *al-musyārah* dalam fiqh muamalat, pembatalan akad *al-muḍārabah* dan *al-musyārah* serta kesimpulan.

Bab kelima mengkaji tentang aplikasi *al-muḍārabah* dan *al-musyārah* dalam produk-produk Bank Muamalat Indonesia yang meliputi pengenalan, akad *al-*

muḍārabah dan *al-musyārah* sebagai instrumen sistem perkongsian untung dan rugi, produk penghimpunan dana berasaskan *al-muḍārabah*, produk pembiayaan berasaskan *al-muḍārabah* dan *al-musyārah* dan kesimpulan.

Bab keenam merupakan bahagian penutup yang meliputi kesimpulan dan cadangan.

BAB 2

SISTEM PERBANKAN ISLAM

2.1 PENGENALAN

Islam merupakan ruh sebenar yang suci bagi segenap umat manusia. Ia merupakan pelita dan cahaya petunjuk bagi menjalani kehidupan. Ia juga merupakan jalan yang lurus dan pedoman hidup yang akan menghantar umat manusia menuju kesejahteraan di dunia dan kebahagiaan di akhirat.

Di tengah-tengah kebimbangan umat manusia dengan kondisi dunia saat ini, Islam merupakan jawapan sebenar terhadap berbagai masalah dan krisis yang menerpa, kerana Islam adalah agama fitrah yang dapat mengembalikan manusia kepada hakikat fitrahnya sendiri.

Namun demikian, di masa sekarang ini masih ada anggapan bahawa Islam adalah penghalang pembangunan dan kemajuan.²⁸ Namun kesimpulan ini timbul kerana kesalahfahaman terhadap hakikat Islam yang sahih. Islam tidak terhad hanya pada perkara agama dan ritual sahaja, tetapi Islam adalah sistem yang komprehensif, menyeluruh dan merangkumi semua aspek kehidupan. Islam merangkumi aspek pendidikan, sosial, politik, jihad, ibadah, teknologi, budaya, kenegaraan, ekonomi, perbankan dan aspek-aspek lain yang sesuai dengan ajaran Islam untuk menjana kemajuan bagi sesebuah negara.²⁹

²⁸ Max Weber (1976), *The Protestant Ethic and the Spirit of Capitalism*. London: George Allen & Unwin Ltd, h. 89.

²⁹ M. Rodinson (1974), *Islam and Capitalism*. London: Allen Lane, h. 115.

Sistem perbankan Islam adalah sistem perbankan yang diamalkan berasaskan prinsip syariah. Asas utama bagi penubuhan sistem perbankan ini adalah memberi perkhidmatan perbankan kepada pelanggan yang terbebas daripada sebarang unsur riba, perjudian dan penipuan, dimana perkara ini masih diamalkan oleh sistem perbankan konvensional.

Di sesetengah negara Islam pada zaman moden ini, sistem perbankan Islam bukan hanya sekadar tulisan atau karya ilmiah, atau bahan diskusi dan seminar belaka, tetapi ianya telah menjadi satu kenyataan yang telah wujud dan sentiasa berkembang dengan pesat menuju matlamat yang sangat besar, iaitu menjadi sistem yang tersendiri dan memimpin.³⁰

Pada dasarnya, sistem perbankan Islam ditubuhkan sebagai suatu jawapan yang nyata terhadap tuntutan para pakar ekonomi Islam beserta umat Islam di seluruh dunia yang menginginkan wujudnya perkhidmatan kewangan berdasarkan prinsip syariah sebagai satu pengganti daripada amalan sistem perbankan konvensional yang bercanggah dengan ajaran Islam.³¹

Sehubungan dengan itu, bab ini akan menghuraikan pengertian bank Islam, produk-produk bank Islam, perbezaan sistem perbankan Islam dengan sistem perbankan konvensional, fenomena riba dan bunga bank serta kesimpulan.

³⁰ Afzal al-Rahman (1979), *Banking and Insurance*. London: The Muslim School Trust, h. 23; Abdul Halim Ismeil (1994), *Islamic and Conventional Financial System*, dibentangkan dalam seminar *Islamic Investment*. Kuala Lumpur: Pan Pacific Glenmarle Glof and Country Resort Diversified Research Sdn. Bhd, 2-3 Ogos 1994, h. 15; Afzal al-Rahman (t.t), Riba and Interest, dalam, *Islamic Studies*, Karachi: Islamic Foundation, h. 1-43; Sudin Haron (1996), *Prinsip dan Operasi Bank Islam*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd., h. 273-276.

³¹ Abdul Halim Ismeil, Bank Islam Sebagai Satu Institusi Pembangunan Masyarakat Islam, dalam Muhammad Syukri Salleh (ed.) (1990), *Konsep dan Pelaksanaan Pembangunan Berteraskan Islam*. Pulau Penang: Penerbit Universiti Sains Malaysia h. 69.

2.2 BANK ISLAM

Berikut ini akan diuraikan pengertian bank Islam, landasan dasar penubuhan, objektif penubuhan dan sejarah perkembangan bank Islam.

2.2.1 PENGERTIAN BANK ISLAM

Kata bank berasal dari bahasa Itali *banca*, diambil dari bahasa Jerman yang bermakna bangku. Ini kerana pada awalnya, peminjam wang di bahagian utara [Itali](#) biasanya memberikan khidmat di tempat awam, dan mempunyai kerusi dan meja sendiri. Bank moden pertama ditubuhkan di Genoa, Itali pada tahun 1406 yang bernama [Banco di San Giorgio](#) (Bank of St. George).³²

Ada pula yang berpendapat bahawa kata bank berasal dari bahasa Itali, *banco* dan Perancis iaitu *banque* yang bermakna kepingan papan tempat meletakkan buku atau sejenis meja. Kemudian makna dari pengertian ini diperluas menjadi kaunter tempat penukaran wang yang digunakan oleh pemberi pinjaman.³³

Kata bank dapat didefinisikan sebagai sebuah institusi yang menawarkan perkhidmatan kewangan, pertukaran mata wang, pemberian pinjaman dan penerimaan bil pertukaran.³⁴ Bank pula dapat didefinisikan sebagai institusi kewangan yang menjalankan aktiviti penerimaan deposit dari orang ramai, memberi pinjaman kepada

³² Steven M. Sheffrin (2003), [Economics: Principles in action](#). New Jersey: Pearson Prentice Hall, h. 250-251.

³³ J.A. Simpson dan E.S.C. Weiner (1989), *The Oxford English Dictionary*. Oxford: Clarendon Press, Vol 1, Cet. II, h. 930;

³⁴ Teuku Iskandar (1984), *Kamus Dewan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 103.

pelanggan, menjalankan perniagaan bil pertukaran, melaksanakan pelaburan ekuiti dan menjalankan dasar kewangan kerajaan.³⁵

Dapat disimpulkan bahawa bank adalah sebuah [institusi kewangan](#) dimana aktiviti utamanya adalah bertindak seperti satu ejen pembayaran untuk para pelanggan dan untuk meminjamkan wang. Ia adalah sebuah institusi untuk menerima, menyimpan, dan meminjamkan wang. Biasanya bank menghasilkan untung dari bayaran pinjaman atas khidmat yang diberikan dan faedah dari pinjaman.

Perkataan syariah pula dari sudut etimologi bermakna jalan yang lurus. Sedangkan dari sudut terminologi, syariah bermakna undang-undang atau aturan-aturan yang mengatur hubungan antara manusia dengan Sang Pencipta, Allah s.w.t. dan hubungan antara manusia dengan manusia.³⁶

Syariah mencakup semua aktiviti yang dilakukan oleh setiap muslim. Syariah adalah aturan halal dan haram serta perbuatan baik dan buruk. Pedoman syariah sentiasa berdasarkan kepada al-Qur'an dan al-Sunnah.

Perintah untuk menjalankan syariah termaktub dalam al-Qur'an pada firman Allah s.w.t.:

ثُمَّ جَعَلْنَاكَ عَلَىٰ شَرِيعَةٍ مِّنَ الْأَمْرِ فَاتَّبِعْهَا وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَاءَ الَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ

³⁵ Shaari Abd. Hamid (1998), *Kamus Perbankan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 11.

³⁶ Abū al-Faḍl Jamāl al-Dīn Muḥammad Ibn Mukarram al-Anṣārī Ibn Manẓūr (1994), *Lisān al-ʿArab*, Jil. 1. Kaherah: Dār al-Ṣādir, h. 311.

“Kemudian Kami jadikan kamu [ya Muhammad] berada di atas suatu syariat [peraturan] dari perkara [agama], maka ikutilah syariat itu dan jangan kamu ikuti hawa nafsu orang-orang yang tidak berilmu.”

(Surah Al-Jāthiyah [45]: 18).

Dengan demikian, bank Islam dapat didefinisikan sebagai bank yang aktiviti dan sistem operasinya sesuai dengan nilai dan prinsip syariah.³⁷ Dr. Muhammad Ahmad al-Najjar pula mendefinisikan bank Islam sebagai pertubuhan kewangan yang menghimpun dana dan menjalankan operasinya dalam lingkungan syariah dengan tujuan membina kesatuan masyarakat Islam bagi merialisasikan keadilan pengagihan dan menggunakan dana-dana itu mengikut landasan Islam.³⁸

Bank Islam juga dapat didefinisikan sebagai suatu institusi kewangan yang prinsip operasi dan amalannya berasaskan kepada muamalat Islam. Ini bermakna bahawa operasi dan perkhidmatan bank Islam, sama ada perkhidmatan simpanan mahupun pinjaman wang, pelaburan, dan perkhidmatan lainnya mesti sesuai dengan prinsip syariah.³⁹

Ada juga yang mendefinisikan bank Islam sebagai bank yang beroperasi berasaskan konsep muamalat tanpa riba, iaitu konsep perkongsian untung dan rugi antara *ṣāhib al-māl* (pemodal) dengan *muḍārib* (pengusaha). Dalam hal ini, pihak bank bertindak sebagai pemodal yang akan menjalankan akad dengan pihak pengusaha. Seterusnya, pihak pengusaha akan menggunakan modal tersebut kepada usaha-usaha yang halal dan menguntungkan. Kemudian keuntungan yang diperolehi akan dikongsi

³⁷ Azlan Khalili, Hj. Shamsuddin (1988), *Banking and Public Finance In Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar, hh. 1-2.

³⁸ Ahmad Muhammad al-Najjār (1993), *Ḥarakah Al-Bunūk Al-Islāmiyyah; Ḥaqāiq Al-Aṣl wa Auhām Al-Sūrah*. Kāherah: Syarikah Maṭbaʿah Muṣṭafā Al-Bābī Al-Ḥalabī wa Awlādih, h. 15.

³⁹ Sudin Haron (1996), *op. cit.*, h. 2.

sama antara pihak bank dengan pihak pengusaha berdasarkan peratusan yang telah disepakati semasa akad, seperti 60% bagi pengusaha dan 40% bagi bank atau sebaliknya. Sebaliknya jika usaha tersebut tidak memperoleh keuntungan, maka kerugian akan ditanggung oleh pihak pemodal jika pihak pengusaha tidak cuai dan telah bersungguh-sungguh dalam menjalankan usahanya.⁴⁰

Selain itu, bank Islam juga dapat didefinisikan sebagai sebuah institusi perbankan yang ditubuhkan untuk menyediakan kemudahan dalam perkhidmatan perbankan berdasarkan prinsip syariah bagi umat Islam pada khususnya dan bagi seluruh manusia pada umumnya.⁴¹

Berdasarkan kepada pengertian di atas, bank Islam dapat didefinisikan sebagai institusi perbankan yang ditubuhkan berdasarkan prinsip syariah yang menawarkan perkhidmatan di bidang perbankan seperti perkhidmatan akaun simpanan *al-waḍʿah*, akaun semasa *al-muḍārabah*, pembiayaan ekuiti berdasarkan *al-muḍārabah* dan *al-musyārah*, pembiayaan hutang berasaskan *al-murābahah*, pertukaran matawang berdasarkan *al-ṣarf*, pembayaran bil semasa, kiriman wang dan perkhidmatan lainnya berdasarkan prinsip syariah dengan tujuan merealisasikan keadilan dalam pengagihan pendapatan dan kekayaan bagi masyarakat awam, khususnya umat Islam.

⁴⁰ Sāmī Ḥasan Aḥmad Ḥamūd (1991), *Taṭwīr Al-ʿAmāl Al-Maṣrafiyyah*. Kāherah: Maktabah Dar Al-Turāth, h. 390; Ab. Mumin Ab. Ghani (1999), *Sistem Kewangan Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam, h. 405.

⁴¹ Rosli Mahmood (1994), *Konsep asas Perbankan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 15.

2.2.2 LANDASAN DASAR PENUBUHAN BANK ISLAM

Landasan dasar penubuhan bank Islam adalah larangan riba yang terkandung dalam al-Qur'an dan al-Hadith. Di samping itu, landasan dasar penubuhan Bank Islam juga diterokai oleh beberapa realiti berikut ini:

- A. Kesan negatif dari praktik sistem bunga atau riba dalam perbankan konvensional terhadap kehidupan masyarakat. Kerana sebagai pelanggan, masyarakat menghadapi suatu kondisi yang tidak pasti bahawa hasil usaha syarikat daripada kredit yang diambil tidak dapat diramalkan secara pasti. Sementara itu, dia wajib membayar peratusan yang telah ditetapkan berupa pengambilan wang dalam jumlah tertentu di atas pokok pinjaman. Amalan sistem bunga dapat juga berkesan sebagai tindakan tidak adil dari orang kaya terhadap orang miskin, kerana wang yang dimiliki orang kaya tidak disalurkan untuk usaha-usaha menghasilkan yang dapat menciptakan lapangan pekerjaan bagi masyarakat miskin, namun kekayaan itu justeru digunapakai untuk kredit berbunga yang tidak menghasilkan dan merugikan rakyat miskin.
- B. Sistem perbankan konvensional yang mengamalkan sistem bunga membuat keadaan harga barang bertambah tinggi disebabkan bertambahnya kuasa membeli, kerana ada kecenderungan bank tersebut untuk memberi kredit berbunga secara berlebihan.
- C. Dalam dekad pembangunan ekonomi di setiap negara, peranan perbankan sangat besar dan menentukan. Dengan penubuhan sistem perbankan Islam, diharapkan dapat memberi kesan yang besar bagi terwujudnya sistem ekonomi syariah.⁴²

⁴² Warkum Sumitro (2004), *Asas-asas Perbankan Islam dan Lembaga-lembaga Terkait (BMUI dan Takaful) di Indonesia*. Jakarta: PT Raja Grafindo Persada, h. 8-16.

2.2.3 OBJEKTIF PENUBUHAN BANK ISLAM

Objektif utama penubuhan bank Islam dilandasi oleh faktor agama, kerana sebuah institusi yang ditubuhkan berdasarkan agama amat wajar kalau landasan penubuhan dan pedoman operasinya sesuai dengan prinsip syariah yang lebih mementingkan nilai-nilai agama dan moral. Faktor keuntungan juga menjadi objektif penubuhan bank Islam, kerana sebuah institusi kewangan dan perniagaan ia perlu beroperasi dan mendatangkan keuntungan yang halal dan baik bagi institusi tersebut.⁴³

Di samping itu, penubuhan bank Islam diterokai juga oleh beberapa objektif berikut ini:

1. Mengarahkan praktik ekonomi umat Islam agar bermuamalah mengikut prinsip syariah, khususnya muamalah perbankan agar terhindar daripada praktik-praktik penipuan dan riba.
2. Memberi keadilan di bidang ekonomi dengan menyamaratakan pendapatan melalui aktiviti pelaburan agar kesenjangan antara pihak pemilik modal iaitu orang kaya dan pihak yang memerlukan modal iaitu orang miskin tidak semakin melebar.
3. Meningkatkan kualiti ekonomi dan taraf hidup umat Islam dengan membuka peluang usaha yang lebih besar, terutama di kalangan masyarakat miskin agar diarahkan kepada kegiatan usaha yang menghasilkan.
4. Membantu membantras kemiskinan dengan membina para pelabur dalam bentuk kebersamaan, seperti mengadakan program pembinaan konsumen, program pengembangan modal kerja dan program pengembangan usaha sama.

⁴³ Sudin Haron (1996), *op. cit.*, h. 51.

5. Menjaga kestabilan ekonomi kerajaan dengan aktiviti-aktiviti bank Islam yang diharapkan mampu menghindari inflasi akibat penerapan sistem bunga dan persaingan yang tidak sihat di antara sesama lembaga kewangan.
6. Menghakiskan ketergantungan umat Islam terhadap kekuasaan dan belenggu bank konvensional yang membuat mereka tidak dapat melaksanakan ajaran Islam secara penuh, terutama dalam bidang perniagaan dan perbankan.⁴⁴

2.2.4 SEJARAH PERKEMBANGAN BANK ISLAM

Sejarah telah membuktikan bahawa sistem perbankan Islam telah tersebar luas hampir di seluruh dunia. Sistem ini mula dibincangkan pada akhir tahun 1940-an, selanjutnya sistem perbankan Islam secara matang dan komprehensif mula muncul sekitar akhir tahun 1960-an.⁴⁵

Penerapan sistem perkongsian untung dan rugi di Pakistan dan Malaysia pada tahun 1940-an serta penubuhan *Mit Ghamr Local Saving Bank* pada zaman moden di Bandar Mit Ghamr, sekitar 40 kilometer dari bahagian utara bandar Kaherah, Mesir pada tahun 1963, yang dirintis oleh Dr. Ahmad Muhammad Al-Najjar, telah menjadi asas penubuhan sistem perbankan Islam di dunia.⁴⁶

Di antara objektif utama penubuhan bank Islam di Mesir ini ialah menghimpun dana simpanan golongan yang berpendapatan rendah, seperti petani dan buruh, lalu menggerakkan dana simpanan mereka untuk pelaburan pembangunan serta mendidik

⁴⁴ Osman Sabran (2001), *Urus Niaga Al-Qarḍ Al-Ḥasan Dalam Pinjaman Tanpa Riba*. Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia, h. 19; Warkum Somitro, 2004, *op. cit.*, h. 17-18.

⁴⁵ Muhammad Nejatullah Siddiqi (1981), *Muslim Economic Thinking a Survey of Contemporary Literature*. Leicester: The Islamic Foundation, h. 30-32.

⁴⁶ Ahmad Muhammad al-Najjār (1993), *op. cit.*, h. 47-48.

penduduknya menggunakan sumber-sumber yang mereka miliki sendiri dengan baik tanpa bergantung kepada bank konvensional.⁴⁷

Selain itu, bank Islam ini juga menyediakan perkhidmatan akaun simpanan, akaun pinjaman, penyertaan ekuiti, pelaburan berterusan dan perkhidmatan sosial. Perkhidmatan yang berasaskan prinsip syariah Islam mendapat sambutan baik dari para petani dan penduduk tempatan. Ini terbukti dengan pesatnya peningkatan jumlah pendeposit, iaitu dari jumlah 17.560 pendeposit pada tahun 1963/1964 meningkat kepada 251.152 pendeposit pada akhir tahun 1966/1967. Jumlah wang yang disimpan pada bank ini turut meningkat, iaitu dari 40.944.00 Pounds Mesir pada tahun pertama operasinya bertambah kepada 1.828.375.00 Pounds Mesir pada akhir tahun 1966/1967. Pihak bank telah berjaya menumbuhkan semangat para pelanggan yang beranggapan bahawa bank tersebut adalah kepunyaan mereka sendiri.⁴⁸

Namun pada tahun 1967, bank Islam tersebut diarahkan tutup oleh kerajaan Mesir pada waktu itu atas sebab-sebab politik.⁴⁹ Sehingga ianya tidak lagi beroperasi dan tidak mendapatkan sokongan dari pihak berkuasa di Mesir.⁵⁰ Selanjutnya operasi bank tersebut diambil alih oleh *National Bank of Mesir* dan *Central Bank Mesir* pada pertengahan tahun 1967. Ekoran daripada tindakan itu, operasi perbankan dengan sistem riba diperkenalkan semula, sementara operasi perbankan tanpa riba telah diabaikan.⁵¹

⁴⁷ Shahrukh Rafi Khan (1987), *Profit and Loss Sharing: An Islamic Experiment in Finance and Banking*. Karachi: Oxford University Press, h. 53; Adnan M. Abdeen dan Dale N. Shook (1984), *The Saudi Financial System*. New York: John Wiley & Sons Ltd., h. 170.

⁴⁸ Sudin Haron (1996), *op. cit.*, h. 8.

⁴⁹ Shahrukh Rafi Khan (1987), *op. cit.*, h. 54.

⁵⁰ Ab. Mumin Ab. Ghani (1999), *Sistem Kewangan Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam, h. 257.

⁵¹ Sudin Haron (1996), *op. cit.*, h. 14-15.

Pada akhir tahun 1972, para menteri kewangan negara-negara Islam dijemput ke Jeddah untuk membentuk sebuah perjanjian bagi penubuhan jawatankuasa bank Islam bersama.⁵² Ekorannya, pada tahun 1973 dan 1974 para menteri kewangan negara Islam telah mengadakan mesyuarat sebanyak dua kali di Jeddah yang akhirnya pada 1975 tertubuhlah *Islamic Development Bank* (IDB) yang beribu pejabat di Jeddah.⁵³ Tujuan utama penubuhan bank ini adalah untuk memajukan pembangunan ekonomi dan kemajuan sosial negara-negara ahli dan dunia Islam berasaskan prinsip syariah.⁵⁴

Pertumbuhan IDB ini amat menggembirakan dan memberangsangkan sistem perbankan Islam untuk tumbuh kembali dengan pesat. Pada dekad 1970-1999 tercatat lebih daripada dua ratus institusi perbankan syariah yang telah beroperasi di seluruh dunia.⁵⁵

Pada dekad 1970-an, sistem perbankan Islam semakin berkembang di negara-negara Islam. Perkara ini berlaku disebabkan oleh sistem perbankan konvensional yang telah banyak memberi kesan negatif dengan melakukan penindasan terhadap para pelabur dan keuntungan yang tidak dibahagikan sama rata. Ekorannya, masyarakat di negara-negara Islam mendesak supaya sistem perbankan yang berasaskan prinsip syariah dan terbebas dari unsur riba ditubuhkan serta dikembangkan secara luas.⁵⁶

⁵² Afzal al-Rahman (1979), *Banking and Insurance*, Vol. 4, London: The Muslim Schools Trust, h. 419; Ab. Mumin Ab. Ghani (1999), *op. cit.*, h. 257.

⁵³ Rafiq Yūnus Al-Miṣrī (1987), *Maṣraf Al-Tanmiyah Al-Islāmī Aw Muḥāwalah Jadīdah fī Al-Ribā Wa Al-Fā'idah Wa Al-Bank*. Beirut: Muassasah al-Risālah, h. 384-385; Muhamad Abdul Mannan (1986), *Islamic Economic: Theory and Practice*. Cambridge: Hodder & Stoughton, h. 189.

⁵⁴ Muhammad Abdul Mannan (1986), *op. cit.*, h. 189; Ab. Mumin Ab. Ghani (1999), *op. cit.*, h. 258.

⁵⁵ Khursid Ahmad (1999), *Islamic Finance and Banking: The Challenge of the 21st Century*. Plainfield: The Islamic Society of North America, h. 117.

⁵⁶ Ausuf Ahmad (1995), The Evolution of Islamic Banking dalam *Encyclopaedia of Islamic Banking and Insurance*. London: Institute of Islamic Banking and Insurance, h. 23.

Tahun 1971, setelah *Mit Ghamr Local Saving Bank* diambil alih oleh *National Bank of Mesir* dan *Central Bank Mesir* di Mesir pada tahun 1967, sebuah lagi Bank Islam ditubuhkan di bandar Kaherah yang diberi nama *Nasser Social Bank*. Objektif penubuhan bank tersebut adalah berbentuk sosial dan bank ini telah diberi kebenaran pengecualian daripada undang-undang Perbankan dan Kredit 1957 pada peringkat awal operasinya.⁵⁷ Dalam operasinya, *Nasser Social Bank* menawarkan perkhidmatan penukaran wang asing dan perkhidmatan perbankan seperti mana yang ditawarkan oleh *Mit Ghamr Local Saving Bank* terdahulu. *Nasser Social Bank* ditubuhkan atas sokongan kerajaan Mesir sehingga tidak menghadapi masalah bagi mendapatkan sumber-sumber kewangan.⁵⁸

Tahun 1975, ditubuhkan pula *Dubai Islamic Bank* di Dubai, Emiriah Arab Bersatu. Investasinya meliputi bidang perumahan, projek-projek industri dan aktiviti perniagaan. Selama beberapa tahun beroperasi, para pelaburnya telahpun menerima keuntungan yang lebih besar berbanding pelaburan di bank konvensional.⁵⁹

Pada 1977, sebuah lagi Bank Islam yang bernama *Kuwait Finance House* ditubuhkan di Kuwait. Institusi ini memiliki banyak cawangan di Kuwait dan telah menunjukkan perkembangan yang pesat. Hingga pada akhir 1985, total aset yang terhimpun mencapai KD (Kuwait Dinar) 803 juta dengan kadar keuntungan bersih mencapai KD 17 juta.⁶⁰

Pada 1977 juga, sebuah Bank Islam turut ditubuhkan di Sudan dengan nama *Faisal Islamic Bank of Sudan* (FIBS). Bank ini ditubuhkan di bawah undang-undang

⁵⁷ *Ibid.*, h. 24.

⁵⁸ Sudin Haron (1996), *op. cit.*, h. 14-15.

⁵⁹ Ausuf Ahmad (1995), *op. cit.*, h. 23.

⁶⁰ KD (Kuwait Dinar) 1 berbanding RM 18 atau RP 50.000.

FIBS *Act of the National People's Council* dan memulakan operasinya pada bulan Mei 1978. FIBS menawarkan perkhidmatan akaun simpanan, akaun semasa dan pelaburan. Dibahagian pembiayaan, FIBS menawarkan pembiayaan berasaskan *al-muḍārabah* dan *al-musyārakah*. Pada tahun 1984 Kerajaan Sudan telah mengabsahkan sistem perbankan menurut prinsip syariah.⁶¹

Pada tahun yang sama, *Faisal Islamic Bank of Mesir* (FIBE) telah berjaya ditubuhkan di Mesir. FIBE merupakan usaha sama antara Arab Saudi dengan Mesir. Ianya ditubuhkan di bawah akta kesefahaman No. 48 tahun 1977 yang memberi keistimewaan dan kebebasan kepada bank ini tanpa dipengaruhi institusi kerajaan, walau bagaimanapun Bank Pusat Mesir tetap berkuasa dalam pengawasan dan penyeliaan. Akta ini menggariskan jumlah pemegang saham yang dibenarkan, iaitu 51.5% dimiliki pihak Mesir dan 49.5% dimiliki pihak Arab Saudi.⁶² Pada 1980 *Islamic International Bank for Investment and Development* (IIBID) ditubuhkan di Mesir dan mula beroperasi pada Oktober 1981. IIDIB adalah dimiliki sepenuhnya oleh masyarakat Mesir.⁶³

Pada tahun 1979, Pakistan memansuhkan sistem bunga daripada tiga institusi kewangannya, iaitu: *National Investment*, *House Building Finance Corporation* dan *Mutual Funds of the Investment Corporation of Pakistan*. Pada dekad 1979-1980 kerajaan Pakistan mengisytiharkan skim pinjaman tanpa bunga kepada petani dan nelayan. Ekorannya, pada 1981 tujuh ribu cawangan bank komersial nasional di Pakistan mula beroperasi dengan menggunakan sistem perkongsian untung. Pada awal

⁶¹ Ziauddin Ahmad (1994), *Islamic Banking: State of the Art*. Jeddah: Islamic Development Bank, h. 23.

⁶² Sudin Haron (1996), *op. cit.*, h. 15.

⁶³ *Ibid.*, h. 17.

1985, seluruh sistem perbankan di Pakistan diubahsuai kepada sistem perbankan Islam.⁶⁴

Pada 1979 sejak terjadinya revolusi Islam di Iran yang dipimpin oleh Ayatullah Khomeiny, sistem perbankan Islam sudah mulai dikembangkan. Pada 1983 undang-undang perbankan syariah diabsahkan, sehingga seluruh sistem perbankan di Iran mesti beroperasi sesuai dengan prinsip syariah di bawah pengawasan dan penyeliaan penuh dari pihak kerajaan.⁶⁵

Pada 1983, sebuah Bank Islam *Special Finance House* (SFH) berjaya ditubuhkan di Turki yang menganut sistem sekular. Penubuhan SFH ini berdasarkan undang-undang *decree* 83/7506 bertarikh 16 Disember 1983 lalu diwartakan sebagai *Official Gazatte* 18256 pada 19 Disember 1983. Pada 1985 ditubuhkan pula Bank Islam kedua di Turki, iaitu *al-Baraka Turk Ozel Finance Kurumu*. Pada tahun yang sama ditubuhkan pula *Faisal Finance Kurumu* di Turki. Pada 1988 ditubuhkan pula Bank Islam *Turk Kuveyt Evkaf Finance Kurumu* yang merupakan usahasama antara *Islamic Development Bank* (IDB) dengan *Kuwait Finance House* dan *Vakiflar Bank*.⁶⁶

Perkembangan sistem perbankan Islam juga terjadi di rantau Asia. Malaysia telah berjaya menubuhkan Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) pada tahun 1983 dan Bank Muamalat Malaysia Berhad tahun 1999.⁶⁷ Kedua-dua bank berkenaan

⁶⁴ CII (Council of Islamic Ideology) (1983), *Consolidated Recommendations on the Islamic Economic System*. Islamabad: CII, h. 29-30.

⁶⁵ Muhammad Syafii Antonio (2000), *Bank Islam dari Teori ke Praktik*, Jakarta: Gema Insani Press, h. 24.

⁶⁶ Sudin Haron (1996), *op. cit.*, h. 20.

⁶⁷ Joni Tamkin bin Borhan (2002), *Pelaksanaan Prinsip-prinsip Syariah Dalam Amalan Perbankan Islam di Malaysai* (Kertas Kerja, Seminar Ekonomi Islam Anjuran Jabatan Syariah dan Ekonomi Akademi Pengajian Islam, Univesiti Malaya, bertempat di Balai Ilmu, 22 jun 2002), hh. 5-8.

menawarkan perkhidmatan akaun simpanan *al-wadī'ah*, akaun semasa dan akaun pelaburan *al-muḍārabah* kepada pelanggan.⁶⁸

Indonesia pula tidak ketinggalan dalam menerapkan sistem perbankan Islam. Pada 1 November 1991 Bank Muamalat Indonesia ditubuhkan di Jakarta dan mula beroperasi pada 1 Mei 1992.⁶⁹ Pada 1999 satu lagi Bank Islam turut ditubuhkan di Indonesia, iaitu Bank Islam Mandiri (BSM). Pada 2004 Bank Syariah Mega Indonesia turut pula merameikan senarai Bank Islam di Indonesia.⁷⁰

Selain beroperasi di Negara-negara Islam, sistem perbankan Islam beroperasi juga di negara-negara bukan Islam. Ini terbukti dengan penubuhan [*Philippine Amanah Bank*](#) (PAB) ditubuhkan pada 1973 oleh satu dekri Presiden sebagai satu institusi perbankan tanpa sebarang rujukan pada karakter keislaman pada perlembagaan bank tersebut. Penubuhan bank ini adalah semata-mata untuk mengambil hati penduduk Muslim oleh Kerajaan Filipina. Tugas utama PAB adalah membantu usaha pemulihan dan pembangunan di kawasan-kawasan Muslim di Mindanao, Sulu dan Palawan.⁷¹

Perkembangan Bank Islam sampai juga di rantau Eropah. Luxembourg merupakan negara Eropah pertama yang memulakan amalan sistem perbankan Islam, iaitu pada tahun 1978 dengan penubuhan *Islamic Banking System* atau sekarang dikenali sebagai *Islamic Finance House Universal Holding*.⁷²

⁶⁸ Zakariya Man (1988), *Islamic Banking: The Malaysian Experience* dalam Mohamed Ariff (ed.), *Islamic Banking in Southeast Asia*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, h. 67-77; Joni Tamkin bin Borhan (2002), *op. cit.*, h. 12-24.

⁶⁹ Muhammad Syafii Antonio (2000), *op. cit.*, h. 25; Zainul Arifin (2002), *Dasar-Dasar Manajemen Bank Islam*. Jakarta: Alvabet, h. 7.

⁷⁰ Muhammad Syafii Antonio (2000), *op. cit.*, h. 27.

⁷¹ Lihat <http://wikipedia-bahasa-indonesia.org//sejarahbanksyariah>. akses pada 17 Disember 2007.

⁷² Ausuf Ahmad (1995), *op. cit.*, h. 43.

Pada tahun 1983 satu lagi Bank Islam ditubuhkan di negara Eropah, iaitu *The Islamic Bank International of Denmark* yang ditubuhkan di Denmark.⁷³

2.3 PRODUK-PRODUK BANK ISLAM

Pada dasarnya produk-produk yang ditawarkan oleh bank Islam dapat digolongkan kepada tiga bahagian utama, iaitu: produk penghimpunan dana, produk penyaluran dana dan produk lain.⁷⁴

1. Produk Penghimpunan Dana

Terdapat empat produk Bank Islam dalam menghimpun dana dari para pelanggan, iaitu:

1). Akaun Semasa Al-Wadī'ah

Iaitu titipan murni dari satu pihak ke pihak lain, sama ada individu mahupun badan hukum yang mesti dijaga dan ianya dikembalikan bila-bila masa si penitip atau penyimpan menghendakinya.⁷⁵

Pada dasarnya penerima simpanan, iaitu bank tertakluk kepada *yad al-amānah*, ertinya tidak bertanggungjawab atas kehilangan atau kerosakan pada barang titipan selama ianya bukan akibat daripada kesalahannya. Namun dalam aktiviti ekonomi moden, si penerima titipan boleh memanfaatkan barang titipan tersebut di atas izin si

⁷³ Erik Trolle Schuitz (1986), *How the First Islamic Bank was Established in Europe* dalam Butterworth Editorial Staff in *Islamic Banking and Finance*. London: Butterworth and Co. Ltd., h. 43-44.

⁷⁴ Adiwarman Azwar Karim (2006), *Bank Islam Analisis Fiqih dan Keuangan*. Vol. III, Jakarta: PT. Raja Grafindo Persada, h. 97.

⁷⁵ *Ibid.*, h. 98.

pemilik dengan jaminan ia akan mengembalikan barang tersebut sepenuhnya. Jadi ia bukan lagi *yad al-amānah* tetapi *yad al-ḍamānah*, ertinya bertanggungjawab atas kehilangan atau kerosakan ke atas barang tersebut. Dalam aplikasinya, selain untuk kegunaan akaun semasa Bank Islam juga dapat memanfaatkan *al-waḍīʿah yad al-ḍamanāh* untuk akaun simpanan.⁷⁶

Sebagai konsekuensinya, semua keuntungan yang diperoleh melalui prinsip ini menjadi milik bank. Dan sebagai imbalannya, pelanggan akan memperoleh jaminan keamanan terhadap hartanya. Namun pihak bank tidak dilarang untuk memberi sebarang hadiah kepada pelanggan, tetapi ia tidak disyaratkan sebelumnya dan jumlahnya tidak pula ditetapkan secara pasti.⁷⁷

2). Akaun Simpanan Al-Muḍārabah

Dalam aplikasinya, Bank Islam menerima deposit dari para pelanggan mengikut kontrak dan kaedah yang sama dengan akaun semasa pada prinsip *al-waḍīʿah*. Namun yang membezakannya adalah bank mempunyai aturan sendiri untuk memberi sebahagian dari keuntungan yang diperolehi kerana menggunakan baki akaun simpanan tersebut kepada pelanggan dari semasa ke semasa. Bank juga akan memberi buku simpanan dan perkhidmatan lainnya yang berkaitan dengan akaun ini kepada pelanggan.⁷⁸

3). Akaun Pelaburan Am

⁷⁶ Ab. Mumin Ab. Ghani (1999), *op.cit.*, h. 332.

⁷⁷ Muhammad Syafii Antonio (2000), *op.cit.*, h. 85-87.

⁷⁸ Ab. Mumin Ab. Ghani (1999), *op. cit.*, h. 332-333.

Dalam aplikasinya, Bank Islam menghimpun deposit dari pelanggan dalam akaun pelaburan am berasaskan kontrak pembiayaan ekuiti *al-muḍārabah*. Pelanggan boleh melaburkan wangnya dalam tempoh yang ditetapkan untuk memperolehi bahagian keuntungan dari pelaburan yang dilakukan oleh bank. Dalam kontrak ini, bank bertindak sebagai pengusaha sementara pelanggan bertindak sebagai pemilik modal. Sebarang keuntungan yang diperolehi daripada pelaburan itu akan dikongsi sama oleh kedua-dua pihak mengikut kadar nisbah yang telah disepakati, seperti 30:70 atau 20:80 dan sebagainya.⁷⁹

4). Akaun Pelaburan Khas

Sebagai tambahan kepada perkhidmatan deposit yang diterima dari pelanggan biasa pada akaun pelaburan am, bank juga boleh menerima deposit secara terpilih dari pihak kerajaan atau badan-badan korporat dalam bentuk akaun pelaburan khas berdasarkan prinsip *al-muḍārabah*.⁸⁰

2. Produk Penyaluran Dana

Produk penyaluran dana pada bank Islam dapat digolongkan kepada tiga kategori, iaitu pembiayaan menerusi kontrak jual beli, pembiayaan menerusi kontrak sewa dan pembiayaan menerusi kontrak perkongsian untung.⁸¹

A). Kontrak Jual Beli

⁷⁹ Adiwarman Azwar Karim (2006), *op. cit.*, h. 102.

⁸⁰ Ab. Mumin Ab. Ghani (1999), *op. cit.*, h. 333.

⁸¹ Adiwarman Azwar Karim (2006), *op. cit.*, h. 105.

Pembiayaan menerusi kontrak jual beli ditujukan bagi memiliki suatu barang yang dilaksanakan kerana berpindahanya hak kepemilikan barang tersebut. Dalam kontrak ini, kadar keuntungan bank ditentukan di awal akad dan ianya menjadi sebahagian dari pada harga ke atas barang yang dijual.

Jenis kontrak jual beli dapat dibezakan berdasarkan bentuk pembayaran dan waktu penyerahan barang seperti berikut ini:

1). Bay^c Al-Murābahah

Iaitu kontrak penjualan barang yang terjadi antara pemilik dengan pembeli disertai sejumlah tambahan untung yang dipersetujui bersama. Pembayaran harga jualan yang termasuk kadar keuntungan yang dipersetujui oleh kedua pihak boleh dijelaskan secara tunai atau bertangguh. Untuk bayaran secara bertangguh, ianya boleh dibuat secara tunai atau ansuran mengikut bulan atau tahun sesuai dengan kesepakatan kedua pihak.⁸²

Kontrak jenis ini memperolehi keuntungan melalui konsep jualan dengan tambahan keuntungan. Dalam aplikasi perbankan, pihak bank sebagai pemilik barang membuat kontrak jual beli dengan pelanggan mengikut prinsip *bay^c al-murābahah*. Selanjutnya, bank membeli barang yang ditempah oleh pelanggan untuk dijual dengan kadar harga yang meliputi kos asal beserta tambahan keuntungan.⁸³

2). Bay^c Bithaman Ājil (BBA)

⁸² Muḥammad Al-Syarbīnī Al-Khaṭīb (1980), *Mughnī Al-Muḥtāj*. Jil. 2. Kaherah: Dār Al-Hadīth, h. 77.

⁸³ BIRT, *Konsep Syariah dalam Sistem Perbankan Islam*, Kuala Lumpur, 1998, h. 43; Abdullah Alwi (2005), *Teori dan Aplikasi Kontemporari Sistem Ekonomi Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Utusan Publication, h. 50-51.

Iaitu penjualan suatu barang dengan mendahulukan penyerahan barang tersebut kepada pembeli sementara bayaran harganya ditangguhkan hingga masa yang ditetapkan atau melakukan bayaran secara ansuran.

Pada masa kini, BBA merupakan salah satu instrumen dalam sistem perbankan dan kewangan Islam yang maju dan berdaya saing yang memberi kemudahan kepada orang ramai yang tidak mampu membeli dan membuat pembayaran secara tunai dan sebagai alternatif kepada sistem riba dalam urusan niaga secara konvensional.⁸⁴

3). *Bay' Al-Salam*

Iaitu kontrak jual beli dengan sistem tempahan. Kontrak ini berlaku apabila pembeli menyerahkan harga suatu barang dengan serta merta sementara pemilik barang menangguhkan penyerahan barang tersebut sehingga ke suatu tempoh tertentu. Selain daripada menyatakan kadar harga barangan tersebut, seperti yang dipersetujui, tempat dan masa penyerahan barang juga perlu ditentukan.⁸⁵ Jenis kontrak ini adalah berlawanan dengan kontrak BBA kerana bayaran harga pada kontrak BBA ditangguh kepada masa tertentu sementara penyerahan barang didahulukan.

4). *Bay' Al-Istishnā'*

Iaitu kontrak jual beli dimana si pembeli menempah suatu barang yang dikehendakinya kepada penjual supaya disiapkan dalam masa tertentu dengan harga dan cara bayaran

⁸⁴ Abdullah Alwi (2005), *op. cit.*, h. 57.

⁸⁵ Al-Khaṭīb (1980), *op. cit.*, h. 102; Wahbah Al-Zuhaylī (1986), *Al-Fiqh Al-Islāmī wa Adillatuh*, Jil. 4. Beirut: Dār al-Fikr, h. 698-599.

yang telah disepakati. Akad jual beli ini melibatkan kerja dan barang mentah yang datanginya dari penjual.⁸⁶

5). *Bay' Al-Dayn*

Iaitu jual beli atau transaksi ke atas hutang. Dalam transaksi ini, barang yang dijual beli adalah hutang milik pemiutang yang ada dalam tanggungan penghutang. Ia boleh terdiri daripada harga ke atas suatu barang atau bayaran perkhidmatan yang tertangguh sehingga masa tertentu.⁸⁷

Penjual hutang di sini sama ada pemiutang sendiri mahupun orang yang membeli hutang tersebut dari pemiutang. Dan pembeli hutang di sini sama ada penghutang sendiri atau pihak ketiga.⁸⁸ Jual beli ke atas hutang mesti dilakukan secara tunai.⁸⁹

6). *Bay' Al-'Inah*

Iaitu kontrak menjual suatu barang dengan harga tangguh lalu membelinya semula dari pembeli secara tunai dengan harga yang kurang daripada harga jualan asal. Dalam kontrak ini terjadi dua kontrak jual beli yang sah secara persaingan dimana pada akhir transaksi, penjual dalam akad kedua mendapat wang tunai hasil jualannya dan dia yang

⁸⁶ Al-Zuhaylī (1986), *op. cit.*, h. 631-632.

⁸⁷ Ibn Qudāmah (1980), *Al-Mughnī*, Jil.4. Kaherah: Dār al-Kitāb al-ʿArabiyyah, h. 120; Al-Zuhaylī (1986), *op. cit.*, h. 432 – 435.

⁸⁸ Al-Syirāzī (1976), *Al-Muhadhdhab*, Juz. 2, cet. 3. Kaherah: Syarikah wa Maktabah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī wa Awlādih, h. 262.

⁸⁹ Jual beli hutang secara tangguh diistilahkan dengan *bay' al-kali' bi al-kali'* atau *bay' al-dayn bi al-dayn*. Jual beli ini adalah dilarang dalam Islam. Lihat Al- Zuhayli (1986), *op. cit.*, jil 4, h. 432.

juga sebagai pembeli pada kontrak pertama berhutang kepada penjual pertama yang bayarannya ditangguh mengikut perjanjian.⁹⁰

Dalam kontrak ini, barangan yang dijual beli tidak boleh terdiri daripada mata wang asas, seperti emas, perak, mata wang kertas dan barangan ribawi lainnya. Larangan ini diterbitkan bagi mengelakkan keterlibatan dengan riba *al-nasi'ah*, iaitu pertukaran antara dua jenis barang ribawi yang sama jenis tetapi serah menyerah tidak berlaku dalam majlis akad.⁹¹

B). Sistem Perkongsian Untung dan Rugi

Kontrak perkongsian untung dalam sistem perbankan Islam merupakan prinsip utama yang membezakannya dengan sistem perbankan konvensional yang mengamalkan riba. Di antara produk-produk syariah yang termasuk dalam kontrak ini adalah:

1). Al-Mudārabah

Iaitu akad kerja sama usaha antara dua pihak dimana pihak pertama berlaku sebagai pemodal yang akan menyediakan modal dan pihak kedua berlaku sebagai pengusaha. Keuntungan yang diperolehi dari usaha tersebut dikongsi sama menurut kesepakatan di awal akad, sedangkan kerugian ditanggung oleh pemilik modal selama ianya bukan akibat daripada kesalahan pengusaha. Namun jika kerugian diakibatkan si pengusaha

⁹⁰ Ibn Al-Humām (1970), *Syarḥ Faṭḥ Al-Qadīr*. Jil. 4. Kaherah: Syarikah wa Maktabah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī wa Awlādih, h. 207; Al-Zuhaylī (1986), *op. cit.*, jil 4, h. 432.

⁹¹ Abdullah Alwi (2005), *op. cit.*, h. 61.

maka dia mesti bertanggungjawab ke atasnya, dengan menjelaskan kerugian masa, tenaga, kepakaran dan komitmennya.⁹²

Dalam aplikasi bank Islam, akad *al-muḍārabah* diamalkan dalam produk-produk pembiayaan, seperti pembiayaan modal kerja, perniagaan, perkhidmatan dan pelaburan khusus berdasarkan kontrak perkongsian untung.⁹³

2). *Al-Musyārahah*

Iaitu kontrak kerja sama antara dua pihak atau lebih untuk menjalankan suatu projek. Kedua-dua pihak menyediakan dana untuk pembiayaan projek tersebut mengikut kadar yang dipersetujui bersama, keduanya mempunyai hak untuk ikut serta dalam pengurusan projek berkenaan dan memperoleh bahagian keuntungan menurut kadar nisbah yang telah disepakati.⁹⁴

Dalam aplikasi bank Islam, akad *al-musyārahah* diamalkan untuk pembiayaan projek dimana bank dan pelabur sama-sama menyediakan dana untuk membiayai projek tersebut. Setelah projek berakhir, keuntungan yang diperolehi akan dikongsi sama kedua-dua pihak mengikut kadar nisbah yang telah dipersetujui di awal akad.⁹⁵

C). Sistem Sewaan atau Upah

⁹² Al-Syaʿrānī (1981), *Al-Mīzān Al-Kubrā*, Jil. 2, Beirut: Dār al-Fikr, h. 92.

⁹³ Muhammad Syafi'i Antonio (2000), *op.cit.*, h. 95-97.

⁹⁴ Al-Syaʿrānī (1981), *op. cit.*, Jil. 2, h. 95.

⁹⁵ Muhammad Syafi'i Antonio (2000), *op.cit.*, h. 94.

Pembiayaan dengan sistem sewaan ditujukan untuk mendapat perkhidmatan dengan kadar keuntungan yang ditentukan di awal akad. Produk syariah mengikut prinsip ini diterokai oleh akad *al-ijārah*, iaitu perjanjian antara pihak yang mengambil upah dengan pihak yang mengupah di mana pihak yang mengambil upah memberi sesuatu khidmat dengan upah yang dipersetujui bersama. Sekiranya yang dijual adalah khidmat maka ganjarannya ialah upah, sementara jika yang dijual adalah manfaat dari sesuatu barang maka ganjarannya ialah sewa.⁹⁶

Satu lagi jenis sistem sewaan yang diamalkan mengikut prinsip ini adalah *al-ijārah al-muntahiyah bi al-tamlīk* atau *al-ijārah thumma al-bayʿ*, iaitu perjanjian antara bank sebagai *muʿajjir* (pemberi sewaan) dengan pelanggan sebagai *mustaʿjir* (penyewa). Selanjutnya pihak penyewa bersetuju akan membayar wang sewaan selama masa sewaan yang dipersetujui. Jika perjanjian sewa berakhir, pihak penyewa mempunyai hak pilihan untuk memindahkan pemilihan objek sewa tersebut.⁹⁷

Jenis akad ini merupakan akad baru yang tidak dibincangkan dalam kitab-kitab fiqh terdahulu sebagai satu akad yang tersendiri seperti mana akad-akad yang lain. Hal ini disebabkan keperluan masyarakat Islam kepada akad ini pada waktu itu belum wujud.⁹⁸

3. Produk Lain

Produk lain mengikut prinsip syariah yang juga digunapakai oleh bank Islam adalah:

⁹⁶ Sayyid Sābiq (1987), *Fiqh Al-Sunnah*. Jil. 3. Beirut: Dār al-Kitāb al-ʿArabī, h. 183.

⁹⁷ Al-Syaʿrānī (1981), *op. cit.*, Jil. 2, h. 97; ʿAbd al-Raḥmān Al-Jazīrī (2000), *Al-Fiqh ʿAlā al-Madhāhib al-Arbaʿah*, Juz. 3. Kaherah: Dār al-Fajr li al-Turāth, h. 84

⁹⁸ Ab. Mumin Ab. Ghani (1999), *op. cit.*, h. 437-438.

1). *Al-Wakālah*

Iaitu akad penyerahan atau perwakilan yang mewakilkan seseorang untuk menyerahkan sesuatu kepada orang lain. Prinsip *al-wakālah* ini boleh dilakukan orang lain yang menggantikan orang berkenaan semasa hidupnya, supaya prinsip ini tidak sama dengan wasiat.⁹⁹

Dalam aplikasi bank Islam, seorang pelanggan mewakilkan kepada bank untuk membeli sejumlah saham dari syarikat tertentu atau membeli suatu barang dengan membuat bayaran sebagaimana yang dipersetujui. Setelah pembelian berlaku, pihak bank menyerahkan semua saham atau barangan yang dibeli kepada pelanggan. Dan setelah penyerahan dilakukan selesailah hubungan *al-wakālah* antara bank dengan pelanggan.¹⁰⁰

2). *Al-Kafālah*

Dari sudut bahasa *al-kafālah* bererti jaminan, beban, tanggungan atau disebut juga dengan *al-ḍamānah*. Ia boleh berlaku sama ada jaminan atas diri (*al-kafālah bi al-nafs*), seperti menjamin untuk menghadirkan orang yang dituduh ke mahkamah, atau jaminan atas harta (*al-kafālah bi al-māl*), seperti menjamin hutang piutang, pembayaran harga barang yang dijual, penyerahan barang, dan keselamatan barang. Tujuannya ialah supaya hak seseorang tidak akan hilang kerana tuan punya hak boleh menuntut haknya daripada penjamin jika orang yang berhutang tidak membayar hutangnya.¹⁰¹

⁹⁹ Al-Khaṭīb (1980), *op. cit.*, Jil. 2, h. 217; Al-Nawawī (1985), *op. cit.*, h. 552.

¹⁰⁰ BIRT, *op. cit.*, h. 117.

¹⁰¹ Sayyid Sābiq (1987), *op. cit.*, Jil. 3, h. 333-334.

3). *Al-Ḥiwālah*

Iaitu satu jenis kontrak mengalihkan tanggungan dalam membayar hutang oleh si berhutang kepada tanggung jawab orang lain. *al-ḥiwālah* juga berlaku dalam proses pemindahan wang yang diarah oleh seorang pelanggan kepada bank untuk memindahkan sejumlah wang daripada akaunnya kepada akaun orang lain di dalam atau luar negara di bank yang sama atau bank lain.¹⁰²

Aplikasi akad *al-ḥiwālah* dalam bank Islam diamalkan pada proses pengalihan piutang di mana pelanggan yang memiliki piutang kepada pihak ketiga memindahkan piutang itu kepada bank, lalu pihak bank membayar piutang tersebut selanjutnya bank akan menagihnya daripada pihak ketiga.¹⁰³

4). *Al-Rahn*

Iaitu pemberian seseorang akan sesuatu yang boleh dijual sebagai sandaran jaminan yang digadaikan ke atas sesuatu hak. Ianya boleh berlaku jika sesuatu barang yang berharga dijadikan cagaran atau sandaran kepada hutang dan barangan itu boleh dijual untuk menebus hutang yang tidak dapat dijelaskan dan bakinya akan dipulangkan kepada pemilik asal barang tersebut. Perjanjian gadaian dipulangkan merupakan suatu langkah bagi meyakinkan pihak pemiutang bahawa haknya dalam sesuatu hutang atau pinjaman yang diberikan tidak akan hilang sekiranya pihak penghutang tidak dapat menjelaskan hutang tersebut.¹⁰⁴

¹⁰² BIRT, *op. cit.*, h. 111.

¹⁰³ Muhammad Syafii Antonio (2000), *op. cit.*, h. 127.

¹⁰⁴ Ibn ʿĀbidīn (1987), *Ḥāsyiyah Ibn ʿĀbidīn*, Jil. 5. Kaherah: Syarikah wa Maktabah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī wa Awlādih, h. 339; al-Khaṭīb, *op. cit.*, Jil. 2, h. 121; Ibn Qudāmah (1980), *op. cit.*, Jil. 4., h. 226.

5). *Al-Qard*

Iaitu kontrak pinjaman tanpa mengharapkan bunga atau tambahan daripada jumlah asal dengan perjanjian untuk membayar semula selepas tamat tempoh yang dipersetujui. Dalam literatur fiqh klasik, *al-qard* dikategorikan sebagai akad *tatawwu^ci* (toleransi, sukarela dan bukan untuk komersial).¹⁰⁵

Dalam aplikasi bank Islam, *al-qard* diamalkan sebagai produk pelengkap kepada pelanggan yang telah terbukti loyalitinya yang memerlukan dana cepat dan sebagai produk untuk menyumbang usaha yang sangat kecil atau suatu produk khusus. Guna mengamalkan tujuan khusus ini bank Islam telah membuat satu produk yang diterokai oleh prinsip *al-qard al-ḥasan*.¹⁰⁶

6). *Perkhidmatan Lain*

Perkhidmatan lain yang diberikan bank Islam kepada pelanggan adalah perkhidmatan *Automatic Teller Machine* (ATM), pembayaran zakat, infak dan sedekah, pengiriman dan pemindahan wang, jual beli mata wang asing, pelaburan atau pengurusan potfolio, khidmat pemegang amanah, khidmat syarikat penama dan jual beli cek.¹⁰⁷

2.4 PERBEZAAN SISTEM PERBANKAN ISLAM DENGAN SISTEM PERBANKAN KONVENSIONAL

¹⁰⁵ Al-Khaṭīb (1980), *op. cit.*, Jil. 2, h. 117.

¹⁰⁶ Muhammad Syafii Antonio (2000), *op. cit.*, h. 133.

¹⁰⁷ Abdullah Alwi (2005), *op. cit.*, h. 68.

Dalam beberapa perkara, sistem perbankan Islam dengan sistem perbankan konvensional memiliki persamaan, terutamanya dari aspek teknikal penerimaan wang, mekanisme pengiriman, teknologi komputer yang digunakan, syarat-syarat umum mendapatkan pembiayaan seperti kad pengenalan, proposal permohonan, kad pengenalan, laporan kewangan, dan sebagainya.

Namun terdapat perbezaan mendasar di antara kedua sistem perbankan ini. Dari segi akad bank Islam memiliki konsekuensi dunia dan akhirat kerana ianya dilakukan berasaskan hukum Islam. Kerap kali pelanggan melanggar aturan atau perjanjian yang dilakukan jika aturannya hanya berlandaskan hukum konvensional sahaja seperti yang diamalkan dalam bank konvensional. Namun tidak demikian halnya jika aturan dan perjanjiannya memiliki nilai dan dimensi akhirat yang disokong oleh keimanan yang kuat.¹⁰⁸

Setiap akad bank Islam mesti memenuhi ketentuan akad dalam Islam sama ada dari aspek rukun seperti penjual, pembeli, barang, harga dan ijab qabul, mahupun dari aspek syarat seperti barang dan khidmat yang halal, harga yang jelas, tempat penyerahan yang jelas dan kepemilikan yang sempurna terhadap suatu barang.

Dari segi carta organisasi, bank Islam mesti menunjuk Dewan Pengawas Syariah (DPS) yang berperanan menyelia dan mengawasi setiap produknya agar sesuai dengan aturan syariah serta meneliti dan membuat rekomendasi terhadap produk baru. Namun dewan penyelia seperti ini tidak ditemukan pada bank konvensional.¹⁰⁹

¹⁰⁸ Afzal al-Rahman (1980), *Economic Doctrines of Islam*. Vol. 3, Lahore: Islamic Publication, h. 105-106.

¹⁰⁹ Muhammad Syafii Antonio (1999), *op.cit.* h. 29-33.

Dari aspek bisnis dan usaha, setiap bisnis dan usaha yang dilakukan bank Islam tidak terlepas dari prinsip syariah. Kerana bank Islam tidak akan membiayai bisnis dan usaha yang mengandung unsur riba, penipuan dan perjudian. Sementara pada bank konvensional meskipun ianya telah diambil peduli namun tidak berasaskan syariah.¹¹⁰

Jadual 2.1: Perbezaan Amalan Bank Islam dengan Bank Konvensional

Perkara	Bank Islam	Bank Konvensional
Peran dan Aktiviti	Manager Pelaburan, Pelabur, Perkhidmatan Kewangan, Sosial	Intermediasi, Perkhidmatan Kewangan
Mekanisme dan Objek Usaha	Orientasi Untung dan <i>Falāh</i> , Anti <i>Maghrib</i> ¹¹¹	Orientasi Untung Sahaja, Penyokong <i>Maghrib</i>
Hubungan Pelanggan	Perkongsian	Pinjaman
Carta Organisasi	Terdapat Dewan Pengawas Syariah	Tidak Terdapat Dewan Pengawas Syariah

Sumber: Modul Pelatihan Bank Muamalat Indonesia, Jakarta.

Dari jadual di atas dapat diketahui bahawa unsur paling mendasar yang membezakan sistem perbankan Islam dengan sistem perbankan konvensional adalah

¹¹⁰ Muhammad Syafii Antonio (1994), *Prinsip dan Etika Bisnis dalam Islam*. Medan: Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Sumatera Utara, h. 8-11.

¹¹¹ *Falāh* bererti mencari kesejahteraan di dunia dan kebahagiaan di akhirat. *Maghrib* adalah kependekan daripada *maysir* iaitu perjudian, *gharār* iaitu penipuan dan *riba* iaitu faedah atau bunga.

kewujudan Dewan Pengawas Syariah serta anti perjudian, penipuan dan riba yang menjadi landasan bank Islam, sementara bank konvensional tidak mengamalkan perkara ini.

2.5 FENOMENA RIBA DAN BUNGA BANK

Salah satu faktor utama yang membezakan antara sistem perbankan Islam dengan sistem perbankan konvensional adalah diharamkannya amalan sebarang unsur riba dalam bank Islam, sementara bank konvensional masih mengamalkan unsur riba iaitu berupa faedah atau bunga.

2.5.1 Pengertian Riba

Dari sudut bahasa riba bererti bertambah dan berkembang atau lebih kepada sesuatu.¹¹² Lebih atau tambahan ini sama ada asalnya pada benda itu sendiri atau kerana sesuatu urusan pertukaran atau jualan wang seperti menjual satu dirham dengan dua dirham atau urusan komoditi seperti dalam kes sistem barter yang ukurannya sama ada sukatan atau timbangan melebihi satu pihak dari satu pihak lagi bagi barangan yang sama jenis.¹¹³ Semua ini membawa maksud pertambahan dan pembiakan harta melebihi daripada modal pokok.¹¹⁴

Perkataan riba telah digunapakai oleh bangsa Arab jahiliyyah dalam urusan muamalah seharian mereka sebelum kedatangan Islam dan ia bukanlah suatu istilah

¹¹² Abū ʿAbd Allah Muḥammad Ibn Aḥmad Al-Anṣārī Al-Qurṭubī (1935), *al-Jāmiʿ li Ahkām al-Qurʿan*, juz 3 cet. 1, Kaherah: Matbaʿah Dār al-Kutub al-Miṣriyyah, h. 235.

¹¹³ Al-Syawkānī (1971) *Nayl al-Awṭār*. Juz 5. Kaherah: Syarikah wa Maktabah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī wa Awlādih, 1971, h. 213.

¹¹⁴ Abū al-Aʿlā al-Mawdūdī (1087), *al-Ribā*. Jeddah: al-Dār al-Suʿūdiyyah, h. 94.

syarak yang baru.¹¹⁵ Sesetengah penggunaan perkataan riba ini khusus berkenaan dengan urusan jual beli, dan sesetengah lagi berkenaan dengan hutang piutang.¹¹⁶

Sementara dari sudut istilah riba bermakna pengambilan tambahan dari harta pokok atau modal dengan cara yang batil.¹¹⁷ Sebenarnya ada beberapa pendapat ulama dalam menjelaskan pengertian riba, namun secara umum terdapat sebuah kesepakatan yang menegaskan bahawa riba adalah pengambilan tambahan, sama ada dalam amalan urusan jual beli mahupun pinjam meminjam secara batil atau bercanggah dengan prinsip muamalah dalam Islam.¹¹⁸

Berkenaan dengan hal ini Allah s.w.t. berfirman:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ إِلَّا أَنْ تَكُونَ
تِجَارَةً عَنْ تَرَاضٍ مِنْكُمْ وَلَا تَقْتُلُوا أَنْفُسَكُمْ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُمْ رَحِيمًا

“Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu saling memakan harta sesamamu dengan jalan yang batil, kecuali dengan jalan perniagaan yang berlaku dengan suka sama suka diantara kamu. Dan janganlah kamu membunuh dirimu; sesungguhnya Allah adalah Maha Penyayang kepadamu.”

(QS. Al-Nisā’ [4]: 29).

Definisi riba menurut ulama sangat banyak, berikut ini definisi riba dari kalangan ulama empat mazhab dan ulama tafsir:

¹¹⁵ Rasyīd Riḍā (1999), *Al-Ribā wa al-Mu‘āmalāt fī al-Islām*. Beirut: Dār Ibn Zaydūn, h. 93.

¹¹⁶ Samīr al-Hudaybī (1988), *Nahw al-Iqtisād al-Islāmī*. TNTT: al-Zahrah li al-‘Ilām al-‘Arabī, h. 32.

¹¹⁷ Abdullah Saeed (1996), *Islamic Banking and Interest: A Study of the Prohibition of riba and its Contemporary Interpretation*, Leiden: EJ Brill, h. 96.

¹¹⁸ Ibn Rusyd (1971), *op. cit.*, h. 128.

1. Mazhab Hanafi berpendapat bahawa riba ialah lebihan yang tidak setara tukarannya mengikut ukuran yang diakui oleh syarak dengan syarat-syarat yang dikenakan oleh salah satu pihak yang berkontrak dalam kontrak pertukaran.¹¹⁹
2. Mazhab Maliki berpendapat bahawa riba ialah lebihan pada bilangan atau timbangan yang sebenar atau samar-samar dan menanggukkan.¹²⁰
3. Mazhab Syafii mentakrifkan riba sebagai kontrak ke atas tukaran tertentu yang tidak diketahui persamaannya pada ukuran yang diakui oleh syarak semasa berkontrak atau penanggukan pada kedua-dua atau salah satu barangan tukaran tersebut.¹²¹
4. Mazhab Hanbali pula mengatakan riba adalah melebihikan sesuatu dan menanggukkan sesuatu yang tertentu dengan sesuatu.¹²²
5. Sementara itu menurut ulama tafsir, riba bermakna tambahan yang diambil oleh si pemiutang daripada si penghutang kerana penanggukan tempoh pembayaran atau lebihan harta yang tiada timbal balas tukarannya dalam pertukaran harta dengan harta.¹²³

Jika menelaah pengertian riba yang disampaikan para ulama di atas dapatlah dikatakan bahawa riba mengikut istilah syarak merangkumi tiga unsur berikut:

- a. Bayaran lebihan daripada wang pokok mengikut perjanjian yang disyaratkan terlebih dahulu.
- b. Kontrak ke atas pertukaran barangan tertentu yang tidak diketahui persamaannya pada timbangan atau sukatan yang diakui oleh syarak.

¹¹⁹ Ibn ʿĀbidīn (1963), *op. cit.*, juz 5 cet. 2, 168-170.

¹²⁰ Ibn Rusyd (1971), *op. cit.*, h. 130; Zuhaylī (1986), *op. cit.*, h. 435

¹²¹ Sulaymān Al-Bujairamī (1981), *Ḥāsyiyah ʿalā Al-Khaṭīb*, juz 3. Beirut: Dār Al-Fikr, h. 14.

¹²² Maṣṣūr Ibn Yūnus Ibn Idrīs Al-Baḥūṭī (1982), *Kasysyāf Al-Qināʿ ʿan Matni Al-Iqnāʿ*, juz 3. Beirut: Dār Al-Fikr, h. 251.

¹²³ ʿImād Al-Dīn Ibn Muḥammad Al-Tabarī Al-Harrāsī (1985), *Aḥkām Al-Qurʿan*, juz 1 dan 2. Beirut: Dār Al-Kutub Al-ʿIlmiyyah, h. 231.

- c. Penangguhan serahan salah satu barangan yang ditukarkan atau yang diperdagangkan bagi pertukaran mata wang dan barangan ribawi samada berupa harta mahupun makanan.¹²⁴

Dengan demikian kita dapat mengambil satu kesimpulan bahawa riba mempunyai tiga unsur asas berikut:

- a. Lebihan dari jumlah pokok pinjaman.
- b. Penentuan lebihan ini berkaitan dengan tempoh atau jangka masa.
- c. Persetujuan terhadap syarat lebihan ditentukan lebih dahulu iaitu dalam perjanjian.¹²⁵

2.5.2 Jenis-jenis Riba

Secara garis besarnya jenis riba diklasifikasikan ke dalam dua bentuk, iaitu riba hutang piutang dan riba jual beli. Riba hutang piutang terbagi lagi ke dalam dua bahagian, iaitu riba *al-qarḍ* dan riba *al-jāhiliyyah*. Sementara riba jual beli terbagi juga ke dalam dua bahagian, iaitu riba *al-faḍl* dan riba *al-nasī'ah*.¹²⁶

Riba *al-qarḍ* adalah suatu manfaat atau kadar kelebihan tertentu yang disyaratkan terhadap jumlah yang dihutang.¹²⁷

¹²⁴ Ab. Mumin Ab. Ghani, *op. cit.*, h. 112-113.

¹²⁵ Sayyid Quṭb (1983), *Fī Zilāl Al-Qur'an*, Jil. 1. Beirut: Dār Al-Syurūq, h. 325.

¹²⁶ Ibn Qudāmah (1981), *op. cit.*, juz 4, h. 3; Al-Qurṭubī (1935), *op. cit.*, juz 3, h. 348; Sayyid Quṭb (1983), *op. cit.*, Jil. 1, h. 324; Al-Zuhaylī (1991), *Al-Tafsīr Al-Munīr*, juz 3. Beirut: Dār Al-Fikr Al-Mu'āṣir, h. 93.

¹²⁷ Ibn Qudāmah, (1981), *op. cit.*, juz 4, h. 354.

Riba *al-jāhiliyyah* adalah hutang yang dibayar lebih daripada jumlah pokok kerana si peminjam tidak mampu membayar hutangnya pada waktu yang telah ditetapkan.¹²⁸

Riba *al-faḍl* adalah pertukaran sesama barang sejenis dengan kadar atau takaran yang berbeza, sedangkan barang yang dipertukarkan itu termasuk dalam jenis barang ribawi.¹²⁹

Riba *al-nasīʿah* pula adalah penangguhan penyerahan atau penerimaan jenis barang ribawi yang dipertukarkan dengan jenis barang ribawi lainnya. Riba di sini muncul kerana wujudnya perbezaan, perubahan atau tambahan ke atas barang yang diserahkan pada saat ini dan yang akan diserahkan kemudian.¹³⁰

2.5.3 Konsep Riba dalam Perspektif Selain Islam¹³¹

Pada dasarnya semua agama samawi mengharamkan praktik riba, namun ada sebahagian orang yang memesongkan hakikat pengharaman ini kerana tidak peduli dengan ajaran agamanya. Berikut ini akan dikaji tentang konsep riba dalam agama Yahudi, Kristian, di zaman Greek, Rom dan Arab jahiliyyah.

1. Riba Dalam Agama Yahudi

¹²⁸ Rafīq Yūnus al-Miṣrī (1991), *al-Jāmiʿ fi Uṣūl al-Ribā*. Damsyiq: Dār al-Qalam, h. 9.

¹²⁹ Al-Nawawī (1985) *op. cit.*, juz 3, cet. 2. h. 384; Sayyid Quṭb (1982), *op. cit.*, J. 1, h. 324.

¹³⁰ Abū Jaʿfar Muḥammad Ibn Jarīr Al-Ṭabarī (1983) *Al-Bayān fi Tafsīr al-Qurʿan*, juz 3. Beirut: Dār al-Maʿrifah, h. 67; al-Mawdūdī (1987), *op. cit.*, h. 107; Sayyid Sābiq (1971), *op. cit.*, J. 3, h. 135.

¹³¹ Sudin Haron (1996), *op. cit.*, h. 127-130.

Orang-orang Yahudi dilarang melakukan praktik bunga atau riba. Pelarangan ini banyak didapati dalam kitab suci mereka sama ada dalam *Old Testament* (Perjanjian Lama) mahupun dalam undang-undang Talmud.¹³²

Dalam kitab *Sifr Al-Khuruġ/Exodus* (keluaran) pasal 22 ayat 25 dinyatakan:

*"Jika engkau meminjamkan wang kepada salah seorang yang miskin di antaramu dari umat-Ku, maka janganlah engkau berlaku sebagai penagih hutang terhadap dia: janganlah engkau bebaskan bunga wang terhadapnya."*¹³³

Dalam kitab *Sifr Al-Tatniyah/Deuteronomy* (ulangan) pasal 23 ayat 19 pula dinyatakan:

*"Janganlah engkau membebaskan bunga kepada saudaramu, sama ada wang mahupun makanan, atau apa sahaja yang dapat dibungkakan."*¹³⁴

Dan dalam kitab *Sifr al-Lawiyyin/Leviticus* (Imamat) pasal 25 ayat 36-37 juga dinyatakan:

*"Janganlah engkau mengambil bunga atau riba dari saudaramu, melainkan engkau mesti takut akan Tuhanmu, supaya dia dapat hidup di antaramu. Janganlah engkau memberi wangmu kepadanya dengan meminta bunga, dan jangan pula engkau memberi makanan kepadanya dengan meminta bunga."*¹³⁵

2. Riba Dalam Agama Kristian

¹³² Al-Nawawī (1985) *op. cit.*, juz 3, cet. 2, h. 390. Ibrāhīm Al-Ṭaḥāwī (1974), *Al-Iqtisād Al-Islāmī Madhhaban wa Niẓāman* juz 1. Kaherah: Al-Hai'ah Al-Āmmah Li al-Syu'ūn Al-Maṭābi' Al-Āmiriyyah, h. 284.

¹³³ Samīr Al-Huḍaibī (1988), *op. cit.*, h. 32; Muḥammad 'Abd Al-Mu'min Al-Jammāl (1986), *Mawsū'ah Al-Iqtisād Al-Islāmī wa Dirāsah Muqāranah*, cet 2. Beirut: Dār Al-Kutub Al-Lubnāni, h. 387.

¹³⁴ Ḥasan Ṣāliḥ Al-Ānāni (ed) (1983), *Mu'jizat Al-Islam fī Al-Mauqifah min Al-Ribā*. Kaherah: Ma'had Al-Daulī li al-Bunūk wa Al-Ribā Al-Islāmī, h. 28; Muṣṭafā 'Abdullāh Al-Hamsyārī (1973), *Al-A'māl Al-Maṣrafiyyah wa Al-Islam*. Kaherah: Maṭābi' Al-Syirkah Al-Miṣriyyah, h. 33.

¹³⁵ Al-Ṭaḥāwī (1974), *op. cit.*, juz 1, h. 284; Al-Jammāl (1986), *op. cit.*, h. 387.

Dalam kitab perjanjian baru perkara riba tidak dinyatakan dengan jelas sehingga umat Kristian tidak memiliki petunjuk langsung mengenai riba. Tetapi ada perkataan nabi Isa a.s. yang memberi gambaran ke atas perkara pinjam meminjam.¹³⁶

Dalam perjanjian baru terdapat beberapa teks yang merujuk ke atas perkara ini, iaitu:

“Berilah pinjaman dan janganlah kamu mengharapkan sesuatu pembalasan daripadanya.”

Luke (6: 35)

“Apabila seseorang meminta sesuatu daripada kamu, hendaklah kami memberikannya. Apabila seseorang ingin meminjam sesuatu, beri pinjamkanlah kepadanya.”

Matthew (5:34)

Pihak gereja telah sepakat mengharamkan riba bagi penganut agama Kristian tanpa mengira ras dan bangsa. Agama Kristian menuntut agar si pemiutang hanya mengambil sejumlah yang dipinjamkannya tanpa sebarang lebihan atau kurangan. Pengharaman ini dipatuhi oleh negara-negara Kristian sehinggalah abad ke 13.

Namun kerana pengaruh para saudagar dan berkurangnya pengaruh gereja, amalan riba mulai diamalkan oleh masyarakat yang awalnya hanya dalam bentuk pengecualian hingga akhirnya dibenarkan oleh undang-undang.¹³⁷

¹³⁶ John Dow (1921), Usury (Cristian) in James Hastings, *Encyclopedia of Religion and Ethics*, vol. 12. Edinburgh: T&T Clark, h. 550.

¹³⁷ Al-Ṭahāwī (1974), *op. cit.*, juz 1. h. 286; al-Jammāl (1986), *op. cit.*, h. 389.

Kerana disokong oleh pandangan kalangan reformis Kristian yang menggesa agar amalan bunga diperbolehkan maka sejak abad ke 16 agama Kristian telah menghalalkan bunga.¹³⁸

3. Riba Di Zaman Greek

Pada zaman Greek (Yunan) sekitar abad VI sebelum Masehi hingga abad I Masehi amalan pengenaaan bunga berlaku secara berleluasa sehinggalah pemerintah pada masa itu terpaksa menetapkan had kadarnya walaupun pada asalnya kerajaan membenarkannya melalui penguatkuasaan undang-undang. Namun ahli-ahli falsafah Greek ketika itu menentang keras undang-undang tersebut. Plato dan Aristotle menyeru supaya bunga diharamkan sehingga mereka menyatakan bahawa pengambilan bunga adalah cara yang keji untuk memperoleh kekayaan.¹³⁹

4. Riba Di Zaman Rom

Pada zaman Rom sekitar abad V sebelum Masehi hingga abad IV Masehi terdapat undang-undang yang membenarkan penduduknya mengambil bunga atau riba selama bunga tersebut sesuai dengan kadar maksimal yang dibenarkan oleh hukum. Meskipun undang-undang membenarkan pengambilan bunga, tetapi pengambilannya tidak dibenarkan dengan cara bunga berganda. Sebenarnya Rom adalah negara pertama yang menggubal undang-undang bagi menjaga kepentingan golongan yang berhutang. Para

¹³⁸ John Dow (1921), *op.cit.*, h. 550.

¹³⁹ The Encyclopedia of Americana (1984), vol. 27. TNTT: Grolier Incorporated, h. 824; Anwar Iqbal Qureshi (1974), *Islam and The Theory of Interest*, Lahore: Sh. Muhammad Ashraf, h. 6.

penulis Rom pada masa itu seperti Cicero, Cato dan Seneca secara terang-terangan mengutuk amalan bunga dan menganggapnya sebagai tidak natural dan tidak adil.¹⁴⁰

5. Riba Dalam Masyarakat Jahiliyyah

Praktik riba yang diamalkan oleh masyarakat Arab sebelum datangnya Islam dikenal dengan nama riba "*al-jāhiliyyah*". Mujahid berkata, riba ini berlaku apabila seseorang mempunyai hutang kepada orang lain dan dia berkata: "Untuk kamu sekian (jumlah tambahan) asal kamu perlewatkan tempoh pembayaran hutang itu padaku." lalu dilanjutkanlah tempoh pembayaran untuknya.¹⁴¹ Qatadah pula berkata, riba *al-jāhiliyyah* ialah apabila seseorang menjual sesuatu barang secara hutang kepada orang lain sehingga tempoh tertentu, apabila sampai tempoh pembayaran si pembeli belum mampu membayar maka harga bayaran ditambah dan tempoh dilanjutkan.¹⁴²

Ibn ʿArabi berkata, riba yang popular di kalangan masyarakat Arab jahiliyyah ialah apabila seseorang menjual suatu barangan secara bertangguh lalu ketika cukup tempoh masa pembayarannya, ia berkata, "Adakah kamu mahu membayar atau kamu mahu menambahkan jumlah bayarannya?"¹⁴³

Secara umum masyarakat Arab jahiliyyah mengamalkan riba melalui dua bentuk berikut:

¹⁴⁰ Qureshi (1974), *op. cit.*, h. 6; Lewis H. Haney (1949), *History of Economic Thought*, 4th. Edition. New York: The Macmillan Company, h. 77.

¹⁴¹ Al-Ṭabarī (1983), *op. cit.*, juz 3, h. 67; ʿAbdul Raḥmān Ibn Al-Kamāl Jalāl Al-Dīn Al-Suyūṭī (1983), *Tafsīr al-Durr al-Manthūr fī al-Tafsīr al-Ma'thūr*, juz 2. Beirut: Dār Al-Fikr, h. 104.

¹⁴² Al-Ṭabarī (1983), *op. cit.*, juz 3, h. 67; Al-Suyūṭī (1983), *op. cit.*, h. 105.

¹⁴³ Al-Ṭahāwī (1974), *op. cit.*, juz 1, h. 303.

1. Pemberian pinjaman yang bertempoh dengan dikenakan bayaran lebih daripada jumlah pokok pinjaman.
2. Jual beli dengan harga bertangguh.¹⁴⁴

Pada kesimpulannya boleh dikatakan bahawa punca terjadinya riba pada zaman jahiliyyah dikeranakan oleh faktor hutang sama ada hutang dalam kontrak jual beli mahupun dalam perkara hutang piutang. Sejarah telah mencatatkan bahawa baginda Nabi s.a.w. menggesa penduduk *Ṭā'if* dan *Najrān* supaya tidak mengamalkan riba.¹⁴⁵

2.5.4 Islam Mengharamkan Riba

Agama Islam melarang umatnya mengambil riba dalam jenis apapun. Larangan ini bersumber daripada beberapa ayat al-Qur'an dan al-Hadith.¹⁴⁶

1. Larangan Riba Dalam Al-Qur'an

Larangan riba yang terdapat dalam al-Qur'an tidak diturunkan sekaligus, ianya sama seperti hukum pelarangan arak yang diturunkan dalam empat peringkat. Perkara ini bukan hanya sama pada bilangan peringkat bahkan tempat turunnya ayat-ayat yang berkenaan juga sama. Persamaan juga tidak hanya dalam al-Qur'an tetapi juga dalam al-Hadith yang melaknat para pelaku kedua dosa besar ini.¹⁴⁷

Peringkat Pertama: Firman Allah s.w.t.:

¹⁴⁴ Al-Jammāl (1986), *op. cit.*, h. 394.

¹⁴⁵ Sila lihat surat Baginda Rasulullah s.a.w. kepada keluarga Thaqif dalam Abū °Ubaid Al-Qāsim Ibn Salām (1975), *Kitab Al-Amwāl*, Taḥqīq Muḥammad Khalīl Ḥarrās, cet. 2. Kaherah: Dār Al-Fikr, h. 249.

¹⁴⁶ Al-Nawawī (1985) *op. cit.*, juz 3, cet. 2. h. 395.

¹⁴⁷ Al-Zuḥaylī (1991), *op. cit.*, juz 3, h. 91.

وَمَا آتَيْتُمْ مِنْ رَبًّا لِيَرْبُوهَا فِي أَمْوَالِ النَّاسِ فَلَا يَرْبُوهَا عِنْدَ اللَّهِ وَمَا آتَيْتُمْ مِنْ زَكَاةٍ تُرِيدُونَ وَجْهَ اللَّهِ فَأُولَئِكَ هُمُ الْمُضْغِفُونَ .

Dan sesuatu riba (tambahan) yang kamu berikan agar dia menambah pada harta manusia, maka riba itu tidak menambah pada sisi Allah. Dan apa yang kamu berikan berupa zakat yang kamu maksudkan untuk mencari keridhaan Allah, maka (yang berbuat demikian) itulah orang-orang yang melipat gandakan (pahalanya).

(QS. Al-Rūm [30]: 39).

Ayat ini diturunkan di Mekah berbentuk amaran lembut dari Allah s.w.t. kerana riba tidak mendapat pahala di sisi-Nya dan al-Qur'an belum menyebut balasan penyiksaan kepada pengamal riba.¹⁴⁸

Peringkat Kedua: Firman Allah s.w.t.:

فَبِظُلْمٍ مِنَ الَّذِينَ هَادُوا حَرَّمْنَا عَلَيْهِمْ طَيِّبَاتٍ أُحِلَّتْ لَهُمْ وَبِصَدِّهِمْ عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ كَثِيرًا .
وَأَخْذِهِمُ الرِّبَا وَقَدْ نُهُوا عَنْهُ وَأَكْلِهِمْ أَمْوَالَ النَّاسِ بِالْبَاطِلِ
وَأَعْتَدْنَا لِلْكَافِرِينَ مِنْهُمْ عَذَابًا أَلِيمًا .

Maka disebabkan kezaliman orang-orang Yahudi, Kami haramkan atas mereka (memakan makanan) yang baik-baik (yang dahulunya) dihalalkan bagi mereka, dan kerana mereka banyak menghalangi (manusia) dari jalan Allah, dan disebabkan mereka memakan riba, padahal sesungguhnya mereka telah melarang daripadanya, dan kerana mereka memakan harta orang dengan jalan yang batil. Kami telah menyediakan untuk orang-orang yang kafir di antara mereka itu siksa yang pedih.

(QS. Al-Nisā' [4]: 160 – 161).

¹⁴⁸ Al-Ṭabarī (1983), *op. cit.*, juz 3, h. 69.

Ayat ini turun selepas baginda Rasulullah s.a.w. hijrah ke Madinah yang mana kondisi orang-orang Islam mula bergaul dengan orang-orang Yahudi dan berurusniaga dengan mereka. Ayat ini menunjukkan bahawa riba telah diharamkan kepada kaum Yahudi sebagaimana juga diharamkan ke atas umat Islam. Di dunia kaum Yahudi telah didenda dengan mengharamkan perkara-perkara yang telah dihalalkan untuk mereka sebelum ini dan di akhirat pula mereka diancam dengan azab yang pedih.¹⁴⁹

Peringkat Ketiga: Firman Allah s.w.t.:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَأْكُلُوا الرِّبَا أَضْعَافًا مُضَاعَفَةً وَاتَّقُوا اللَّهَ
لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ . وَاتَّقُوا النَّارَ الَّتِي أُعِدَّتْ لِلْكَافِرِينَ .

Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu memakan riba dengan berlipat ganda dan bertaqwalah kamu kepada Allah supaya kamu mendapat keberuntungan. Dan peliharalah dirimu dari api neraka yang disediakan untuk orang-orang yang kafir.

(QS. Āli ‘Imrān [3]: 130-131).

Ayat ini turun pada tahun ke 3 Hijriyyah dan merupakan ayat pertama yang secara pasti menyatakan dengan terang perihal pengharaman riba yang ditujukan langsung kepada orang-orang beriman. Secara umum ayat ini mesti difahami bahawa ciri berlipat ganda seperti yang disebutkan pada ayat di atas bukanlah syarat mutlak bagi terjadinya riba, namun perkara seperti ini menunjukkan kebiasaan yang kerap berlaku dalam masyarakat jahiliyyah.¹⁵⁰

Peringkat Keempat: Firman Allah s.w.t.:

¹⁴⁹ Al-Zuhaylī (1991), *op. cit.*, Juz 6, h. 27; Aḥmad Muṣṭafā Al-Marāghī (1963), *Tafsīr al-Marāghī*, juz 6. Kaḥerah: Dār al-Kutub al-Miṣriyyah, h. 16; Sayyid Quṭb (1982), *op. cit.*, Jil. 2, h. 803.

¹⁵⁰ Al-Ṭabarī (1983), juz 4, h. 59.

الَّذِينَ يَأْكُلُونَ الرِّبَا لَا يَقُومُونَ إِلَّا كَمَا يَقُومُ الَّذِي يَتَخَبَّطُهُ الشَّيْطَانُ مِنَ الْمَسِّ ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ قَالُوا إِنَّمَا الْبَيْعُ مِثْلُ الرِّبَا وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا فَمَنْ جَاءَهُ مَوْعِظَةٌ مِنْ رَبِّهِ فَانْتَهَى فَلَهُ مَا سَلَفَ وَأَمْرُهُ إِلَى اللَّهِ وَمَنْ عَادَ فَأُولَئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ .
يَمْحَقُ اللَّهُ الرِّبَا وَيُزْبِي الصَّدَقَاتِ وَاللَّهُ لَا يُحِبُّ كُلَّ كَفَّارٍ أَثِيمٍ .
إِنَّ الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَآتَوُا الزَّكَاةَ لَهُمْ أَجْرُهُمْ عِنْدَ رَبِّهِمْ وَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ . يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَذَرُوا مَا بَقِيَ مِنَ الرِّبَا إِن كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ .
فَإِنْ لَمْ تَفْعَلُوا فَأْذَنُوا بِحَرْبٍ مِنَ اللَّهِ وَرَسُولِهِ وَإِنْ تُبْتُمْ فَلَكُمْ رُءُوسُ أَمْوَالِكُمْ لَا تَظْلِمُونَ وَلَا تُظْلَمُونَ .

"Orang-orang yang memakan riba tidak dapat berdiri melainkan seperti berdirinya orang yang kemasukan syaitan kerana tekanan penyakit gila. Keadaan mereka sedemikian itu adalah disebabkan mereka berkata, sesungguhnya jual beli itu sama dengan riba, padahal Allah telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba. Orang yang telah sampai kepadanya larangan dari Tuhannya lalu terus berhenti (dari memakan riba) maka baginya apa yang telah diambilnya dahulu (sebelum datang larangan) dan urusannya (terserah) kepada Allah. Dan orang yang kembali (mengambil riba) adalah termasuk penghuni-penghuni neraka; mereka kekal di dalamnya. Allah memusnahkan riba dan menyuburkan sedekah. Dan Allah tidak menyukai setiap orang yang tetap dalam kekafiran dan selalu berbuat dosa. Sesungguhnya orang-orang yang beriman, mengerjakan amal saleh, mendirikan shalat dan menunaikan zakat, mereka mendapat pahala di sisi Tuhan mereka. Dan tidak ada kekhawatiran terhadap mereka dan tidak pula mereka bersedih hati. Hai orang-orang yang beriman, bertaqwalah kepada Allah dan tinggalkan sisa riba (yang belum dipungut) jika kamu orang-orang yang beriman. Maka jika kamu tidak mengerjakan (meninggalkan sisa riba) maka ketahuilah bahwa Allah dan Rasulnya akan memerangimu. Dan jika kamu bertaubat (dari pengambilan riba), maka bagimu pokok hartamu; kamu tidak menganiaya dan tidak (pula) dianiaya."

(QS. Al-Baqarah [2]: 275 – 279).

Beberapa ayat ini menunjukkan bahawa riba yang diharamkan adalah sebarang bentuk tambahan kepada modal pokok yang dipinjamkan. Ini bermakna bahawa sebarang tambahan kepada modal pokok samada kecil mahupun besar adalah riba. Oleh

itu, sebarang tambahan kepada modal pokok daripada urusan hutang atas alasan apa sekalipun adalah haram.¹⁵¹

Ayat-ayat yang mulia ini akan sempurna kita fahami jika kita mencermati *sabab al-nuzūl* dari ayat ini. Ibn Jarir al-Tabari meriwayatkan bahawa kaum *Thaqīf* – penduduk kota *Tā'if* – telah membuat kesepakatan dengan baginda Rasulullah s.a.w. bahawa semua hutang dan piutang mereka yang berdasarkan riba dihapuskan dan yang dikembalikan hanyalah pokoknya sahaja. Setelah peristiwa *Fathu Makkah* (Pembukaan kota Makkah), baginda Rasulullah s.a.w. menunjuk Itab Ibn Usaid r.a. sebagai gabenor Makkah yang juga meliputi bahagian *Tā'if*. Sementara itu Bani Amr Ibn Umeir Ibn Auf adalah orang-orang yang sentiasa meminjamkan wang secara riba kepada Bani Mughirah yang sebelum Islam datang mereka biasanya membayar dengan tambahan riba. Setelah Islam datang Bani Amr menagih utang dengan tambahan riba dari Bani Mughirah seperti sedia kala, tetapi mereka – setelah masuk Islam – menolak memberi tambahan riba. Maka perkara ini direkodkan kepada Gabenor Itab Ibn Usaid. Menanggapi perkara ini Itab langsung menulis surat kepada baginda Rasulullah s.a.w. lalu turunlah ayat yang mulia ini. Lantas baginda pun menulis balasan kepada Itab: ”Jika mereka (Bani Amr) reda dengan ketentuan Allah di atas maka itu baik, tetapi jika mereka menolaknya maka syorkanlah perang kepada mereka.”¹⁵²

Dengan demikian, sempurnalah sudah pengharaman riba dalam al-Qur'an. Pengharaman ini dengan jelas menunjukkan bahawa Allah s.w.t. bukan sahaja mengharamkan riba yang berlipat ganda malah menghapuskan amalan riba sama sekali tanpa sebarang pengecualian.¹⁵³

¹⁵¹ Ibn Kathīr (tt), *Tafsīr Ibn Kathīr*, juz 1, Kaherah: Maktabah Zahrān, h. 329.

¹⁵² Al-Ṭabarī (1983), *op. cit.*, Jil. 6, h. 33.

¹⁵³ Al-Ṭabarī (1983), *op. cit.*, juz 6, h. 35; Sayyid Quṭb (1982), *op. cit.*, Juz 5, h. 2772.

2. Riba Dalam Al-Sunnah

Larangan riba dalam Islam didapati juga dalam al-Sunnah atau hadith-hadith Baginda Rasulullah s.a.w. yang demikian kerana al-Sunnah berperan menjelaskan lebih lanjut aturan yang telah dinyatakan oleh al-Qur'an. Analisis terhadap hadith-hadith mengenai riba dapat dikategorikan kepada beberapa kategori berikut:¹⁵⁴

Kategori Pertama: Pengharaman riba secara umum yang menceritakan amalannya tergolong dalam dosa besar. Beberapa hadith yang menyatakan perkara ini adalah:

1 - عَنْ جَابِرِ ابْنِ عَبْدِ اللَّهِ قَالَ لَعَنَ رَسُولُ اللَّهِ آكِلَ الرِّبَا وَمُؤْكِلَهُ وَكَاتِبَهُ وَشَاهِدِيهِ وَقَالَ هُمْ سَوَاءٌ []

*Diriwayatkan daripada Jabir Ibn Abdullah r.a. bahawa dia berkata: Rasulullah s.a.w. melaknat orang yang mengambil riba, membayar dengan riba, penulisnya dan kedua-dua saksi. Dan baginda bersabda: "Mereka semua adalah sama."*¹⁵⁵

2 - عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ قَالَ يَأْتِي عَلَى النَّاسِ زَمَانٌ يَأْكُلُونَ فِيهِ الرِّبَا قَالَ قِيلَ لَهُ النَّاسُ كُلُّهُمْ قَالَ مَنْ لَمْ يَأْكُلْهُ مِنْهُمْ نَالَهُ مِنْ غُبَارِهِ []

*Diriwayatkan daripada Abu Hurairah r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: "Akan tiba suatu masa di mana umat manusia akan memakan riba. Barang siapa yang tidak memakannya, maka debu-debu riba akan mengenainya juga."*¹⁵⁶

¹⁵⁴ Ab. Mumin Ab. Ghani (1999), *op. cit.*, h. 195.

¹⁵⁵ Muslim Ibn Al-Hajjāj Ibn Muslim Al-Naysābūrī (1990) *Ṣaḥīḥ Muslim, Bāb la'nu ākil al-riba wa mu'kilihi*, No. 2995. Juz 8. Kaherah: Dār al-Hadīth, h. 288.

¹⁵⁶ Aḥmad Ibn Muḥammad Ibn Ḥanbal (1978), *Musnad al-Imām Aḥmad Ibn Ḥanbal, Bāb Musnad Abū Hurairah r.a.* No. 1007. Juz 21. Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah, h. 51; Aḥmad Ibn Ḥusayn Ibn ʿAlī Al-

Kategori Kedua: Penghapusan riba jahiliyyah atau riba hutang. Hadith

yang menyatakan perkara ini adalah:

1 - عَنْ جَابِرِ ابْنِ عَبْدِ اللَّهِ قَالَ فِي خُطْبَةِ النَّبِيِّ يَعْرِفَاتُ قَالَ :
وَرَبَا الْجَاهِلِيَّةِ مَوْضُوعٌ وَأَوَّلُ رَبًّا أَضْعُهُ رَبَّا الْعَبَّاسِ بْنِ عَبْدِ
الْمُطَّلِبِ ، فَإِنَّهُ مَوْضُوعٌ كُلُّهُ.

Diriwayatkan daripada Jabir Ibn Abdullah r.a. bahawa dalam peristiwa haji wadak dan amanat terakhir baginda pada tarikh 9 Dzulhijjah 10 Hijriyyah, Rasulullah s.a.w. masih menekankan sikap Islam yang melarang riba. Baginda berpesan: "Riba jahiliyyah telah dihapuskan. Riba yang pertama aku hapuskan adalah riba di kalangan kita iaitu riba Abbas Ibn Abdul Muttalib, sesungguhnya semua jenis riba ini telah dimansuhkan."¹⁵⁷

2 - قَالَ رَسُولَ اللَّهِ: أَلَا إِنَّ كُلَّ رَبًّا مِنْ رَبَا الْجَاهِلِيَّةِ مَوْضُوعٌ
لَكُمْ رُءُوسُ أَمْوَالِكُمْ لَا تَظْلِمُونَ وَلَا تُظْلَمُونَ.

Baginda Rasulullah s.a.w. bersabda: "Ingatlah bahawa semua jenis riba al-Jahiliyyah telah dimansuhkan, bagi kamu adalah modal pokokmu. Kamu tidak menzalimi dan tidak juga dizalimi."¹⁵⁸

Kategori Ketiga: Penghapusan riba jual beli atau riba tersembunyi.

Banyak sekali hadith yang menyatakan perkara ini, bahkan ianya membabitkan dua puluh orang perawi dari kalangan sahabat. Di antara hadith-hadith ini adalah:

Bayhaqī (1998), *al-Sunan al-Kubrā, bāb mā jā'a min al-tasydīd fī al-ribā*. Juz 5. Kaherah: Dār al-Hadith, h. 670.

¹⁵⁷ Muslim (1990), *op. cit.*, *Bāb Ḥajjat Al-Nabiyyi Ṣallallāhu 'alaihi wa Sallam*. No. 2137. Juz 6, h. 245; Abū Dāwūd (1997), *Sunan Abū Dāwūd, bāb Ṣifāt Ḥajjat Al-Nabiyyi Ṣallallāhu 'alaihi wa Sallam*. No. 1628, Juz 5. Kaherah: Dār Al-Hadīth, h. 258; Ibn Mājah (tt), *Sunan Ibn Mājah, Bāb Ḥajjat Rasulullah Ṣallallāhu 'alaihi wa Sallam*. No. 3065. Juz 9. Kaherah: Dār Iḥyā' al-Kutub al-'Arabiyyah, h. 200.

¹⁵⁸ Abū Dāwūd (1997), *op. cit.*, *Bāb fī Waq'ī al-Ribā*, juz 9, h. 166.

1 - عَنْ عُبَادَةَ بْنِ الصَّامِتِ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ: الدَّهَبُ بِالذَّهَبِ وَالْفِضَّةُ بِالْفِضَّةِ وَالْبُرُّ بِالْبُرِّ وَالشَّعِيرُ بِالشَّعِيرِ وَالتَّمْرُ بِالتَّمْرِ وَالْمِلْحُ بِالْمِلْحِ مِثْلًا بِمِثْلِ سِوَاءٍ بِسِوَاءٍ يَدًا بِيَدٍ فَإِذَا اخْتَلَفَتْ هَذِهِ الْأَصْنَافُ فَبِيعُوا كَيْفَ شِئْتُمْ إِذَا كَانَ يَدًا بِيَدٍ]

*Diriwayatkan daripada Ubadah Ibn al-Samit r.a. dia berkata: Rasulullah s.a.w. bersabda: "Emas (ditukar) dengan emas, perak dengan perak, gandum dengan gandum, barli dengan barli, tamar dengan tamar, garam dengan garam, serupa dengan serupa, sama dengan sama, unjuk berunjuk. Jika sekiranya jenis barangan ini berbeza, maka kamu boleh berjual beli mengikuti kehendakmu dengan syarat urusaniaga tersebut dilakukan dengan unjuk berunjuk."*¹⁵⁹

2 - عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ وَعَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ اسْتَعْمَلَ رَجُلًا عَلَى خَيْبَرَ فَجَاءَهُ بِتَمْرٍ جَنِيبٍ فَقَالَ لَهُ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَكُلْتَ تَمْرَ خَيْبَرَ هَكَذَا فَقَالَ لَا وَاللَّهِ يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّا لَنَأْخُذُ الصَّاعَ مِنْ هَذَا بِالصَّاعَيْنِ وَالصَّاعَيْنِ بِالثَّلَاثَةِ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَا تَفْعَلْ بَعْ الْجَمْعَ بِالدَّرَاهِمِ ثُمَّ ابْتَغِ بِالدَّرَاهِمِ جَنِيبًا]

*Diriwayatkan daripada Abu Said al-Khudri dan Abu Hurairah r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. mempekerjakan seorang lelaki di Khaibar. Lalu lelaki itu datang berjumpa baginda dengan membawa buah tamar janib (sejenis tamar yang berkualiti tinggi). Maka Rasulullah s.a.w. bertanya kepada lelaki itu: "Apakah semua jenis tamar di Khaibar seperti ini?" lelaki itu menjawab: "Demi Allah tidak wahai Rasulullah, sebenarnya kami menukarkan satu sha' (sukatan) tamar jenis ini dengan dua sha' tamar biasa, dan dua sha' tamar ini dengan tiga sha' tamar biasa." maka Rasulullah s.a.w. bersabda: "Janganlah kamu berbuat demikian, jualkan tamar al-Jam' (sejenis tamar yang berkualiti rendah) dengan dirham lalu gunakanlah dirham itu untuk membeli tamar janib."*¹⁶⁰

¹⁵⁹ Muslim (1990), *op. cit.*, Bāb Al-Ṣarf Wa Bay' Al-Dhahab Bi Al-Waraq Naqdan. Juz 8, h. 259; Ibn Ḥanbal (1978), *op. cit.*, Bāb Ḥadīth 'Ubādah Ibn Ṣāmit r.a. Juz 46, h. 214.

¹⁶⁰ Mālik Ibn Anas (1983), *Al-Muwatta'*, bāb mā yukrahu min bay' al-tamr. No. 1137, Juz 4. Beirut: Dār al-Āfāq al-Jadīdah, h. 315; Muḥammad Ibn Ismā'il Ibn Ibrāhīm Al-Bukhārī (1981), *Ṣaḥīḥ Al-Bukhārī*, bāb idhā arāda bay'a tamrin bi tamrin khairin minhu. No. 2050. Juz 7. Istanbul: al-Maktabah al-Islāmiyyah, h. 429; Muslim (1990), *op. cit.*, bāb bay' al-ṭa'ām mithlan bi mithlin, Juz 8, h. 276.

Dari keterangan beberapa hadith di atas jelaslah bagi kita semua bahawa semua amalan di bawah kategori riba, iaitu mengambil lebih daripada modal pokok adalah haram sama ada dalam bentuk hutang, pinjaman mahupun jual beli.¹⁶¹

2.5.5 Kesan Negatif Riba

Sememangnya kesan negatif riba boleh menjejaskan aspek ekonomi dan sosial. Di bawah ini diuraikan beberapa kesan negatif daripada riba:

1. Terjadi kenaikan harga kerana semakin tinggi kadar bunga semakin tinggi pula kadar harga yang akan ditetapkan pada suatu barang. Perkara ini berlaku kerana salah satu unsur yang menentukan harga adalah kadar bunga.
2. Hutang yang membelenggu kerana rendahnya kadar penerimaan peminjam dan tingginya biaya bunga akan menjadikan peminjam tidak dapat keluar dari ketergantungan dan belenggu terlebih lagi jika kadar bunga ke atas hutang dibungakan semula.
3. Merampas kekayaan orang lain kerana salah satu pihak menerima lebih tanpa mengeluarkan sesuatu apapun. Jenis urusan seperti ini adalah batil, tidak adil dan sewenang-wenang padahal Islam mengharamkan pengambilan harta secara batil dan sewenang-wenang.
4. Semakin tingginya kesenjangan sosial kerana orang kaya akan memperoleh kadar bunga yang tinggi sementara orang miskin tidak mampu meminjam sehingga membuatnya tidak dapat berusaha. Akibatnya si miskin semakin miskin dan jauh tertinggal di belakang si kaya yang semakin kaya.

¹⁶¹ Rafiq Yūnus Al-Miṣrī (1981), *op. cit.*, h. 70.

5. Kadar bunga merupakan pendapatan yang diperoleh secara batil dan tidak adil kerana kepastian untung yang telah ditetapkan padahal tidak sebarangpun yang dapat memastikan apa yang akan terjadi di kemudian hari. Dan setiap orang yang berusaha mesti berjaya atau gagal sementara dengan sistem bunga orang dapat memastikan bahawa usahanya pasti berjaya dan untung.
6. Dapat merosak moral kerana ketulusan seseorang akan terjejas jika hasrat membungakan wang terus tertanam dalam dirinya sehingga dia akan berupaya mengambil apa sahaja yang dimiliki si peminjam untuk membayar bunga yang berlipat-lipat dari pokok pinjaman.
7. Dapat menumbuhkan rasa kebencian dan permusuhan kerana pengambilan harta si peminjam dengan paksa dan semena-mena akan menuntut perlakuan yang sama pula. Dengan demikian tidak wujud lagi rasa toleransi dan saling membantu.¹⁶²

Dari penjelasan di atas jelas bahawa sistem bunga atau riba bercanggah dengan prinsip Islam. Oleh itu bank Islam tidak mengamalkan sistem bunga seperti halnya Bank Konvensional. Sebaliknya bank Islam justeru mengamalkan sistem perkongsian untung berasaskan prinsip syariah. Meskipun kedua-dua sistem ini memberi keuntungan samada kepada bank mahupun kepada pelabur namun kedua-duanya mempunyai perbezaan yang sangat jelas dan signifikan.

2.5.6 Pengharaman Bunga Bank

Sebahagian ahli ekonomi mengatakan bahawa bunga ditakrifkan sebagai bayaran yang dibayar oleh peminjam kepada pemberi pinjaman terhadap modal yang digunakan. Bayaran ini boleh dilihat sebagai sewaan yang dibayar oleh peminjam sebagai ganti rugi

¹⁶² Muhammad Syafii Antonio (2000), *op. cit.*, h. 56-58.

ke atas kehilangan modal yang boleh digunakannya semasa modal itu dipinjamkan. Bunga juga boleh dikatakan sebagai pembayaran bagi penggunaan modal pokok. Dengan kata lain bunga merupakan harga ke atas penggunaan wang si pemiutang.¹⁶³

Oleh kerana riba adalah tambahan kepada wang pokok yang mesti dibayar oleh si penghutang kepada si pemiutang sebagai satu syarat pinjaman atau kerana perlanjutan tempoh pembayaran pinjaman, maka ini bermakna bahawa riba membawa makna yang sama dan mempunyai satu tujuan dengan bunga sebagaimana yang dipersetujui oleh semua ahli fiqh tanpa sebarang pengecualian.¹⁶⁴

Amalan bunga terhadap penggunaan wang sebagaimana yang diamalkan dalam urusan kewangan sekarang termasuk dalam kategori riba *al-nasi'ah* dan ulama semasa telah sepakat bahawa kadar bunga sedikit atau banyak termasuk dalam kategori riba yang diharamkan.¹⁶⁵

Dengan demikian dapat disimpulkan bahawa pada hakikatnya tidak ada perbezaan antara bunga atau faedah dengan riba. Kedua-dua istilah bunga dan faedah dalam bahasa Arab dikenali sebagai riba. Dan Islam dengan tegasnya mengharamkan semua bentuk riba tanpa mengira apa nama yang disematkan ke atasnya.¹⁶⁶

Jadual 2.2: Perbezaan Sistem Bunga (Riba) Dengan Sistem Perkongsian Untung

¹⁶³ Muḥammad Bāqir Al-Ṣadr (1982), *Iqtisāduna*, Cet. 16. Beirut: Dār al-Taʿāruḥ li al-Maṭbuʿāt, h. 625; *The New Encyclopedia Britannica* (1985), Vol. 15, 15th. Edition, Chicago: Encyclopedia Britannica, Inc., h. 390.

¹⁶⁴ M. Omer Chapra (1985), *Towards A Just Monetary System*. Leicester: The Islamic Foundation, h. 56-57.

¹⁶⁵ Yūsuf Al-Qarḍāwī (1990), *Fawā'id Al-Bunūk Hiya Al-Ribā Al-Muḥarram*. Kaherah: Dār Al-Wafā', h. 129-130; Al-Zuḥaylī (1986), *op. cit.*, juz 4, h. 682.

¹⁶⁶ Afzal al-Rahman (1980), *Economic Doctrines of Islam*, Vol. 3, Lahore: Islamic Publication, h. 80; Mannan (1986), *op. cit.*, h. 162.

Sistem Bunga	Sistem Kongsisama Keuntungan
Penentuan bunga dilakukan ketika akad dengan anggapan mesti selalu untung	Penentuan besarnya nisbah perkongsian untung dilakukan ketika akad dengan hitungan untung dan rugi
Besarnya peratusan berdasarkan jumlah wang atau modal yang dipinjamkan	Besarnya peratusan perkongsian untung berdasarkan jumlah keuntungan yang diperoleh
Pembayaran bunga tetap seperti yang dijanjikan tanpa mengabil kira apakah usaha yang dijalankan pelanggan untung atau rugi	Perkongsian untung bergantung kepada keuntungan usaha yang dijalankan. Jika terjadi kerugian akan ditanggung bersama oleh kedua belah pihak
Jumlah bayaran bunga tidak meningkat sekalipun jumlah keuntungan berlipat atau kondisi ekonomi sedang naik	Jumlah pembahagian untung meningkat sesuai dengan peningkatan jumlah pendapatan
Kewujudan bunga dilarang oleh semua agama samawi termasuk Islam	Tidak ada yang melarang keabsahan sistem perkongsian untung

Sumber: Modul Pelatihan Bank Muamalat Indonesia di Jakarta.

2.6 KESIMPULAN

Penubuhan institusi kewangan dan bank Islam di negara Islam di seluruh dunia merupakan hasil tuntutan dan keinginan ahli-ahli ekonomi Islam, para ulama dan umat Islam secara menyeluruh yang menginginkan supaya syariat Islam diamalkan dalam segala aspek kehidupan termasuk aspek ekonomi dan perbankan yang merupakan asas pembangunan ekonomi sesebuah negara.

Penubuhan Bank Islam pertama yang diberi nama *Mit Ghamr Local saving Bank* di Mesir terjadi pada tahun 1963. Dan pada tahun 1974 *Islamic Development Bank* (IDB) turut ditubuhkan di Jeddah. Selanjutnya bank Islam mula banyak ditubuhkan di negara-negara Islam seperti Kuwait, Emiriah Arab Bersatu, Sudan, Pakistan, Turki dan

Malaysia. Bahkan Bank Islam turut pula ditubuhkan di negara bukan Islam seperti Luxembourg, Denmark dan Filipina.

Tidak dapat dielakkan bahawa penubuhan bank Islam di negara-negara tersebut mempunyai pengaruh positif bagi penubuhan sistem perbankan Islam di Indonesia. Pada 1 November 1991 Bank Muamalat Indonesia ditubuhkan sebagai bank Islam pertama di Jakarta.

Bank Islam yang ditubuhkan di negara-negara Islam dan bukan Islam beroperasi berdasarkan prinsip syariah seperti *al-waḍīʿah*, *al-muḍārabah*, *al-musyārakah*, *al-murābahah*, *bayʿ al-salam*, *bayʿ al-istiṣnāʿ*, *bayʿ bi thaman ājil*, *bayʿ al-dayn*, *bayʿ al-ʿinah*, *al-ṣarf*, *al-ijārah*, *al-qarḍ al-ḥasan*, *al-wakālah*, *al-kafālah*, *al-ḥiwālah* dan *al-rahn*.

Kita juga dapat membezakan dengan pasti bahawa faktor utama yang membezakan sistem perbankan konvensional dengan sistem perbankan Islam adalah amalan bunga atau riba pada bank konvensional sementara bank Islam memberi perkhidmatan perbankan yang terbebas dari unsur riba, perjudian dan penipuan.

BAB 3

SISTEM PERBANKAN ISLAM DI INDONESIA

3.1 PENGENALAN

Sistem perbankan konvensional yang berlandaskan kepada riba sudah begitu lama menguasai dunia perbankan di Indonesia. Dengan beragam produk dan perkhidmatannya, bank berkenaan telah mendominasi aktiviti perekonomian umat. Permasalahan ini menjadi perbincangan serius di kalangan ulama dan pakar ekonomi syariah di Indonesia yang menginginkan agar umat Islam terbebas daripada perangkap riba yang haram.

Sehinggalah pada 1 November 1991 ketika Bank Muamalat Indonesia (BMI) ditubuhkan di Jakarta barulah umat Islam di Indonesia merasa selesa dengan kewujudan sistem perbankan alternatif yang menawarkan produk dan perkhidmatan berdasarkan prinsip syariah.

Meskipun perkembangan sistem perbankan Islam di Indonesia agak terlambat berbanding negara-negara Islam lainnya, namun sistem perbankan Islam di Indonesia terus berkembang. Jika pada dekad tahun 1991-1998 hanya ada satu bank Islam iaitu BMI maka pada akhir tahun 2008 telah bertambah menjadi tiga bank Islam. Sementara itu jumlah Bank Perkreditan Rakyat Syariah (BPRS) pula bertambah kepada 120 unit pada akhir tahun 2008.¹⁶⁷

Namun pada awal pembentukan bank Islam banyak kalangan yang tidak percaya akan hal itu. Hal ini disebabkan wujudnya kesalahfahaman terhadap prinsip *al-murābahah* yang dipersamakan dengan sistem kredit, iaitu pembelian barang secara beransur. Selain harga jualnya yang lebih mahal daripada harga pada permohonan kredit di Bank Konvensional, prosedur pelaksanaannya juga tidak berbeza dengan sistem kredit dalam bank konvensional. Sehingga mereka membuat sebuah kesimpulan dengan hanya istilahnya sahaja yang diganti dengan akad *al-murābahah*.¹⁶⁸

Oleh sebab itu, bab ini akan menghuraikan operasi sistem perbankan Islam di Indonesia, sejarah penubuhan Bank Muamalat Indonesia dan perkembangan bank Islam di Indonesia.

3.2 OPERASI SISTEM PERBANKAN ISLAM DI INDONESIA

Operasi sistem perbankan Islam di Indonesia mestilah disesuaikan dengan situasi dan keadaan masyarakat dan negara berkenaan samada dari aspek ekonomi mahupun aspek hukum sehingga memenuhi syarat dan ketentuan yang berlaku di Indonesia.

¹⁶⁷ Laporan Perkembangan Bank Islam Tahun 2007 Oleh Direktorat Perbankan Islam Bank Indonesia. Jakarta: Bank Indonesia, h. 65.

¹⁶⁸ Muhammad Syafii Antonio (2000), *op. cit.*, h. 101-102.

Dari aspek ekonomi, operasi bank Islam di Indonesia mestilah disesuaikan dengan sistem dan aturan ekonomi yang berkaitan dengan sistem perbankan Islam di bawah direktorat perbankan Islam bank Indonesia sebagai bank induk negara di Indonesia.

Sebelum wujudnya rombakan undang-undang perbankan pada 1 Jun 1983 yang bertujuan meningkatkan jumlah penghimpunan dana domestik sebanyak mungkin dan mengurangi ketergantungan suatu bank kepada bank negara serta meningkatkan daya saing serta profesionalisme pada bank nasional di Indonesia, bank Islam belum dapat beroperasi kerana pihak kerajaan telah menentukan kadar bunga yang mesti diamalkan oleh setiap bank.¹⁶⁹

Selain daripada itu, sebahagian besar pembiayaan pembangunan dalam rancangan pembangunan Indonesia lima tahun akan datang diharapkan bersumber daripada pelaburan yang ada dalam negara. Ini bermakna bahawa kehadiran suatu bank yang mampu menghimpun dana masyarakat sangat dialu-alukan. Di sinilah bank Islam akan muncul sebagai alternatif kerana sesuai dengan nilai dan prinsip agama masyarakat Indonesia yang majoriti muslim sehingga mereka dapat memanfaatkan perkhidmatan perbankan dengan selesa dan senang hati.

Di samping kedudukan bank Islam sebagai bahagian daripada institusi kewangan di Indonesia, ianya juga mesti selaras dengan sistem ekonomi dan kewangan Indonesia. Bahkan mesti menjadi kekuatan penyokong bagi terlaksananya fungsi-fungsi sistem ekonomi Indonesia, iaitu:

¹⁶⁹ Adiwarman Azwar Karim (2004), *op. cit.*, h. 25.

- a. Menyelenggarakan mekanisme pembayaran yang efisien sehingga ianya dapat dilakukan dengan biaya yang sedikit.
- b. Menjadi penghubung antara pendeposit dengan pelabur untuk keperluan meningkatkan deposit dan mengagihkan deposit untuk keperluan pelaburan.
- c. Menjaga kestabilan kadar harga dengan menciptakan wang dan menyesuaikan jumlahnya dengan keperluan perekonomian.¹⁷⁰

Dari aspek hukum, bank Islam mesti disesuaikan dengan aturan dan ketentuan yang diaplikasikan di Indonesia yang berlandaskan kepada Pancasila dan Undang-Undang Dasar 1945. Seperti aspek perjanjian, pemberian kuasa, perjanjian kredit, jaminan dan kelengkapan pencatatan.¹⁷¹

Secara khusus ketentuan dan aturan yang berkaitan dengan bank Islam di Indonesia adalah Undang-undang nombor 7 Tahun 1992 mengenai perbankan dan Peraturan Pemerintah nombor 72 Tahun 1992 mengenai sistem perbankan berdasarkan prinsip perkongsian untung.

Menurut ketentuan Undang-Undang nombor 7 Tahun 1992 mengenai penghimpunan dana terdapat tiga bentuk simpanan iaitu: akaun simpanan, akaun semasa, dan akaun pelaburan. Bank Islam mengikuti tiga bentuk simpanan tersebut setelah diselaraskan dengan prinsip syariah, iaitu akaun simpanan mengikut prinsip *al-*

¹⁷⁰ Warkum Sumitro, (2004), *op.cit.*, h. 67-69.

¹⁷¹ Pancasila bermakna lima dasar negara dan Undang-undang Dasar 1945 merupakan falsafah dan pedoman dasar Negara Republik Indonesia.

wadī'ah dan akaun semasa mengikut prinsip *al-wadī'ah* dan *al-muḍārabah* serta akaun pelaburan mengikut prinsip *al-muḍārabah*.¹⁷²

Sedangkan pada aspek penyaluran dana atau pembiayaan, semuanya dilakukan dengan sistem kredit kerana pada dasarnya penerima kredit berkewajipan mengembalikan pembiayaan yang telah ia terima. Jenis kredit yang ditawarkan Bank Islam di Indonesia adalah kredit *al-muḍārabah*, kredit *al-musyārah*, kredit *al-murābahah*, kredit *bay' bithaman ājil* dan kredit *al-qarḍ al-ḥasan*.¹⁷³

Setelah memenuhi aspek ekonomi dan hukum bank Islam yang akan beroperasi di Indonesia mesti memenuhi beberapa syarat di bawah ini:

1. Operasi bank Islam dapat memenuhi keperluan nyata bagi masyarakat muslim tempatan.
2. Keperluan akan bank Islam mesti muncul dari dalam diri masyarakat muslim tempatan.
3. Sebagai lembaga kewangan yang beroperasi di tengah-tengah masyarakat yang terdiri dari pelbagai agama dan ras, bank Islam tidak boleh bersifat eksklusif namun ia mesti memberi sumbangan kepada pembangunan masyarakat secara keseluruhannya.¹⁷⁴

3.3 PENGENALAN BANK MUAMALAT INDONESIA

¹⁷² Laporan Perkembangan Bank Islam Tahun 2007 Oleh Direktorat Perbankan Islam Bank Indonesia. *op. cit.*, h. 69.

¹⁷³ Warkum Sumitro (2004), *op. cit.*, h. 69-71.

¹⁷⁴ Sudin Haron (2007), *Sistem Kewangan dan Perbankan Islam*. Cet. 2. Kuala Lumpur: Kuala Lumpur Business School, h. 202-203; Warkum Sumitro (2004), *op. cit.*, h. 72-73.

Bank Muamalat Indonesia (BMI) ditubuhkan pada 1 November 1991 sebagai hasil rancangan Majelis Ulama Indonesia (MUI) dan kerajaan Indonesia. BMI mula beroperasi pada 1 Mei 1992 dengan sokongan nyata daripada Ikatan Cendekiawan Muslim se-Indonesia (ICMI) dan beberapa pakar niaga muslim. Penubuhan BMI menerima sokongan padu daripada masyarakat yang dibuktikan dengan komitmen pembelian saham senilai Rp 84 miliar ketika pengabsahan akta pendirian perusahaan dilakukan.

Selanjutnya, dalam program kunjungan pada peringatan penubuhan bank tersebut di istana negara di Bogor, diperolehi tambahan komitmen dari masyarakat Jawa Barat yang turut menyumbang modal senilai Rp 106 miliar.¹⁷⁵

Dalam upaya menambah modal dan mengatasi krisis ekonomi pada akhir tahun 1990-an yang membuat ekuiti bank ini hanya terbaki sepertiga dari modal awal, BMI menawarkan kerja sama dengan *Islamic Development Bank* (IDB) di Jeddah yang akhirnya memberi respon positif. Dalam akta kesefahaman yang dilakukan pada 21 Jun 1999, IDB secara rasmi menjadi salah satu pemegang saham BMI. Sehingga pada akhir tahun 2007 BMI merupakan bank Islam terkemuka di Indonesia dengan jumlah aset sebesar Rp 5.2 triliun dan modal pemegang saham sebesar Rp 269.7 miliar serta perolehan untung bersih sebesar Rp 48.4 miliar.¹⁷⁶

3.3.1 Sejarah Penubuhan Bank Muamalat Indonesia

¹⁷⁵ Zainul Bahar Noor (2006), *Bank Muamalat; Sebuah Mimpi, Harapan dan Kenyataan*. Jakarta: Bening Publishing, h. 250-254; Muhammad Syafii Antonio (2000), *op.c it.*, h. 25.

¹⁷⁶ http://www.muamalatbank.com/profil/sejarah_Ind.asp, akses pada 7 Januari 2008.

Pada awal tahun 1980-an pembahasan mengenai institusi perbankan Islam di Indonesia telah mula dibincangkan. Antara tokoh yang terlibat dalam pembahasan ini adalah Karnaen A. Perwataatmadja,¹⁷⁷ M. Dawam Rahardjo, A.M Saefuddin dan yang lainnya.¹⁷⁸

Perbincangan lebih khusus bagi menubuhkan institusi perbankan Islam di Indonesia bermula pada tahun 1990. Sebagai langkah awalnya Majelis Ulama Indonesia (MUI) mula mengadakan seminar dengan tajuk: "Bunga Bank dan Perbankan" di Cisarua, Bogor-Jawa Barat pada 18-20 Ogos 1990.¹⁷⁹

Selanjutnya hasil daripada seminar tersebut dibahas lebih mendalam pada Mesyuarat Nasional ke-4 MUI yang diselenggarakan di Hotel Sahid Jaya, Jakarta pada 22-25 Ogos 1990. Berdasarkan hasil Mesyuarat Nasional ke-4 MUI tersebut, dilantiklah satu jawatan kuasa untuk menubuhkan bank Islam di Indonesia. Jawatankuasa ini pula dikenali sebagai jawatankuasa perbankan di bawah seliaan MUI yang berperanan membincangkan perihal penubuhan bank Islam dengan semua pihak yang berkaitan, seperti presiden Indonesia Hj. Muhammad Soeharto, para ulama, para ahli niaga, usahawan dan ahli ekonomi Islam.¹⁸⁰

Pada 1 November 1991 dengan akta ketentuan nombor 1 BMI ditubuhkan di Hotel Sahid Jaya, Jakarta di hadapan pencatat akta bernama Yudo Paripurno, SH. Izin Menteri Kehakiman Republik Indonesia pula didapat pada 21 Mac 1992 dengan nombor C2.2413.HT.01. Dan izin usaha berdasarkan ketetapan Menteri Kewangan Republik Indonesia didapat pada 24 April 1992 dengan nombor 430/KMK.013/1992 .

¹⁷⁷ Karnaen A. Perwataatmadja (1992), *Apa dan Bagaimana Bank Islam*. Jakarta: Risalah Gusti, h. 84.

¹⁷⁸ M. Dawam Raharjo (1992), *Bank Islam Suatu Alternatif Dalam Sistem Perbankan Islam*. Bandung: al-Vabet, h. 34; Muhammad Syafi'i Antonio (2001), *op. cit.*, h. 25.

¹⁷⁹ M. Dawam Raharjo (1992), *op. cit.*, h. 35; Muhammad Syafi'i Antonio (2001), *op. cit.*, h. 26.

¹⁸⁰ M. Dawam Raharjo (1992), *op. cit.*, h. 36.

Selanjutnya BMI mula beroperasi pada 1 Mei 1992 dengan modal yang terkumpul daripada komitmen pembelian saham sebesar Rp 84 bilion sebagai hasil sokongan padu dari para ahli niaga dan usahawan muslim di Indonesia.¹⁸¹

Penubuhan BMI mendapat sokongan positif dari kalangan masyarakat mahupun dan pemerintah. Manakala pihak BMI membincangkan perihal operasi BMI dengan Presiden Indonesia pada waktu itu, Hj. Muhammad Soeharto dan para ahli niaga muslim di istana Bogor diperolehi pula tambahan modal sehingga jumlahnya bertambah menjadi Rp.106 bilion lebih.¹⁸²

Pada hari jumaat 27 Syawal 1412 H bersamaan dengan 1 Mei 1992, menteri kewangan pada waktu itu Rizal Ramli dengan dihadiri oleh Gabenor Bank Indonesia iaitu Syahril Sabirin merasmikan operasi BMI dalam upacara pembukaan secara rasmi yang diadakan di ibu pejabat BMI di Gedung Arthalo, di Jalan Jenderal Sudirman nombor 2 Jakarta, majlis perasmian diadakan dua minggu setelah itu iaitu bertepatan hari Jumaat 12 Zulhijjah 1412 H bersamaan 15 Mei 1992 di Puri Agung Hotel Sahid Jaya Jakarta.¹⁸³

Landasan Hukum operasi BMI berasaskan prinsip syariah hanya dikategorikan sebagai bank yang beroperasi dengan sistem perkongsian untung yang dijelaskan dalam Undang-undang No. 10 tahun 1998 yang menjelaskan tentang sistem perbankan Islam

¹⁸¹ Zainul Bahar Noor (2006), *op. cit.*, h. 30-33; Karnaen Anwar Perwataatmajdja (1992), *op. cit.*, h. 84-85; Lihat juga http://www.muamalatbank.com/profil/sejarah_Ind.asp, akses pada 7 Januari 2008.

¹⁸² Karnaen Anwar Perwataatmajdja (1992), *op. cit.*, h. 85; Muhammad Syafii Antonio (2000), *op. cit.*, h. 25; Lihat juga sejarah Bank Muamalat Indonesia pada http://www.muamalatbank.com/profil/sejarah_Ind.asp?gito=profil, *ibid.*, akses pada 7 Januari 2008.

¹⁸³ Zainul Bahar Noor (2006), *op. cit.*, h. 197-199.

sebagai hasil gubalan Undang-undang nombor 7 tahun 1992 tentang sistem perbankan konvensional.¹⁸⁴

Pada 22 Oktober 1994 BMI yang baru beroperasi dua tahun telah diberi Izin Devisa¹⁸⁵ sehingga berhak disebut sebagai bank devisa yang dibenarkan untuk melakukan transaksi menyimpan dan menukar wang asing.¹⁸⁶

Hingga akhir tahun 2007 BMI telah memiliki cawangan di seluruh wilayah Indonesia seperti Sumatera, Jawa, Sulawesi, Kalimantan dan Irian Jaya. Di samping itu, BMI juga telah memiliki sejumlah pejabat cawangan di propinsi (negeri) dan pejabat cawangan pembantu di kabupaten kota atau kotamadya (daerah) serta pejabat cawangan bendahari di kecamatan (mukim).¹⁸⁷

3.3.2 Matlamat Penubuhan Bank Muamalat Indonesia

Matlamat penubuhan Bank Muamalat Indonesia (BMI) mesti disesuaikan ajaran Islam dan keadaan yang berlaku di Indonesia sama ada di bidang ekonomi, sosial, budaya, hukum mahupun politik. Matlamat penubuhan ini dibahagikan kepada matlamat secara umum dan matlamat secara khusus.

A. Matlamat Secara Umum:

¹⁸⁴ Thomas Suyanto (1999), *Undang-undang Perbankan Indonesia*. Jakarta: Gramedia Pustaka Utama, h. 151-165; Sutan Remy Sjahdeneini (1999), *Perbankan Islam dan Kedudukannya dalam Tata Hukum Perbankan Indonesia*. Jakarta: Temprint, h. 223-249.

¹⁸⁵ Izin Devisa bermakna bahawa Bank Muamalat Indonesia dibolehkan melakukan transaksi simpanan dan pertukaran wang asing, serta memasukkan dan mengeluarkan barangan oleh Bank Indonesia sebagai Bank Induk Negara. Lihat Muhammad Syafi'i Antonio (2000), *op.cit.*, h. 27.

¹⁸⁶ Muhammad Syafi'i Antonio (2000), *op. cit.*, h. 26; Lihat Sejarah Bank Muamalat Indonesia, <http://www.muamalatbank.com./profil/sejarah>, *op.cit.*, akses pada 7 Januari 2008.

¹⁸⁷ Zainul Bahar Noor (2006), *op. cit.*, h. 195-197.

1. Meningkatkan kualiti dan kedudukan sosial dan ekonomi masyarakat Indonesia khususnya masyarakat Islam sehingga perbezaan kedudukan sosial dan ekonomi semakin berkurang demi mewujudkan pembangunan nasional yang berterusan. Iaitu dengan meningkatkan kualiti dan kuantiti perniagaan, memperbanyak peluang-peluang pekerjaan dan meningkatkan pendapatan masyarakat muslim secara khusus dan masyarakat Indonesia secara umum.
2. Meningkatkan partisipasi masyarakat Islam Indonesia pada umumnya dalam proses memajukan institusi kewangan Islam dengan cara melaburkan wang di Bank Islam.
3. Mengembangkan institusi perbankan yang sihat, efisien, menjunjung nilai keadilan dan mampu memajukan taraf ekonomi rakyat.¹⁸⁸

B. Matlamat Secara Khusus:

1. Memberi peluang kepada orang Islam khususnya dan selain Islam umumnya untuk berinteraksi dengan bank yang lebih menjamin kebersamaan, keadilan dan kejujuran. Peluang ini diberikan kepada semua kelompok sama ada yang miskin mahupun yang kaya. Sehingga fasiliti pembiayaan yang diberikan adalah berupa barangan dan peralatan modal usaha supaya keadaan ekonomi pelanggan semakin mandiri dan stabil.
2. Membuka peluang bekerja dan membantu orang yang kurang mampu atau pengusaha kecil untuk mengembangkan usahanya supaya mampu berniaga dan memiliki prospek usaha yang cemerlang.
3. Membiayai pemilikan barangan dan bahan semula jadi kepada pengusaha pengeluar yang kecil atau yang besar.
4. Membantu menyelesaikan masalah pemasaran bagi pengeluar yang dibina Bank Islam dengan membiayai barang dagangan penjual yang berminat menjual barang keluarannya.

¹⁸⁸ Karnaen Anwar Perwataatmadja (2000), *op. cit.*, h. 85-86.

5. Mengembangkan usaha sama dengan memberi pembiayaan pelaburan berupa barang modal dan bahan semula jadi dengan sistem perkongsian untung tanpa dikenakan kos apapun.

3.3.3 Strategi Operasi Bank Muamalat Indonesia

Bank Muamalat Indonesia (BMI) mempunyai strategi cemerlang dalam menjalankan operasi usahanya iaitu:

1. Di bidang pembinaan, BMI berusaha membina dan mempercepat perkembangan ekonomi masyarakat sedang ke bawah untuk mengurangi perbezaan kedudukan sosial yang terjadi akibat pembangunan yang tidak seimbang. Objek pembinaan yang dimaksud adalah pekerja kilang kecil, nelayan, peternak, pekebun dan pengusaha kecil lainnya.
2. Di bidang pengembangan, BMI bekerja sama dengan Bank Perkreditan Rakyat Syariah (BPRS) menjalankan program:
 - a. Memperkenalkan dan mengembangkan produk perkhidmatan Bank Islam.
 - b. Memperkenalkan sistem pelaburan berasaskan kebersamaan dan perkongsian modal.
 - c. Meningkatkan kemahiran masyarakat di bidang pengurusan dan teknologi.
 - d. Turut serta mengembangkan (BPRS) dan membantu memajukan syarikat kecil dan sedang dengan menyediakan pinjaman modal, kakitangan terlatih, modul kerja dan latihan teknikal.

3. Bekerja sama dengan Badan Amil Zakat, Infaq dan Sadaqah (BAZIS) dalam memanfaatkan dana zakat, infaq dan sadaqah untuk membina projek berskala kecil dan sedang.
4. Mengembangkan industri pengeluar mesin atau alat penuaian hasil pertanian dan mengembangkan peranan institusi pemasaran hasil usaha petani kecil dan sedang.¹⁸⁹

3.3.4 Visi dan Misi Bank Muamalat Indonesia

Sebagai pelopor bank Islam di Indonesia BMI memiliki visi untuk menjadi Bank Islam utama dan menguasai pasaran perbankan Islam di Indonesia serta memiliki peranan signifikan dalam memajukan ekonomi umat Islam di peringkat kebangsaan.

Adapun misi BMI adalah menjadi bahagian penting dalam pembangunan institusi kewangan Islam di Indonesia. Secara aktif BMI turut memberi sumbangan dalam merancang Undang-undang No. 10 tahun 1998 yang merupakan asas utama mengenai ketentuan sistem perbankan Islam di Indonesia.¹⁹⁰

BMI juga memiliki misi untuk menjadi model bagi institusi kewangan Islam di peringkat antarabangsa dengan mengajak masyarakat berfikir secara ekonomi serta terlibat dalam perniagaan dan pelaburan yang inovatif untuk memperkukuh institusi perbankan Islam.¹⁹¹

3.3.5 Komposisi Pemilikan Saham Bank Muamalat Indonesia

¹⁸⁹ Zainul Arifin (1999), *Memahami Bank Syariah; Lingkup, Peluang, Tantangan dan Prospek*. Jakarta: Alfabet, h. 88-89.

¹⁹⁰ Zainul Bahar Noor (2006), *op. cit.*, h. 200-203.

¹⁹¹ Karnean Perwtaatmadja (2000), *op.cit.*, h. 86; lihat juga Bank Muamalat Indonesia, Visi dan Misi, http://www.muamalatbank.com/profil/visi_ind.Asp?goto=profi, akses pada 7 Januari 2008.

Komposisi pemilikan saham BMI adalah seperti berikut:

Jadual 3.1: Jumlah Komposisi Pemilikan Saham Di BMI

No	Pemegang Saham Bank Muamalat Indonesia	Jumlah Dana Dalam Bilion Rupiah	Peratus
1	Islamic Development Bank	128.118.867.500	28.01
2	Boubyan Bank Kuwait	87.275.140.500	21.28
3	Atwill Holdings Limited	62.838.101.500	15.32
4	Abdul Rohim	27.500.000.000	6.71
5	Rizal Ismael	22.500.000.000	5.49
6	Kopkapindo	26.627.296.000	3.25
7	Idf foundation	12.218.519.500	2.98
8	Bmf holdings limited	12.218.519.500	2.98
9	Bpdonhi	19.990.000.000	2.44
10	Masyarakat lain	93.504.347.500	11.56
Jumlah Keseluruhan		492.790.792.000	100.00

Sumber: Laporan Tahunan Bank Muamalat Indonesia Tahun 2007.

3.3.6. Struktur Organisasi Bank Muamalat Indonesia

Setiap organisasi mempunyai struktur tersendiri yang memberi ciri khas organisasinya sehingga berbeza dengan organisasi lainnya. Struktur organisasi yang dibuat inilah yang akan menjalankan aktiviti sesebuah organisasi untuk mencapai tujuan. Adapun struktur organisasi Bank Muamalat Indonesia adalah sebagai berikut:¹⁹²

¹⁹² Laporan tahunan Bank Muamalat Indonesia tahun 2007, h. 3-8.

A. Rapat Umum Pemegang Saham (*Shareholders Meeting*)

Rapat Umum Pemegang Saham (RUPS) merupakan perwujudan lembaga tertinggi pemegang saham dan bertindak sebagai pemilik modal yang terdiri atas umat Islam yang telah berpartisipasi membeli saham BMI. Oleh itu, RUPS mempunyai kedudukan tertinggi dalam struktur organisasi BMI. Tugas daripada RUPS adalah memimpin mesyuarat para pemegang saham dan mengawasi pelaksanaan aktiviti BMI.

B. Dewan Komisaris (*Board of Commissioners*)

Dewan komisaris adalah wakil daripada pemegang saham yang berperan sebagai pengawas dan bersama dewan direksi merancang strategi jangka panjang BMI.

Adapun bidang kuasa dan tugas dewan komisaris adalah:

1. Mengesahkan anggaran BMI.
2. Menetapkan kebijaksanaan BMI.
3. Menetapkan objek dan tujuan BMI.
4. Mengawasi dan menyelia operasi BMI.

Adapun struktur dewan komisaris BMI ketika ini Adalah:

Komisaris Utama : Drs. Hj. Abbas Adhar

Komisaris : Prof. Korkut Ozaal

Drs. Hj. Mubarak

Prof. Dr. Ir. Hj. M. Amin Aziz

C. Dewan Pengawas Syariah (*Sharia Supervisory Board*)

Pada pasal 5 Peraturan Pemerintah RI No. 72 tahun 1992 tentang bank berdasarkan sistem perkongsian untung disebutkan bahawa bank mesti memiliki Dewan Pengawas Syariah (DPS) yang berperan melakukan pengawasan dan penyeliaan ke atas produk bank berkenaan dalam menghimpun dan menyalurkan dana agar berjalan berdasarkan prinsip syariah. Dalam struktur BMI, DPS bersifat independen dan terpisah dari pengerusi bank sehingga tidak mempunyai akses langsung ke atas operasi bank.

Adapun bidang kuasa dan tugas DPS adalah:

1. Memberi modul dan garis panduan ke atas operasi bank Islam.
2. Membincangkan masalah dan transaksi produk baru yang dikemukakan kepada dewan supaya bertetapan dengan Islam.
3. Membuat perbaikan ke atas produk yang dinilai bercanggah dengan Islam.
4. Memberi jawapan berupa fatwa ke atas masalah yang dihadapi bank.
5. Memeriksa buku laporan tahunan dan kesesuaian syariah ke atas semua produk bank dalam setahun berjalan.
6. Menerima penjelasan dari pihak pengerusi bank mengenai perkara-perkara yang berlaku hal-hal yang ditanyakan.¹⁹³

Adapun ahli-ahli DPS Pusat BMI di Jakarta adalah:

¹⁹³ Karnaen Anwar Parwataatmadja (2000), *op.cit.*, h. 2-3.

Ketua : KH. Ma^cruf Amin, Ketua Majelis Ulama Indonesia (MUI) Pusat.

Anggota : Prof. Dr. H. Umar Shihab, anggota MUI Pusat

Anggota : Prof. Dr. H. Muardi Khatib, anggota MUI Pusat.¹⁹⁴

Ditinjau dari segi kelayakan akademik, para anggota DPS Bank Muamalat merupakan para ulama dan intelektual muslim di Indonesia yang berkelayakan memangku amanah sebagai penyelia dan pengawas syariah.

D. Direktur Operasi (*Operation Director*)

Direktur operasi mempunyai bidang kuasa dan tanggung jawab membuat polisi khususnya dalam bidang operasi, memberi pembinaan kepada kaki tangan dan melakukan pengawasan ke atas kebijakan operasi bank.

Adapun direktur BMI di Jakarta adalah:

Direktur Utama : A. Riawan Amin, Msc

Direktur : Ir. Arviyan Arifin

Ir. Suhaji Lestiadi

Budi Wicaksono, SE

E. Divisi Administrasi (*Administration Group*)

Divisi Administrasi mempunyai bidang kuasa dan tugas seperti berikut:

¹⁹⁴ Laporan tahunan Bank Muamalat Indonesia tahun 2007, h. 9-10.

1. Melakukan penyeliaan dan monitoring ke atas semua pejabat cawangan dari segi pelaksanaan administrasi.
2. Melakukan pengawasan ke atas pembuatan laporan kewangan bulanan bank.
3. Melakukan koordinasi dalam pelaksanaan rekrutmen dan seleksi calon pegawai serta memantau dan memelihara data base kepegawaian.
4. Mengerusi administrasi pembiayaan pegawai, pembayaran gaji dan pembayaran jaminan sosial kepegawaian semua pegawai dan kaki tangan bank.
5. Melakukan koordinasi dalam penyediaan sarana perlengkapan bagi persiapan pembukaan atau pengembangan jabatan cawangan meliputi jaringan komunikasi dan sarana penyokong operasi yang lain.¹⁹⁵

F. Divisi Pejabat Perusahaan (*Corporate Support Group*)

Divisi Pejabat Perusahaan mempunyai bidang kuasa dan tugas seperti berikut:

1. Menyediakan dan melaksanakan tindakan serta merta ke atas kebijakan manajemen.
2. Memberi cadangan dalam menyusun modul, produk, akad dan keputusan yang terkait dengan aspek hukum.
3. Meningkatkan pengetahuan dan maklumat kepada masyarakat tentang BMI.
4. Membangun jaringan dan imej positif BMI di tengah-tengah masyarakat.
5. Mendapat sokongan moril dan materi dari pemilik saham dan pelabur yang baru.¹⁹⁶

G. Divisi Pengawasan Internal (*Internal Audit Group*)

Divisi Pengawasan Internal mempunyai bidang kuasa dan tugas seperti berikut:

¹⁹⁵ *Ibid.*, h. 11.

¹⁹⁶ *Ibid.*, h. 12.

1. Melakukan akses terhadap catatan pegawai, sumber daya dan aset bank yang berkaitan dengan pelaksanaan audit.
2. Memeriksa dan menilai atas kelayakan struktur internal.
3. Memeriksa dan menilai kualiti kerja setiap pegawai dan kaki tangan dalam menjalankan tugas dan tanggung.
4. Memberi saranan perbaikan sama ada untuk kelayakan struktur internal mahupun perbaikan operasi.
5. Memberi maklumat dan saranan kepada manajemen mengenai perkara yang berkaitan dengan upaya menjadikan bank lebih maju.¹⁹⁷

H. Divisi Pengembangan Perusahaan (*Business Development Group*)

Divisi Pengembangan Perusahaan mempunyai bidang kuasa dan tugas seperti berikut:

1. Melakukan pengembangan sistem dan teknologi untuk menyokong operasi bank.
2. Melakukan riset, survei kelayakan, review dan pengembangan produk.
3. Mencadangkan biaya layanan produk.
4. Merancang, membuat dan memperbaiki prosedur ketentuan atau kebijakan bank.
5. Melakukan sosialisasi dan aplikasi ke atas prosedur yang telah dibuat.
6. Memantau dan melakukan penyeliaan terhadap khidmat dan operasi sehingga kualiti khidmat dan operasi dapat terpenuhi.¹⁹⁸

I. Divisi Kewangan (*Financing Support Group*)

¹⁹⁷ *Ibid.*

¹⁹⁸ *Ibid.*, h. 13.

Divisi Kewangan mempunyai bidang kuasa dan tugas seperti berikut:

1. Melakukan penyeliaan dan pengawasan ke atas sistem kewangan bank.
2. Membangun institusi kewangan syariah.
3. Mengembangkan produk kewangan bank.

J. Divisi Jaringan dan Aliansi (*Network and Alliance Group*)

Divisi Jaringan dan Aliansi mempunyai bidang kuasa dan tugas seperti berikut:

1. Membangun jaringan dan aliansi.
2. Mengembangkan kaunter akaun *Shar-e* dengan maksimum.
3. Membangun jaringan operasi perbankan mudah alih.¹⁹⁹

3.4 PERKEMBANGAN BANK ISLAM DI INDONESIA

Hingga akhir bulan Januari 2008 jumlah bank yang beroperasi berdasarkan prinsip syariah meningkat menjadi 3 Bank Umum Syariah (BUS) iaitu Bank Muamalat Indonesia, Bank Syariah Mandiri dan Bank Syariah Mega Indonesia, 120 BPRS dan 28 Unit Usaha Syariah (UUS) pada bank konvensional. Jaringan pejabat bank Islam dan khidmat syariah juga meningkat menjadi 711 pejabat dan 1195 khidmat syariah.²⁰⁰

Pada akhir tahun 2007 jumlah aset industri perbankan Islam meningkat menjadi Rp36.5 triliun dengan kadar peningkatan 1.8% terhadap keseluruhan aset perbankan di Indonesia. Dari segi penghimpunan dana sistem perbankan Islam mampu menunjukkan

¹⁹⁹ Fitriani Agustina (2006), Pengaruh Kepemimpinan dalam Mengamankan Piutang Murābahah pada Bank Muamalat Indonesia. Latihan Ilmiah Jurusan Akuntansi, Universitas Islam Bekasi, 50-65.

²⁰⁰ Laporan Perkembangan Bank Islam (2007) Oleh Bank Indonesia, h. 35; lihat juga <http://www.bi.go.id/web/id/Perbankan/Perbankan+Syariah>, akses pada 15 Januari 2008.

pertumbuhan sebesar 35.5% atau naik dari kadar pertumbuhan tahun 2006 sebesar 32.7% seiring dengan penurunan kadar bunga perbankan.

Sementara aktiviti penyaluran dana oleh perbankan Islam melalui berbagai bentuk akad pembiayaan masih berjalan dengan baik dengan kadar pertumbuhan sebesar 36.7% atau naik dari penyaluran dana pada 2007. Namun kadar pertumbuhan pembiayaan yang meningkat ini belum sepenuhnya disertai dengan penurunan jumlah pembiayaan yang bermasalah.²⁰¹

Selari dengan perkembangan yang terjadi keuntungan dan pendapatan sistem perbankan Islam meningkat hingga asetnya mencapai 2.1% dari keseluruhan bank di Indonesia pada tahun 2007.

3.4.1 Bank Perkreditan Rakyat Syariah (BPRS)

BPRS mula ditubuhkan pada Oktober 1990. Ia merupakan bank yang dapat dijadikan sebagai alternatif bagi masyarakat bawahan di pedesaan untuk bermuamalah berdasarkan prinsip syariah. Dan ianya merupakan peringkat pertama daripada sistem perbankan Islam. Sehingga akhir tahun 2007 jumlah BPRS meningkat kepada 120 buah.

Awal operasi BPRS dianggap sebagai monopoli kerana keputusan kerajaan untuk memberi tempoh 10 tahun kepada BPRS untuk berkembang dan membenarkannya beroperasi tanpa saingan yang boleh menjejaskan pertumbuhannya. Namun BPRS telah berhasil menggariskan wawasan untuk mewujudkan satu sistem

²⁰¹ Fitriani Agustina (2006), *op. cit.*, h. 70-73.

kewangan Islam yang komprehensif dan beroperasi sebelah menyebelah dengan sistem kewangan konvensional.²⁰²

Tujuan Operasi BPRS Adalah:

1. Meningkatkan kesejahteraan ekonomi umat Islam terutama dari kalangan masyarakat bawahan di daerah pedesaan.
2. Menambah pasaran kerja terutama pada taraf daerah mukim untuk mengurangi arus urbanisasi.
3. Membina ukhuwah islamiyah melalui aktiviti ekonomi untuk meningkatkan pendapatan perkapita menuju kehidupan yang memadai.²⁰³

BPRS telah memperlihatkan peningkatan cara kerja yang baik sebagaimana Bank Umum Syariah dan Unit Usaha Syariah. Sepanjang tahun 2007 jumlah usaha BPRS mengalami kenaikan 33.2% sehingga target BPRS dalam industri Bank Perkreditan Rakyat Nasional menjadi 4.2%. Pertumbuhan tersebut diantaranya disokong oleh peningkatan jumlah dana operasi yang dihimpun sebesar 34.2%. Sementara itu, ekspansi pembiayaan BPRS mampu bertumbuh sebesar 38.3% dari tahun sebelumnya.

3.4.2 Bank Syariah Mandiri (BSM)

Perkembangan sistem perbankan Islam di Indonesia cukup memberangsangkan dan membanggakan. Selain Bank Muamalat Indonesia ada satu lagi Bank Umum Syariah yang ditubuhkan pada tahun 1999, iaitu Bank Syariah Mandiri (BSM). BSM turut

²⁰² Adiwarman A. Karim (2004), *op. cit.*, h. 27.

²⁰³ Thomas Suyanto (1999), *op.cit.*, h. 151-165; Lihat juga Sutan Remy Sjahdeneini (1999), *Perbankan Islam dan Kedudukannya dalam Tata Hukum Perbankan Indonesia*. Jakarta: Tempint, h. 223-249.

menyemarakakan industri perbankan Islam dalam memberi daya saing dan perkhidmatan kepada umat Islam secara khusus dan masyarakat luas secara umum.

Pengesahan Undang-undang No. 10 tahun 1998, tentang perbankan membolehkan bank konvensional berubah menjadi bank Islam atau membuka Unit Usaha Syariah. Sehingga beberapa bank konvensional mengubah jati dirinya kepada bank Islam. Perkara ini disebabkan krisis kewangan yang melanda rantau Asean pada tahun 1997-1999 yang mengakibatkan kesan negatif bagi pencapaian keuntungan bank konvensional. Sementara Bank Muamalat Indonesia terbukti tidak mengalami kesan yang ketara terhadap pencapaian aset dan keuntungannya.²⁰⁴

Ekoran daripada itu, beberapa bank konvensional cuba membuat rancangan supaya mampu bertahan dan memperolehi keuntungan di atas krisis kewangan di masa hadapan. Bank konvensional yang pertama memanfaatkan peluang perubahan kepada Islam adalah Bank Susila Bakti (BSB) yang majoriti sahamnya dimiliki oleh Bank Dagang Negara (BDN) sebelum digabung kepada Bank Mandiri.²⁰⁵

Pada tahun 1999²⁰⁶ Bank Susila Bakti (BSB) diubahsuai sepenuhnya menjadi Bank Islam dengan nama Bank Syariah Sakinah (BSS) berasaskan Akta undang-undang Cik Meharani, M.S, SH. No. 29 pada 19 Mei 1999. Dan pada 8 September 1999 BSS diubah secara rasmi menjadi Bank Syariah Mandiri (BSM) berdasarkan Akta undang-undang Sutjipto, SH.²⁰⁷

²⁰⁴ Zainul Arifin (1999), *op. cit.*, h. 133-135.

²⁰⁵ Lihat Bank Syariah Mandiri, <http://www.bsm.co.id/menul.html>, akses 13 Februari 2008.

²⁰⁶ Lihat Visi dan Misi Bank Syariah Mandiri pada <http://www.bsm.co.id> akses pada 13 Februari 2008.

²⁰⁷ Lihat Bank Syariah Mandiri pada <http://www.bsm.co.id>. Akses pada 13 Februari 2008.

Selanjutnya melalui Surat Keputusan Gabenor Bank Indonesia No. 1/24/Kep B.I/1999 diperolehi pengabsahan tentang perubahan operasi usaha BSB menjadi Bank Islam. Dan pada tarikh yang sama juga diperolehi Surat Keputusan Pengarah Gabenor Senior Bank Indonesia No. 1/1/kep DGS/1999 untuk merubah nama BSS menjadi BSM.²⁰⁸

3.4.3 Bank Syariah Mega Indonesia

Proses penubuhan Bank Syariah Mega Indonesia (BSMI) bermula dari sebuah bank konvensional iaitu Bank Umum Tugu (BUT) di Jakarta. Pada tahun 2001 Para Group (PT. Para Global Investindo dan PT. Para Rekan Investama), Trans TV, dan syarikat lainnya bercadang untuk mengubah BUT menjadi bank Islam. Sehingga pada 25 Ogos 2004 BUT rasmi menjadi bank Islam dengan nama Bank Syariah Mega Indonesia.

Dalam upaya mewujudkan cara kerja yang baik BSMI sentiasa berpegangan kepada asas profesional, keterbukaan dan kewaspadaan. Disokong oleh berbagai produk dan fasiliti perbankan terkini BSMI terus berkembang. Dan hingga akhir tahun 2007 BSMI telah memiliki 15 jaringan kerja yang terdiri dari pejabat cawangan, cawangan pembantu dan pejabat bendahari yang tersebar luar di hampir seluruh bandar besar di Wilayah Jawa dan luar Jawa.

²⁰⁸ Muhammad Syafi'i Antonio (2001), *op.cit.*, h. 27.

Untuk memudahkan pelanggan menarik wang simpanannya dengan efisien dan nyaman, BSMI telah bekerjasama dengan PT. Arthajasa Pembayaran Elektronik sebagai penyelenggara ATM Bersama serta PT. Rintis Sejahtera sebagai penyelenggara ATM Prima dan Prima Debit.

BSMI mempunyai semboyan "Untuk Kita Semua" dengan visi menjadi bank syariah kebanggaan bangsa. Sedangkan misinya adalah memberikan perkhidmatan kewangan syariah terbaik bagi semua kalangan melalui cara kerja organisasi yang cemerlang untuk mewujudkan kesejahteraan bangsa.²⁰⁹

3.4.4 Unit Usaha Syariah dalam Bank Konvensional

Perkembangan sistem perbankan Islam telah diakui oleh sistem perbankan konvensional. Perkara ini terlihat dari semakin banyaknya bank konvensional yang membuka Unit Usaha Syariah (UUS) atau Skim Perbankan Islam (SPI) sebagai bahagian daripada produk dan perkhidmatannya. Walaupun skop dan ruang gerak UUS ini lebih sempit berbanding Bank Umum Syariah (BUS).

Pertumbuhan jumlah bank Islam akan diterokai oleh realisasi rencana pembukaan beberapa bank Islam yang baru, menyelenggarakan pendanaan dan pembiayaan terutama kepada kelompok UUS secara optimal dan tersedianya instrumen likuiditi baru bagi perbankan Islam.²¹⁰

Hingga akhir tahun 2007, bank konvensional yang telah membuka Unit Usaha Syariah (UUS) berjumlah 28 unit. Di antaranya adalah Bank Negara Indonesia (BNI)

²⁰⁹ <http://www.bsmi.co.id/kontak-kami.php>. akses pada 15 Januari 2008.

²¹⁰ Pengantar Bank Indonesia dalam Kodifikasi Bank Islam (2006), Jakarta: Bank Indonesia, h. 25-26.

Syariah, Bank Rakyat Indonesia (BRI) Syariah, Bank Tabungan Negara (BTN) Syariah, Bank Bukopin Syariah, Bank Sumut Syariah, Bank Jabar Syariah, Bank Danamon Syariah, Bank Permata Syariah, Bank IFI Syariah dan bank lainnya.²¹¹

3.5 KESIMPULAN

Bank Muamalat Indonesia yang ditubuhkan pada tahun 1991 dan mula beroperasi pada tahun 1992 merupakan pelopor sistem perbankan Islam di Indonesia. Bank ini dirancang oleh Majelis Ulama Indonesia (MUI), pemerintah dan sokongan padu dari Ikatan Cendekiawan Muslim Indonesia (ICMI) serta beberapa usahawan muslim.

Sehingga pada akhir tahun 2007 BMI merupakan bank Islam terkemuka di Indonesia dengan jumlah aset sebesar Rp 5.2 triliun dan modal pemegang saham sebesar Rp 269.7 miliar serta perolehan untung bersih sebesar Rp 48.4 miliar.²¹²

Perkembangan sistem perbankan Islam di Indonesia cukup memberangsangkan. Terbukti sehingga akhir tahun 2007 telah wujud 3 Bank Umum Syariah (BUS) iaitu Bank Muamalat Indonesia, Bank Syariah Mandiri dan Bank Syariah Mega Indonesia. Di samping itu, wujud pula Unit Usaha Syariah (UUS) yang berjumlah 28 unit dan Bank Perkreditan Rakyat Syariah (BPRS) yang berjumlah 120 buah.

Selari dengan hal tersebut jaringan pejabat bank Islam termasuk layanan syariah juga menunjukkan peningkatan yang signifikan sehingga menjadi 711 pejabat dan 1.195 layanan syariah.

²¹¹ Karnaen Anwar Parwataatmadja (2000), *op.cit.*, hh. 35; lihat juga <http://www.bi.go.id/biweb/utama/peraturan/pbi.pdf>, pada 15 Januari 2008.

²¹² http://www.muamalatbank.com/profil/sejarah_Ind.asp, akses pada 7 Januari 2008.

BAB 4

KONSEP *AL-MUḌĀRABAH* DAN *AL-MUSYĀRAKAH* DALAM FIQH MUAMALAT

4.1 PENGENALAN

Khazanah fiqh muamalat sangat kaya dengan hukum dan aturan yang patut untuk diamalkan oleh umat manusia dalam kehidupan mereka supaya mereka dapat memperolehi kehidupan yang sejahtera di dunia dan bahagia di akhirat. Fiqh muamalat merupakan peraturan Islam dalam urusan niaga di antara sesama manusia mengikut prinsip syariah, kerana sebagai makhluk ciptaan Allah semestinyalah manusia ini tunduk dan patuh kepada aturan-Nya sama ada yang bersifat *‘ubūdiyyah* iaitu penghambaan kepada Allah mahupun *mufāmalah* iaitu interaksi dengan sesama manusia.

Prinsip *al-muḍārabah* dan *al-musyārah* merupakan dua prinsip syariah yang memberi hukum dan aturan mengikut al-Qur'an dan al-Sunnah dalam berinteraksi di bidang perniagaan dan pelaburan. Kedua-dua prinsip ini boleh menjadi jawapan yang tepat bagi mengatur urusan manusia dalam kehidupan sehari-hari.

Bab ini akan menghuraikan prinsip *al-muḍārabah* dan *al-musyārah* dalam fiqh muamalat yang meliputi pengertian, pensyariatan, jenis, pengurusan, pengagihan untung rugi, penamatan kontrak *al-muḍārabah* dan *al-musyārah* serta kesimpulan.

4.2 KONSEP AL-MUḌĀRABAH DALAM FIQH MUAMALAT

Amalan perniagaan melalui prinsip *al-muḍārabah* telah dilaksanakan oleh masyarakat Arab sebelum kedatangan Islam. Kedatangan Islam yang dibawa oleh baginda Rasulullah s.a.w. tidak harus melenyapkan semua amalan dan tradisi masyarakat Arab. Baginda Rasulullah s.a.w. sendiri bermuamalah berasaskan prinsip ini di dalam menguruskan aktiviti perniagaannya.

Ini dapat dilihat dengan jelas bagaimana Rasulullah s.a.w. meniagakan barang dagangan *Sayyidatunā* Khadijah r.a. ke negeri Sham bersama Maisarah. Sebarang keuntungan yang diperolehi akan dibahagikan juga kepada Rasulullah s.a.w. selaku usahawan (*muḍārib*). Langkah sebegini ternyata memberi pulangan yang besar kepada *Sayyidatunā* Khadijah r.a. selaku pemodal (*ṣāhib al-māl*). Prinsip *al-muḍārabah* yang

diamalkan pada zaman awal Islam dan era Rasulullah s.a.w berlaku dalam bentuk yang ringkas. Akad ini hanya melibatkan seorang pemodal dan seorang pengusaha sahaja.²¹³

4.2.1 Pengertian *Al-Muḍārabah*

Dalam kitab-kitab fiqh klasik perkataan yang memberi makna sama dengan *al-muḍārabah* ialah *al-muqāraḍah* yang berasal dari kata *qaraḍa* yang bererti terputus.²¹⁴

Kata *al-muḍārabah* berasal dari perkataan “*ḍaraba*” yang bererti bermusafir mengeliling bumi atau menjelajah di atas bumi mencari rezeki yang dikurniakan Allah s.w.t.²¹⁵ dan bererti memukul yang bermaksud memukulkan kaki di atas bumi sebagaimana proses seorang pedagang pada masa dahulu hanya berjalan kaki dalam melakukan perniagaannya kerana tidak mempunyai kenderaan sepertimana sekarang ini.²¹⁶ Ini adalah kerana operasi awal setiap perniagaan memerlukan kepada perjalanan sebagaimana dijelaskan dalam al-Qur’an yang berbunyi:²¹⁷

²¹³ Peristiwa ini merupakan titik permulaan yang membawa kepada perkahwinan baginda Rasulullah s.a.w. dengan *Sayyidatunā Khadijah* r.a. *Sayyidatunā Khadijah* mula tertarik dengan perwatakan Rasulullah s.a.w. selepas mendengar berita yang didengar oleh orang suruhannya Maisarah mengenai kejujuran dan tanda-tanda kenabian sebagaimana yang diberitahu oleh Rahib. Lihat Ibn Hisyām Muḥammad ‘Abdul Mālik (1992), *al-Sīrah al-Nabawiyyah*. Beirut: al-Maktabah al-‘Aṣriyyah, h. 139.

²¹⁴ Ibn Manẓūr (1994), *op.cit.*, Jil. 1, h. 544-545; Edward William Lane (1956), *An Arabic-English Lexicon*, Vol. 5. New York: Frederick Ungar Publishing Co, h. 1777-1778; F. Streingass (t.t), *A Learner English-Arabic Dictionary*. Beirut: Riad Solh Square, h. 32; John Wortabet dan John L. Mish (1954), *English Arabic Dictionary*. New York: Frederick Cingar Publishing Co., h. 40; Al-Nawawī (t.t.), *al-Majmū‘ Syarḥ al-Muhadhdhab*, Juz 5. Kaherah: Syarikah wa Maktabah Muṣṭafā Al-Bābī Al-Ḥalabī wa Awlādiḥ, h. 117; Syam al-Dīn Muḥammad Ibn Abū ‘Abbās Aḥmad Ibn Syihāb al-Dīn al-Ramlī (1938), *Nihāyah al-Muḥtāj*, Juz 5. Kaherah: Syarikah wa Makatabah Muṣṭafā Al-Bābī Al-Ḥalabī wa Awlādiḥ, h. 217; Syam al-Dīn al-Sarakhsī (1978), *al-Mabsūṭ*, Jil. 11. Beirut: Dār al-Ma‘rifah, h. 18; Al-Kasānī (t.t) *Badā’i‘ al-Ṣanā’i‘ fi Tartīb al-Syarā’i‘*. Juz 9, h. 3588; Syam al-Dīn Aḥmad Ibn Qudar (t.t), *Natāju al-Afkad Fi Kasyf al-Rumūz wa al-Isrār*, Juz. 8. Kaherah: Syarikah wa Maktabah Muṣṭafā Al-Bābī Al-Ḥalabī wa Awlādiḥ, h. 445; Malik Ibn Anas (t.t), *al-Muwwatta’*, j. 2. Kaherah: Dar Ihya’ al-Kutub al-‘Arabiyyah, h. 687.

²¹⁵ Ibn Manẓūr (1994), *op.cit.*, j.2., h. 544; Al-Jazīrī (1986), *op.cit.*, Juz. 3, h. 30; Afzal al-Rahman (1976), *op. cit.*, vol. 4. London: The Muslim School Trust, h. 306.

²¹⁶ Muḥammad Ibn Aḥmad Ibn Baṭṭāl al-Rakabī (t.t), *al-Nuzum al-Mustaadhabah Fi Syarḥ Gharīb al-Muhadhdhab*, Juz 1. Kaherah: Syarikah wa Maktabah Muṣṭafā Al-Bābī Al-Ḥalabī wa Awlādiḥ, h. 505; Ibn ‘Abidīn (1966), *Ḥāsyiyah ibn ‘Abidīn*, juz. 5, h. 645; Muhammad Syafi’i Antonio (2000), *op. cit.*, h. 95.

²¹⁷ Abdullah Muḥammad Basmeh (1983), *Tafsir Pimpinan al-Rahman*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri Bahagian Agama, h. 215; Muhammad Yunus (1989), *Al-Qur’an dan Terjemah*. Bandung: Darul Ma‘rifah, h. 86.

وَإِذَا ضَرَبْتُمْ فِي الْأَرْضِ فَلَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَنْ تَقْصُرُوا مِنَ
الصَّلَاةِ إِنْ خِفْتُمْ أَنْ يَفْتِنَكُمُ الَّذِينَ كَفَرُوا إِنَّ الْكَافِرِينَ كَانُوا لَكُمْ
عَدُوًّا مُبِينًا

"Dan apabila kamu bepergian di muka bumi, maka tidaklah mengapa kamu mengqasar sembahyang(mu), jika kamu takut diserang orang-orang kafir. Sesungguhnya orang-orang kafir itu adalah musuh yang nyata bagimu."

(QS. Al-Nisā' [4] : 101).

Al-muḍārabah menurut istilah ialah suatu akad antara dua orang atau lebih, satu pihak disebut pemodal (*ṣāhib al-māl*) dan pihak kedua disebut pengusaha (*muḍārib*) untuk melakukan aktiviti perniagaan atau usaha pelaburan dan pengusaha bersedia menghabiskan masa untuk mengurus usaha yang akan dilakukan baik dalam keadaan aman mahupun dalam keadaan yang penuh dengan risiko.

Selain daripada itu yang menjadi asas dalam akad *al-muḍārabah* adalah aktiviti pelaburan untuk memperolehi keuntungan dan kedua belah pihak sama-sama memperolehi bahagian dari keuntungan tersebut sesuai dengan kadar peratusan yang telah dipersetujui ketika akad. Jika pelaburan tersebut tidak memperolehi keuntungan melainkan kerugian ianya akan ditanggung oleh pemodal sahaja²¹⁸ sementara *muḍārib* hanya menanggung kerugian dari sudut kerugian masa, tenaga, dan fikiran dalam melakukan usaha pelaburan. Jika kerugian berlaku disebabkan oleh kelalaian dan kecurangan pengusaha maka ia wajib bertanggungjawab atas kerugian tersebut.²¹⁹

Pengertian lain dari perkataan *al-muḍārabah* yang bermakna sama dengan *al-muqāraḍah* adalah akad perkongsian antara dua pihak atau lebih dimana satu pihak

²¹⁸ Al-Khaṭīb (1958), *op. cit.*, Juz 2., h. 310; al-Sarkhasī (1978), *op. cit.*, juz 11, Beirut: Dār al Maʿrifah., h. 18.; Al-Jazīrī (1986), *op.cit.*, j. 3, h. 34.

²¹⁹ Ibn Qudāmah (t.t), *al-Syarḥ al-Kabīr*, j. 5. Kaherah: Dār al-Kitāb al-ʿArabiyyah, h. 165; Muhammad Syafīʿi Antonio (2000), *op.cit.*, h. 95.

sebagai pemodal yang menyediakan modal 100% sedangkan pihak lainnya sebagai pengusaha yang mengelola modal tersebut untuk memperolehi keuntungan yang akan dikongsi sama antara kedua pihak berdasarkan kadar peratusan yang telah disetujui.²²⁰

Penduduk *Hijāz* menyebut *al-muḍārabah* dengan *al-qirāḍ* dan *al-muqāraḍah* yang diambil dari kata *al-qarḍ* yang bermakna *al-qaḍ'* iaitu terputus ataupun istilah *al-qirāḍ* diambil dari pada *al-muqāraḍah* yang bermakna *al-musāwāh* iaitu persamaan kerana dua orang yang berakad mendapat bahagian dari keuntungan.

Penduduk Iraq pula menyebutnya dengan *al-muḍārabah* sebab pengusaha perlu berjalan dan menjelajah sedangkan perjalanan itu disebut *ḍarban fī al-arḍ*.²²¹ Istilah ini telah digunakan oleh para Ulama Hanafiyah, Hanabilah dan Zaidiyah. Sementara ulama Malikiyah dan Syafi'iyah menggunakan istilah *al-qirāḍ*.

Istilah *qaraḍa* yang bererti terputus²²² bermaksud pemberian hak atas modal oleh pemodal kepada pengusaha. Oleh itu, ianya disebut terputus kerana pemilik modal telah kehilangan hak untuk menggunakan modalnya.²²³ Selain itu, ada juga yang mengertikan *al-qirāḍ* dengan erti kongsi sama ekuiti dan kongsi sama untung.²²⁴

Menurut konteks moden *al-muḍārabah* dalam institusi perbankan Islam sekarang ini dapat diaplikasikan manakala pihak pengusaha menggunakan sumber dana

²²⁰ Al-Zuhaylī (1989), *op. cit.*, juz 4, h. 836; Muhammad Muslehuddin (1996), *Urusan Bank dan Hukum Islam*. Izuddin Ibn Mahmud, (terj). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka., h. 66.

²²¹ Al-Khaṭīb (1958), *op.cit.*, juz 2, h. 309; Al-Sarkhasī (1978), *op.cit.*, juz 22, h. 18; Ibn Qudāmah (1981), *op. cit.*, juz 5, h. 26; Al-Ramlī (1938), *op. cit.*, juz 5, h. 217.

²²² Al-Ramlī (1938), *op. cit.*, juz 5, h. 217; Zakariyā Muḥammad al-Fālih al-Qudah (1984), *Al-Salam Wa Al-Muḍārabah Min 'awāmil Al-Taysīr Fi Al-Syarī'ah Al-Islāmiyyah*. Amman: Dar al-Fikr, h. 158-160.

²²³ Aḥmad al-Dardīr (t.t), *Al-Syarḥ al-Kabīr Li Abu al-Barakāt*, juz 3. Mesir: Dār Iḥyā' al-Kutub al-ʿArabiyyah, h. 517; Al-Kasānī (t.t), *op.cit.*, h. 3587-3589; Muhammad Umar Chapra (1990), *Towards a Just Monetary System*. Leicester U.K: The Islamic Foundation, h. 37.

²²⁴ al-Ramli (t.t), *op.cit.*, j. 1, h. 217; Sudin Harun (1996), *op. cit.*, h. 70.

simpanan pendeposit yang ada di bank selaku pemilik dana dan bank bertindak sebagai perantara bagi pengusaha untuk membuat pelaburan atau melantik pihak ketiga bagi menjalankan kerja-kerja pelaburan demi keuntungan bersama. Dan keuntungan tersebut akan dikongsi sama antara pihak yang berakad mengikut perjanjian di awal akad. Namun jika kerugian berlaku ianya akan ditanggung oleh pemodal dan amalan seperti ini disebut dengan prinsip *al-muḍārabah al-musytarikah*.²²⁵

Amalan *al-muḍārabah al-musytarikah* mengandungi tiga prinsip asas iaitu:²²⁶

1. Adanya persetujuan antara pemodal dan pelabur (pengusaha).
2. Adanya kebebasan pelabur menggunakan modal dalam perniagaan.
3. Adanya pembahagian keuntungan dari kadar peratusan yang telah disepakati di awal akad.

4.2.2 Pensyariatan Al-Muḍārabah

Semua fuqaha mengiktiraf keabsahan pensyariatan akad *al-muḍārabah*. Pensyariatan ini tidak diragui lagi kerana dalil pensyariatan tersebut terdapat dalam al-Qur'an, al-Hadith, Ijmak dan Qiyas.²²⁷

A. Dalil Al-Qur'an:

Dalil al-Qur'an dalam pensyariatan *al-muḍārabah* adalah bersifat umum dan lebih mencerminkan anjuran untuk melakukan suatu usaha dalam mencari rezeki yang

²²⁵ Ab. Mu'min Ab. Ghani (1999), *op. cit.*, h. 405.

²²⁶ Sobri Salamon (1984), *Bank Islam*. Kuala Lumpur: Persatuan Ulama Malaysia, h. 92.

²²⁷ Al-Ramlī (1938), *op.cit.*, j.5, h. 3587-3588; Afzal al-Rahman (1979), *op.cit.*, h. 308; Ab. Mu'min Ab-Ghani (1999), *op.cit.*, h. 393.

dikurniakan oleh Allah s.w.t melalui perniagaan, perkebunan, pertanian, perikanan dan sebagainya. Sebagaimana Firman Allah s.w.t di bawah ini:²²⁸

عَلِمَ أَنْ سَيَكُونُ مِنْكُمْ مَرْضَىٰ وَآخَرُونَ يَضْرِبُونَ فِي الْأَرْضِ
يَبْتَغُونَ مِنْ فَضْلِ اللَّهِ وَآخَرُونَ يُقَاتِلُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَاقْرَءُوا مَا
نَزَّلَ مِنْهُ وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَأَقْرِضُوا اللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا
وَمَا تُقَدِّمُوا لِأَنْفُسِكُمْ مِنْ خَيْرٍ تَجِدُوهُ عِنْدَ اللَّهِ هُوَ خَيْرٌ وَأَعْظَمُ
أَجْرًا وَاسْتَغْفِرُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ .

"Dia mengetahui bahwa akan ada di antara kamu orang-orang yang sakit dan orang-orang yang berjalan di muka bumi mencari sebagian karunia Allah dan orang-orang lain yang lagi berperang di jalan Allah, maka bacalah apa yang mudah bagimu dari Al Qur'an."

(QS. Al-Muzzammil [73]: 20).

Yang menjadi alasan dari surah *al-muzzammil* di atas adalah pada perkataan *yaḍribūna* (يَضْرِبُونَ) sebagai asal kata *al-muḍārabah* yang bererti melakukan usaha dengan perjalanan, menghabiskan masa, tenaga dan fikiran. Sebagaimana firman Allah s.w.t di bawah ini:²²⁹

فَإِذَا قُضِيَتِ الصَّلَاةُ فَانْتَشِرُوا فِي الْأَرْضِ وَابْتَغُوا مِنْ فَضْلِ اللَّهِ
وَاذْكُرُوا اللَّهَ كَثِيرًا لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ .

"Kemudian setelah selesai sembahyang, maka bertebaranlah kamu di muka bumi (untuk menjalankan urusan masing-masing) dan carilah apa yang kamu hajati dari limpah kurnia Allah dan banyak-banyaklah mengingat Allah mudah-mudahan kamu beruntung."

(QS. Al-Jumu'ah [62]: 10).

²²⁸ Al-Kasānī berpegang kepada dalil ayat ini dalam mengharuskan kontrak *al-muḍārabah*. Sila lihat Al-Kasānī (t.t), *op.cit.*, juz 8, h. 3587.

²²⁹ Abdullah Muhammad Basmeh (1983), *op. cit.*, h. 500.

Manakala dalam ayat yang lain pula Allah s.w.t turut membenarkan perniagaan ketika mengerjakan ibadah haji sebagaimana disebutkan di bawah ini:²³⁰

لَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَنْ تَبْتَغُوا فَضْلًا مِنْ رَبِّكُمْ فَإِذَا أَفَضْتُمْ مِنْ عَرَفَاتٍ
فَاذْكُرُوا اللَّهَ عِنْدَ الْمَشْعَرِ الْحَرَامِ وَاذْكُرُوهُ كَمَا هَدَاكُمْ وَإِنْ كُنْتُمْ مِنْ
قَبْلِهِ لَمَنِ الضَّالِّينَ .

Tidak ada dosa bagimu untuk mencari karunia (rezki hasil perniagaan) dari Tuhanmu. Maka apabila kamu telah bertolak dari Arafah, berdzikirlah kepada Allah di Masy'ar Al-Haram. Dan berdzikirlah (dengan menyebut) Allah sebagaimana yang ditunjukkan-Nya kepadamu. Dan sesungguhnya kamu sebelum itu benar-benar termasuk orang-orang yang sesat.

(QS. Al-Baqarah [2]: 198).

Ayat-ayat di atas mendorong kaum muslimin untuk melakukan perjalanan dalam aktiviti perniagaan kerana pada masa dahulu tidak ada sarana transport sebagaimana pada masa sekarang.

B. Dalil Al-Hadith:

Beberapa hadith yang menjelaskan perkara *al-mudārabah* adalah seperti berikut:

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ أَنَّ الْعَبَّاسَ بْنَ عَبْدِ الْمُطَّلِبِ إِذَا دَفَعَ الْمَالَ
مُضَارَبَةً اشْتَرَطَ عَلَى صَاحِبِهِ أَنْ لَا يَسْلُكَ بِهِ بَحْرًا وَلَا يَنْزِلُ بِهِ
وَادِيًّا وَلَا يَشْتَرِي بِهِ دَابَّةً ذَاتَ كَبِدٍ رُطْبَةً فَإِنْ فَعَلَ ذَلِكَ ضَمِنَ ,
فَبَلَغَ شَرْطُهُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَأَجَازَ شَرْطَهُ .

"Diriwayatkan daripada Ibn Abbas bahawa Al-Abbas Ibn Abdul Mutalib jika memberi modal secara mudārabah ia mensyaratkan agar modalnya tidak dibawa mengharungi lautan atau menuruni lembah yang berbahaya

²³⁰ Al-Khaṭīb berkata, Al-Māwardī berhujah bahawa pengharusan kontrak *al-mudārabah* adalah berdasarkan ayat ini. Lihat Al-Khaṭīb (1958), *op.cit.*, juz 2, h. 309.

atau membeli haiwan ternakan. Jika aturan tersebut disalahi maka yang bersangkutan mesti bertanggung jawab atas modal tersebut. Dan ketika syaratnya itu sampai kepada Rasulullah s.a.w. maka baginda pun membolehkan syaratnya.²³¹

Baginda Rasulullah s.a.w. juga bersabda:

ثَلَاثٌ فِيهِنَّ الْبَرَكَةُ الْبَيْعُ إِلَى أَجَلٍ الْمُقَارَضَةُ وَخَلْطُ الرِّبِّ
بِالشَّعِيرِ لِلْبَيْتِ لَا لِلْبَيْعِ .

"Tiga hal yang di dalamnya terdapat keberkatan: jualbeli secara tangguh, *muqāradah* (*mudārabah*), dan mencampur gandum dengan tepung untuk keperluan rumah tangga bukan untuk dijual."²³²

C. Dalil Ijmak:

Kesemua mazhab fiqh telah bersepakat tentang keharusan pelaksanaan prinsip *al-mudārabah* dalam perniagaan. Walaupun telah diamalkan oleh umat pada masa jahiliyyah lagi, tetapi kegiatan ini diakui oleh Islam dan disahkan setelah Islam tersebar keseluruh semenanjung Arab.²³³

Di antara ijmak yang mengharuskan *al-muḍārabah* ialah sebagaimana yang diriwayatkan oleh sekumpulan sahabat bahwa mereka telah melaburkan harta anak yatim secara *al-muḍārabah*, tidak seorang pun mengingkari dan membantah perbuatan tersebut mereka itu ialah Umar, Uthman, Ali, Abdullah Ibn Mas'ud, Abdullah dan Ubaidullah Ibn Umar dan Aisyah r.a.²³⁴

²³¹ 'Alī Ibn 'Umar al-Dāraqutnī (1993), *Sunan al-Dāraqutnī*, Juz 3, *Kitāb Al-Buyū'*, No. 290. Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, h. 78; Al-Kasānī (t.t), *op.cit.*, j. 9, h.3587; Sulaymān Ibn Aḥmad al-Ṭabrānī (1995), *al-Mu'jam al-Awsaṭ*, Juz 1. Kaherah: Dār al-Hamayān, h. 231.

²³² Ibn Mājah (1998), *op. cit.*, Juz 2, *Bab Al-Syirkah Wa Al-Muḍārabah*. No. 2289., h. 314.

²³³ Al-Syīrāzī (1976), *op.cit.*, Juz 5, h. 505; al-Jaziri (1986), *op.cit.*, h. 42.

²³⁴ Al-Sarkhasi (t.t), *al-Mabsut*, Juz 11, h. 18-20. Beirut: Dar al-Ma'rifah; al-Kasani (t.t), *op.cit.*, h. 3578; al-Zuhayli (1989), *op.cit.*, Juz 4, h. 838; Muhammad Syafi'i Antonio (2000), *op.cit.*, h. 96.

Dalam suatu riwayat dikatakan bahawa pada suatu ketika kedua orang anak Umar Ibn Al-Khattab; Abdullah dan Ubaidullah r.a. keluar mengikuti rombongan tentera ke Iraq. Dalam perjalanan pulang mereka singgah di tempat Abu Musa Al-Asy^cari; Gabenor Basrah. Abu Musa menyambut ketibaan mereka berdua penuh takzim dan meminta kedua-duanya membawa sejumlah wang *Bayt al-Māl* yang hendak dikirim kepada Khalifah Umar di Madinah. Beliau berkata bahawa wang itu sebagai pinjaman bagi kedua-duanya untuk dibelikan barang dagangan dari Iraq dan menjualnya di Madinah. Kemudian wang pokok (modal) diberikan kepada Umar sementara keuntungannya untuk mereka.

Abdullah dan Ubaidullah bersetuju dengan cadangan itu dan mengambil wang tersebut dan Abu Musa menulis surat kepada Umar r.a. supaya menerima wang tersebut dari mereka. Setelah kedua-duanya tiba di Madinah mereka menjual barangan tersebut hingga mendapat keuntungan. Kemudian mereka memberi wang modalnya kepada Umar r.a. lalu beliau bertanya: *“Adakah Abu Musa meminjamkan wang kepada setiap tentera?”* Keduanya menjawab: *“Tidak”*. Maka Umar pun berkata: *“wang tersebut diberikan kepada kamu kerana kamu anak seorang Khalifah, berikan kepadaku wang modal dan keuntungannya.”*

Abdullah mendiamkan diri sementara Ubaidullah berkata: *“Wahai Amirul Mukminin, Tuan tidak boleh berbuat demikian kepada kami, jika ada wang tersebut habis atau kami mengalami kerugian maka wang modal tetap akan kami bayar semula.”* Umar berkata: *“Tidak, kamu mesti menjelaskannya.”* Tetapi Ubaidullah menolak.

Kemudian Abdurrahman Ibn Auf r.a. salah seorang dari anggota majlis Khalifah bercadang bahawa lebih bijak jika dihitung menurut akad *al-muḍārabah*. Khalifah Umar r.a. bersetuju lalu beliau mengambil wang modal dan sebahagian dari keuntungan yang diperolehi dari usaha kedua anaknya sementara sebahagian lagi diberi kepada kedua-dua anaknya.²³⁵

Selain itu Umar r.a. juga pernah melakukan akad *al-muḍārabah* dengan Zayd Ibn Khalid. Uthman r.a. pula terlibat dalam akad ini dengan al-Qasim Ibn Muhammad bahawa mereka ada mempunyai wang modal bersama Aisyah r.a. yang kemudian wang tersebut diniagakan atas dasar *al-muḍārabah*.²³⁶

D. Dalil Qiyas:

Akad *al-mudārabah* boleh diqiyaskan dengan *al-musāqah*,²³⁷ iaitu kerjasama antara dua pihak dengan pihak pertama menyediakan modal dan pihak kedua sebagai pengusaha. Perkara ini diamalkan untuk memenuhi keperluan manusia dalam hidupnya, kerana di antara manusia ada yang memiliki harta tetapi tidak mempunyai kemahiran untuk berniaga dan ada pula yang tidak memiliki harta tetapi ia mempunyai kemahiran dalam berniaga.²³⁸

Hikmah daripada pensyariatan *al-mudārabah* adalah:

²³⁵ Al-Kasānī (t.t), *op.cit.*, h. 3588 ; Al-Syīrāzī (1976), *op. cit.*, h. 504.

²³⁶ Al-Sarkhaṣī (1939), *op.cit.*, hh. 18-19.

²³⁷ *Al-musāqah* adalah bentuk yang lebih sederhana daripada *al-muzāraʿah* dimana peladang hanya bertanggungjawab atas penyiraman dan pemeliharaan ladang sedangkan benih dari pemilik ladang. Sebagai imbalan atau upah peladang berhak atas nisbah peratusan tertentu dari hasil penuaian atau panen; Ahmad al-Syarbasi (1987), *al-Muʿjam al-Iqtiṣād al-Islāmi*. Beirut: Dār al-ʿAlam li al-Kutub, h. 124; Muhammad Syafiʿi Antonio (2000), *op.cit.*, h. 100.

²³⁸ Al-Kasānī (t.t), *op.cit.*, h. 3588; Al-Sarkhaṣī (t.t), *op.cit.*, Juz 11, h. 18; Al-Khaṭīb (t.t), *op.cit.*, Juz 2, h. 309; Al-Syīrāzī (t.t), *op.cit.*, h. 384; Al-Zuhaylī (1989), *op.cit.*, Juz 4, 839.

1. Pemodal yang mempunyai wang dan tidak mempunyai kemahiran dalam perniagaan boleh mengembangkan wangnya dengan menggunakan akad ini.
2. Pengusaha yang mempunyai kemahiran dalam perniagaan tetapi tidak mempunyai wang berpeluang menjalankan perniagaan melalui kerjasama pemodal mengikut akad ini.
3. Kesan daripada kerjasama antara pemodal dengan pengusaha akan menghasilkan keuntungan dan meningkatkan perniagaan yang akan membawa kemakmuran bagi umat Islam.²³⁹

4.2.3 Rukun *Al-Muḍārabah*

Menurut mazhab Hanafi rukun akad *al-muḍārabah* hanyalah *ījāb* dan *qabūl*. *Ījāb* adalah lafaz yang dikatakan oleh pemodal ketika menyerahkan modal kepada pengusaha, sementara *qabūl* adalah lafaz penerimaan yang dikatakan oleh pengusaha setelah menerima modal dari pemodal.²⁴⁰

Manakala mazhab Syafi'i pula rukun *al-muḍārabah* ada enam perkara, iaitu dua orang yang berakad (pemodal dan pengusaha), modal, usaha, keuntungan dan lafaz akad.²⁴¹

Sementara menurut jumhur fuqaha rukun *al-muḍārabah* ada tiga iaitu:

1. Wujudnya pemodal (*ṣāhib al-māl*) dan pengusaha (*muḍārib*).

²³⁹ Akmal al-Dīn Muhammad Ibn Mahmud al-Babartī (t.t), *Syarḥ al-ʿInāyah*, Juz 8. Kaherah: Syarikah wa Maktabah Muṣṭafā Al-Bābī Al-Ḥalabī wa Awlādih, h. 446; Mustafa Hj. Daud (1994), *Perniagaan Menurut Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publication dan Distribution Sdn Bhd, h. 45.

²⁴⁰ Al-Kasānī (t.t), *op.cit.*, h. 3588; Al-Ramlī (1938), *op.cit.*, Jūz 1, h. 226.

²⁴¹ Ibn Qudāmah (1981), *op. cit.*, Juz 5. Kaherah: Dār al-Kitāb al-ʿArabī, h. 35; Al-Dīn Muhammad Khujah (1993), *Nazariyyah al-ʿAqd fī al-Fiqh al-Islāmī*. Jeddah: Dallah al-Barakah, h. 23; Al-Ramlī (1938), *op.cit.*, Jūz 1, h. 219; Al-Tanukhi (t.t), *al-Mudawwanah al-Kubrā*. Beirut: Dār al-Ṣādir, h. 90-91.

2. Wujudnya modal atau wang.
3. Pembahagian peratusan keuntungan yang diperolehi.²⁴²

4.2.4 Syarat *Al-Muḍārabah*

Perjanjian akad *al-muḍārabah* dikatakan sah jika syarat ketiga-tiga rukun *al-muḍārabah* di atas telah dipenuhi iaitu wujudnya pemodal dan pengusaha, modal serta pembahagian peratusan keuntungan yang diperolehi.²⁴³

1). Syarat Pemodal Dan Pengusaha

Pemodal dan pengusaha hendaklah orang yang layak menjadi wakil dan mampu untuk mengurus harta.²⁴⁴ Al-Syirazi dari mazhab Syafi'i berpendapat bahawa kanak-kanak tidak berkeahlian untuk melantik wakil dan tidak sah baginya membuat akad *al-muḍārabah*.²⁴⁵

Al-Baḥūṭī dari mazhab Hanbali berpendapat tidak sah bagi kanak-kanak *mumayyiz* yang belum baligh membuat akad kehartaan sekalipun dengan izin walinya.²⁴⁶ Berbeza pula dengan pendapat Al-Kasānī dari mazhab Hanafi dan Ibn Rusyd dari mazhab Maliki yang berpendapat bahawa kanak-kanak *mumayyiz* yang

²⁴² Al-Nawawī (t.t), *op.cit.*, h. 140; Al-Zuhaylī (1989), *op.cit.*, h. 839; Al-Ramlī (1938), *ibid.*

²⁴³ Al-Ramlī (1938), *op.cit.*, h. 225-227; Al-Kasānī (t.t), *op.cit.*, h., 3592-3593; Al-Zuhaylī (1989), *op.cit.*, Juz 4, h. 843.

²⁴⁴ Al-Ramlī (1938), *op.cit.*, h. 226.

²⁴⁵ Al-Syirāzī (1976), *op.cit.*, h. 459.

²⁴⁶ Al-Baḥūṭī (1970), *op.cit.*, h. 450.

diberi izin berniaga oleh walinya sah untuk melakukan akad *al-muḍārabah* dengan hartanya.²⁴⁷

Akad *al-muḍārabah* tidak disyaratkan harus dengan orang muslim sahaja tetapi dibenarkan juga membuat akad *al-muḍārabah* dengan orang bukan muslim seperti kafir *dhimmī* atau orang kafir yang tinggal di dalam negara Islam.²⁴⁸

Pengusaha disyaratkan pula agar mendapat kebenaran terlebih dahulu dari pemodal jika hendak menyerahkan modal kepada pihak ketiga atau ingin mengambil modal dari pemodal lain dengan maksud untuk menambah jumlah modal.²⁴⁹

2). Syarat Modal

Dalam akad *al-muḍārabah* modal memiliki syarat-syarat seperti berikut:

- a. Modal dikehendaki terdiri daripada wang tunai²⁵⁰ seperti emas dan perak serta tidak berbentuk barang komoditi kerana harganya boleh berubah-ubah mengikut peredaran masa dan tempat, sehingga sukar untuk menentukan keuntungan dari pelaburan yang dibuat.²⁵¹

²⁴⁷ Al-Kasānī (t.t), *op.cit.*, h. 3347.

²⁴⁸ Al-Kasānī (t.t), *op.cit.*, h. 3593; Al-Syīrāzī (t.t), *op.cit.*, Juz 2, h. 505; Al-Ramlī (1938t), *op.cit.*, Juz 1, h. 219; Al-Zuhaylī (1989), *op.cit.*, h. 84.

²⁴⁹ Ibn Qudāmah (1981), *op.cit.*, Juz 5, h. 161-163; Al-Syīrāzī (1976), *op.cit.*, h. 507; Al-Ramlī (1938), *op.cit.*, h. 507; lihat juga Ab. Mumin Ab. Ghani (1999), *op.cit.*, h. 397.

²⁵⁰ Al-Syīrāzī (1976), *op.cit.*, h. 505; Al-Kasānī (t.t), *op.cit.*, h. 3594; Al-Ramlī (1938), *op.cit.*, Juz 5, h. 219-220; Ibn Qudāmah (1981), *op.cit.*, Juz 5, h. 291.

²⁵¹ Al-Khaṭīb (1958), *op.cit.*, Juz 2, h. 310; al-Syirazi (1976), *op.cit.*, h. 505; Al-Zuhaylī (1989), *op.cit.*, h. 843.

- b. Modal yang dikeluarkan hendaklah diketahui kadar dan jenisnya.²⁵² Kerana sebarang kajahilan ke atas modal akan membawa kejahilan kepada perolehan yang seterusnya akan merosakkan perjanjian *al-muḍārabah*.²⁵³
- c. Modal yang dikeluarkan hendaklah sedia ada ketika akad dibuat dan bukan dalam bentuk hutang.²⁵⁴ Namun fuqaha berbeza pendapat mengenai hutang pemodal ke atas pengusaha dan hutang pihak lain yang hendak dijadikan modal *al-muḍārabah*. Jumhur melarang akad *al-muḍārabah* dengan wang pemodal yang berada dalam tanggungan pengusaha dalam bentuk hutang.²⁵⁵ Tetapi pendapat lain membolehkan kerana pengusaha telah mendapat kebenaran dari pemodal.²⁵⁶
- d. Modal hendaklah diserahkan kepada pengusaha supaya urusan pelaburan dapat dilakukan.²⁵⁷ Kerana menurut jumhur fuqaha akad *al-muḍārabah* tidak sah jika modal tidak diserahkan kepada pengusaha,²⁵⁸ sedangkan menurut mazhab Hanbali tidak disyaratkan penyerahan modal oleh pemodal dan membenarkan pengusaha menguruskan modal tersebut walaupun masih di tangan pemodal.²⁵⁹

3). Syarat Keuntungan

Syarat bagi keuntungan dalam akad *al-muḍārabah* adalah seperti berikut:

²⁵² Al-Khaṭīb (1958), *op.cit.*, Juz 2, h. 310; Al-Syīrāzī (1976), *op.cit.*, h. 505; Al-Kasānī (t.t), *op.cit.*, h. 3595.

²⁵³ Ibn Qudāmah (1981), *op.cit.*, h. 141; Al-Kasānī (t.t), *op.cit.*, h. 3595; Al-Zuhaylī (1989), *op.cit.*, h. 844.

²⁵⁴ Al-Kasānī (t.t), *op.cit.*, h. 3595; Ibn Qudāmah (1981), *op.cit.*, Juz 5, h. 292.

²⁵⁵ Al-Syīrāzī dari mazhab Syafī'i berpendapat bahawa modal *al-muḍārabah* yang berbentuk hutang masih pada *muḍārib* adalah tidak sah, maka melaksanakan akad *al-muḍārabah* dengan hutang yang masih di tangan *muḍārib* juga tidak sah. Lihat Al-Syīrāzī (1976), *op.cit.*, h. 510; Ibn Qudāmah (1981), *op.cit.*, Juz 5, h. 292-293.

²⁵⁶ Al-Kasānī (t.t), *op.cit.*, h. 3596; Aḥmad Ibn Yaḥyā al-Murtaḍā (1948), *Kitāb al-Baḥ al-Zakhkhān al-Jāmi' li Madhhab 'Ulamā al-Amṣār*, Juz 4. Kaherah: Maktabah al-Khauj, h. 82.

²⁵⁷ Burhān al-Dīn 'Alī Ibn Abu Bakr al-Marghinānī (t.t), *Al-Hidāyah*, Juz 8, Kaherah: Syarikah wa Maktabah Muṣṭafā Al-Bābī Al-Ḥalabī wa Awlādih, h. 452; Al-Ramlī (1938), *op.cit.*, h. 221; Al-Kasānī (t.t), *op.cit.*, h. 3599.

²⁵⁸ Al-Sarkhasī (t.t), *op.cit.*, h. 27; Al-Khaṭīb (1958), *op.cit.*, Juz 2, h. 313; Al-Zuhaylī (1989), *op.cit.*, h. 845.

²⁵⁹ Maṣṣūr Ibn Yūsuf Ibn Idrīs Al-Baḥūṭī (1970), *al-Rawḍ al-Marbī Syaikh Zar al-Mustaḥqī*, Juz 3. Riyad: Maktabah al-Riyāḍ al-Ḥadīthah, h. 533.

- a. Kadar keuntungan hendaklah diketahui oleh kedua-dua pihak. Ini adalah kerana tujuan akad *al-muḍārabah* adalah untuk mendapatkan keuntungan dan kejahilan mengenai keuntungan akan merosak akad.²⁶⁰
- b. Kadar keuntungan hendaklah luas dan tidak dipastikan, seperti nisbah 30:70 atau 40:60 atau 50:50 atau peratusan lainnya. Tidak dibenarkan meletakkan syarat pasti seperti RM 1000 dari keuntungan bagi *ṣāhib al-māl*.²⁶¹

4.2.5 Pembahagian *Al-Muḍārabah*

Akad *al-muḍārabah* terbagi kepada dua bahagian iaitu *al-muḍārabah al-muṭlaqah* dan *al-muḍārabah al-muqayyadah*.²⁶²

1). *Al-Muḍārabah Al-Muṭlaqah*

Al-muḍārabah al-muṭlaqah adalah jenis akad dimana satu pihak menyerahkan modal kepada pihak lain sebagai pengusaha tanpa mengenakan sebarang syarat atau sekatan.²⁶³

Dalam pelaksanaan akad ini pemilik modal menyerahkan modal kepada orang lain (pengusaha) tanpa batas; tanpa menyatakan tempoh, tempat dan jenis perniagaan, pelanggan yang patut dilangani dan sebagainya.²⁶⁴

Hak pengusaha dalam akad *al-muḍārabah al-muṭlaqah*:

1. Pengusaha boleh mengurus modal *al-muḍārabah* mengikut jenis perniagaan yang dipandang baik, pada mana-mana tempat, dengan mana-mana pihak. Ia juga

²⁶⁰ Ibn Rusyd (1981), *op.cit.*, Juz 2, h. 234.

²⁶¹ Al-Sarkhasī (t.t), *op.ci.t*, h. 27; Al-Zuhaylī (1986), *op.cit.*, h. 850.

²⁶² Al-Khaṭīb (1958), *op.cit.*, h. 310; Al-Kasānī (t.t), *op.cit.*, h. 3605.

²⁶³ Al-Khaṭīb (1958), *op.cit.*, h. 310; Al-Zuhaylī (1981), *op.cit.*, h. 855; lihat juga Muhammad Syafi'i Antonio (2000), *op.cit.*, h. 97.

²⁶⁴ Al-Zuhaylī (1989), *op. cit.*, j.4, h. 480.

membeli dan menjual barangan perniagaan untuk memperolehi keuntungan. Namun jika terjadi kerugian maka ia ditanggung oleh pemodal kerana pengusaha telah mengorbankan tenaga dan fikiran dalam pengurusan modal tersebut.

2. Pengusaha boleh menyerahkan modal *al-muḍārabah* kepada orang lain untuk diniagakan dan ia mempunyai kuasa untuk membayar upah.
3. Pengusaha boleh melakukan urusaniaga sama ada secara tunai mahupun bertangguh asalkan tempoh penangguhannya itu mengikut kebiasaan semasa.
4. Menurut mazhab Hanafi, Maliki dan Hanbali, pengusaha boleh membawa modal *al-muḍārabah* dalam perjalanan dari satu tempat ke tempat lainnya.²⁶⁵

Larangan bagi pengusaha dalam akad *al-muḍārabah al-muṭlaqah*:

1. Pengusaha tidak boleh mengambil hutang bagi harta *al-muḍārabah* kecuali setelah mendapat izin dari pemodal.²⁶⁶
2. Pengusaha tidak boleh membeli sesuatu barang untuk akad *al-muḍārabah* dengan harga di atas modal *al-muḍārabah* sama ada secara tunai mahupun hutang.
3. Pengusaha tidak boleh mengambil modal berdasarkan *al-muḍārabah* untuk diserahkan kepada penghutang di tempat lain atau negeri lain yang tidak dikehendaki.²⁶⁷
4. Pengusaha tidak boleh melakukan akad *al-muḍārabah* dengan orang lain tanpa kebenaran pemilik modal kerana perbuatan ini termasuk pencerobohan. Namun jika perkara ini berlaku, maka pengusaha yang menanggung kerugian.²⁶⁸ Sedangkan menurut mazhab Syafi'i, pengusaha tidak boleh melakukan akad *al-muḍārabah* dengan orang lain tetapi jika ia masih melakukannya tanpa kebenaran pemodal, maka akad *al-muḍārabah* dengan pihak pertama tetap sah sementara pengusaha

²⁶⁵ Ibn Qudāmah (1981), *op.cit.*, h. 151.

²⁶⁶ Al-Kasānī (t.t), *op.cit.*, h. 3612.

²⁶⁷ Al-Khaṭīb (1958), *op.cit.*, h. 316; Al-Zuhaylī (1989), *op.cit.*, hh. 857-858.

²⁶⁸ Ibn Qudāmah (1981), *op.cit.*, h. 153.

yang kedua berhak mendapatkan upah yang berpatutan dari pengusaha yang pertama jika ia telah melakukan kerja-kerja *al-muḍārabah*.²⁶⁹

2). *Al-Muḍārabah Al-Muqayyadah*

Al-muḍārabah al-muqayyadah adalah jenis akad dimana satu pihak menyerahkan modal kepada pihak lain dengan mengenakan sekatan atau syarat tertentu.²⁷⁰ Dalam akad ini pemodal dibenarkan meletakkan syarat berkenaan dengan perniagaan yang akan dijalankan. Dalam hal ini, pengusaha tidak boleh melakukan perkara di luar syarat yang ditetapkan pemodal.²⁷¹

Syarat dan penyekatan sedemikian ini bermaksud untuk suatu manfaat bagi mengawal segala bentuk aktiviti pengusaha ketika menguruskan modal tersebut. Sehingga apa-apa peristiwa buruk yang berlaku akibat ketidakpatuhan terhadap sekatan ini, akan ditanggung oleh pengusaha sendirian.²⁷²

4.2.7 Pengagihan Untung dan Rugi dalam Akad *Al-Muḍārabah*

²⁶⁹ Al-Ramlī (1938), *op.cit.*, h. 227; Al-Syirāzī (t.t), *op.cit.*, h. 507; Al-Khaṭīb (1958), *op.cit.*, h. 314; Ibn Qudāmah (1981), *op.cit.*, h. 152; Al-Kasānī (t.t), *op.cit.*, h. 3612; lihat juga Al-Sarkhasī (t.t), *op.cit.*, h. 178.

²⁷⁰ Al-Jaziri (1986), *op. cit.*, Juz 3, h. 54.

²⁷¹ Al-Kasānī (t.t), *op.cit.*, h. 3631; Al-Sarakhsī (t.t), *op.cit.*, h. 99; lihat juga Muhammad Daud Bakar (1992), Aspek-aspek perniagaan projek dalam amalan perbankan Islam. *Jurnal Syariah*. Bil. 11. Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur, h. 210.

²⁷² Al-Zuhaylī (1986), *op.cit.*, h. 861.

Keuntungan dalam akad *al-muḍārabah* ialah apa yang bertambah daripada modal. Keuntungan ini hanya akan dilihat setelah mengambil modal asal dan menolak semua perbelanjaan akad *al-muḍārabah*.²⁷³

Dalam akad *al-muḍārabah*, keuntungan bersih mestilah dibahagikan antara pemodal dan pengusaha mengikut bahagian yang adil seperti yang dipersetujui ketika akad. Pembahagian keuntungan tidak boleh dilakukan kecuali semua kerugian telah ditampung dan modal telah dapat dikumpulkan semula secara utuh.²⁷⁴ Sebarang pembahagian keuntungan sebelum perjanjian *al-muḍārabah* disetujui adalah dianggap sebagai bayaran pendahuluan. Dalam kes *al-muḍārabah* yang berterusan, dibenarkan membuat persetujuan untuk satu tempoh perakaunan bagi pembahagian keuntungan.²⁷⁵

Pengagihan untung ditentukan dengan kadar peratusan tertentu seperti 50% bagi pemodal dan 50% bagi pengusaha atau peratusan yang lain. Pengagihan untung ini tidak dibenarkan dalam bentuk jumlah yang pasti seperti RM 5000 atau RM 10.000 untuk pemodal, kerana ini membawa kepada ketidak adilan bagi salah satu pihak. Ia juga akan membawa kepada timbulnya perselisihan dalam menentukan kadar keuntungan masing-masing.²⁷⁶

Sementara itu dalam kes kerugian hanya pemodal yang akan menanggung kerugian ke atas modal. Manakala pengusaha hanya menanggung kerugian tenaga,

²⁷³ Al-Syīrāzī (t.t), *op.cit.*, h. 508; Al-Marghinānī (t.t), *op.cit.*, h. 471; lihat juga Muhammad Kamal Attiyah (1992), *Perakaunan Syarikat dan Bank Menurut Sistem Islam*, (Terj), Muhammad Ghazali Abdul Wahid. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka., h. 223.

²⁷⁴ Al-Kasānī (t.t), *op.cit.*, h. 3652; Al-Ramlī (1938), *op.cit.*, h. 236; Ibn Qudāmah (1981), *op.cit.*, h.169.

²⁷⁵ Muhammad Umar Chapra (1990), *op.cit.*, h. 264.

²⁷⁶ Al-Syīrāzī (t.t), *op.cit.*, h. 505; Al-Khaṭīb (1958), *op.cit.*, h. 313; Al-Kasānī (t.t), *op.cit.*, h. 3602; lihat juga Muhammad Daud bakar (1997), *op.cit.*, h. 210.

masa, kerja dan seumpamanya. Ini merupakan asas utama bagi pelaburan Islam dalam hal risiko kewangan.²⁷⁷

Prinsip utama dalam akad *al-muḍārabah* adalah pemodal bersedia mengambil risiko bagi modalnya dan pengusaha bersedia mengambil risiko terhadap masa, tenaga dan usahanya.²⁷⁸ Perlu dijelaskan bahawa pemodal hanya akan menanggung kerugian sekiranya tidak berlaku kecuaiannya dan pengusaha mengalami kerugian kerja, masa, tenaga dan khidmat. Namun jika pemodal dapat membuktikan bahawa kerugian yang dialami dalam akad ini disebabkan oleh kecuaiannya, maka pemodal boleh membawa kes ini ke mahkamah untuk memperoleh modal awal keseluruhan.²⁷⁹

Dan jika pada awal akad pemodal bersetuju bahawa keuntungan yang diperolehi akan diambil sepenuhnya oleh pengusaha maka pengusaha wajib mengembalikan modal asal kepada pemodal. Akad seumpama ini lebih dikenal dengan akad *al-qarḍ al-ḥasan* atau pinjaman kebajikan.²⁸⁰

4.3 KONSEP AL-MUSYĀRAKAH DALAM FIQH MUAMALAT

Semasa Rasulullah s.a.w. diutus menjadi rasul pilihan Allah, masyarakat Arab pada masa itu telahpun mengamalkan kontrak perkongsian berdasarkan prinsip *al-musyārahah* dalam perniagaan harian mereka dan baginda tidak melarang amalan tersebut. Bahkan dalam satu riwayat baginda sendiri pernah mengadakan perkongsian dengan seseorang bernama Sa'ib Ibn Syarik semasa masih di Makkah. Dan ketika Sa'ib

²⁷⁷ Al-Kasānī (t.t), *op.cit.*, h. 3602-3603; lihat juga Muhammad Daud Abu Bakar (1997), *ibid.*

²⁷⁸ M. Umar Chapra (1990), *op.cit.*, h. 265.

²⁷⁹ Ibn Qudāmah (1981), *op.cit.*, h., 165; lihat juga Muhammad Daud Abu Bakar (1997), *op.cit.*, h. 211.

²⁸⁰ *Al-Qarḍ al-Ḥasan* bererti sejumlah harta yang diberikan oleh pemilik hutang kepada si berhutang supaya dipulangkan semula mengikut jumlah asal apabila sampai tempohnya. Lihat Al-Syīrāzī (t.t), *op.cit.*, h. 506; Sayyid Sābiq (1987), *Fiqh al-Sunnah*, Juz 3, Beirut: Dār al-Kitāb al-ʿArabī, h. 185.

berjumpa dengan baginda di Madinah beliau bertanya kepada baginda sama ada baginda masih mengenalinya atau tidak. Lantas baginda menjawab: "*Bagaimana saya boleh melupakan saudara sedangkan saudara adalah ahli kongsi saya yang baik.*"²⁸¹

4.3.1 Pengertian *Al-Musyārahah* (*Al-Syirkah*)

Secara etimologi *al-syirkah* merupakan kata terbitan daripada kata: **شَرَكَ** yang

شَرَكَ yang membawa maksud satu perjanjian yang dimeterai antara dua

orang atau lebih untuk melakukan sesuatu kerja secara bersama. Manakala *al-*

musyārahah pula adalah kata terbitan daripada kata: **شَرِكٌ** yang

memberi makna berkongsi sesuatu dan mempunyai bahagian dan habuan tertentu.²⁸²

Al-syirkah juga dibaca dengan *al-syarikah* dan *al-syarakah*.²⁸³ Al-Laith berkata, *al-syirkah* bermakna percampuran dua rakan kongsi.²⁸⁴ Ianya membawa makna yang sama iaitu percampuran dua ahli kongsi.²⁸⁵ Perkataan *al-syirkah* juga membawa maksud *ikhtilāf* yang bermakna percampuran pada harta atau sekutu atau yang lain.²⁸⁶ Ia juga memberi erti percampuran kepada salah satu harta dengan harta lain sehingga tidak dapat dibezakan antara kedua-duanya.²⁸⁷

²⁸¹ Al-Zuhaylī (1986), *op.cit.*, h. 864; lihat juga Muhammad Daud Abu Bakar (1997), *op.cit.*, h. 215

²⁸² Aḥmad Al-Āyid (1999), *al-Muʿjam al-ʿArabī al-Asāsī*. Al-Munazzamah al-ʿArabiyyah li al-Tarbiyah wa al-Thaqāfah wa al-ʿUlūm. Kaherah: Jāmiʿat Al-Duwal al-ʿArabiyyah, h. 684.

²⁸³ Al-Khaṭīb (1958), *op.cit.*, Jil. 3, h. 221.

²⁸⁴ Abū Maṣṣūr Al-Azhari (2001), *Muʿjam Tahdhīb al-Lughah*. Jil. 2. Beirut: Dār al-Maʿrifah, h. 1865.

²⁸⁵ Ibn Maṣṣūr (1994), *op.cit.*, Jil. 2, h. 333

²⁸⁶ ʿAbdul-ʿAzīz al-Khayyāt (1988), *al-Syirkah fī al-Syarīʿah al-Islāmiyyah*, Juz 1, Cet. 3. Beirut: Muʿassasah al-Risālah, h. 23.

²⁸⁷ Al-Zuhaylī (1981), *op.cit.*, Jil. 4, h. 792; Al-Nawawī (1985), *op.cit.*, juz 3, h. 507.

Mengikut istilah syarak *al-musyārah* adalah kontrak perkongsian antara pihak pemilik modal atau lebih secara bersama berkongsi usaha bagi menjalankan sesuatu perniagaan atau pelaburan dimana mereka sama-sama bersetuju untuk menyumbangkan modal dan berkongsi untung dan rugi mengikut sumbangan modal masing-masing.²⁸⁸

Walau bagaimanapun fuqaha memberi banyak definisi tentang *al-syirkah*:

1. Mazhab Hanafi: satu istilah kontrak antara rakan kongsi yang berkongsi ke atas modal dan keuntungan.²⁸⁹
2. Mazhab Maliki: keizinan yang saling diberikan oleh setiap ahli rakan kongsi untuk menguruskan modal dan pengekelan hak mengurus bagi setiap rakan kongsi.²⁹⁰
3. Mazhab Syafi'i: kontrak yang berlaku antara dua orang atau lebih untuk sama-sama berjanji akan bekerjasama dalam perniagaan dengan menyerahkan modal masing-masing dimana keuntungan dan kontrak dikira mengikut sumbangan modal.²⁹¹
4. Mazhab Hanbali: kontrak bersekutu antara dua pihak atau lebih bagi mendapatkan hak dan pengurusan.²⁹²

Namun demikian, semua definisi di atas menunjukkan bahawa setiap kombinasi modal bagi suatu perniagaan untuk mendapatkan keuntungan dinamakan *al-syirkah*.²⁹³

²⁸⁸ Al-Zuhaylī (1981), *op.cit.*, Jil. 4, h. 792.

²⁸⁹ Al-Zaila'ī (2000), *Tabayīn al-Haqā'iq*. Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah, h. 234; Ibn ʿAbidīn (1966) *op.cit.*, Jil. 6, h. 45; Ibn Rusyd (1981), *op. cit.*, Jil. 5, h. 186.

²⁹⁰ Al-Khaṭīb (1958), *op.cit.*, Jil. 3, h. 223.

²⁹¹ Al-Māwardī (1994), *al-Ḥāwī al-Kabīr*. Jil. 8. Beirut: Dār al-Fikr, h. 152; Al-Ramlī (1938) *op.cit.*, Jil. 8, h. 3; Al-Nawawī (1980), *al-Majmūʿ*. Jil. 14, h. 5; Sulaymān Ibn ʿUmar Ibn Maṣṣūr Al-ʿAjlī (1996), *Ḥāsiyah al-Jumal ʿalā Syarḥ al-Minhāj*. Juz 5. Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah, h. 269. Muṣṭafā Al-Khin (1998), *al-Fiqh al-Manhajī ʿalā Madhhab al-Imām al-Syāfiʿī*. Juz 3. Damsyiq: Dār al-Qalam, h. 217.

²⁹² Ibn Qudāmah (1981), *op.cit.*, Jil. 5, h. 3; Muḥammad Ibn ʿAbdullāh Al-Zarkasyī (1993), *Syarḥ al-Zarkasyī ʿalā Mukhtaṣar al-Kharqī*. Jil. 4. Riyadh: Maktabah al-ʿUbaikān, h. 124.

²⁹³ Muhammad Kamal Azhari (1993), *Bank Islam: Teori dan Praktik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 78.

4.3.2 Pensyariatan *Al-Musyārah*

Pensyariatan *al-musyārah* sabit dengan al-Qur'an, al-Sunnah dan Ijmak.

A. Dalil Al-Qur'an:

Firman Allah s.w.t.:

فَإِنْ كَانُوا أَكْثَرَ مِنْ ذَلِكَ فَهُمْ شُرَكَاءُ فِي الثُّلُثِ.

"Jika jumlah mereka lebih banyak lagi, maka mereka bersekutu pada bahagian sepertiga."

(QS. Al-Nisā' [4]: 12).

Dan firman Allah s.w.t. lagi:

وَإِنَّ كَثِيرًا مِنَ الْخُلَطَاءِ لَيَبْغِي بَعْضُهُمْ عَلَى بَعْضٍ إِلَّا الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَقَلِيلٌ مَا هُمْ .

"Dan sesungguhnya kebanyakan daripada orang-orang yang bersekutu itu sebahagian mereka berbuat zalim kepada sebahagian yang lain, kecuali orang-orang yang beriman dan mengerjakan amal yang saleh."

(QS. Şād [38]: 24).

B. Dalil Al-Sunnah:

Hadith yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. meriwayatkan yang Allah s.w.t. berfirman:

أَنَا ثَالِثُ الشَّرِيكَيْنِ مَا لَمْ يَخُنْ أَحَدُهُمَا صَاحِبَهُ فَإِذَا خَانَهُ خَرَجْتُ مِنْ بَيْنِهِمَا .

*"Aku adalah orang ketiga bersama-sama dengan rakan kongsi, selama masing-masing mereka tidak mengkhianati yang lain. Jika salah seorang mengkhianati yang lain, maka Aku meninggalkan (khiyar) mereka berdua."*²⁹⁴

Baginda Rasulullah s.a.w. pula bersabda:

يَدُ اللَّهِ عَلَى الشَّرِيكَيْنِ مَا لَمْ يَتَخَوَّنَا.

*"Tangan Allah di atas dua rakan kongsi selama kedua-duanya tidak berkhianat."*²⁹⁵

C. Dalil Ijmak:

Para ulama pula telah menyatakan bahawa terdapat persepakatan para ulama dalam kesahihan akad *al-musyarakah* secara umumnya kerana melalui prinsip ini manusia boleh bantu membantu dalam mengembangkan harta mereka serta dapat mendirikan syarikat perusahaan yang besar.²⁹⁶

4.3.3 Pembahagian *Al-Musyarakah*:

Kepelbagaian bentuk transaksi dan aktiviti yang berlaku di antara mereka yang terlibat dalam perkongsian akad *al-syarikah* menyebabkan ia diklasifikasikan kepada beberapa

²⁹⁴ Abū Dāwūd (1999), *op.cit.*, bab *al-Syirkah*, No. 3383, kitab *al-Buyūc*. Jil. 4, h. 1470. Al-Mundhirī (1978), *al-Targhīb wa al-Tarhīb*. Jil. 1. Beirut: Dār Maktabah al-Hayat, h. 326.

²⁹⁵ Al-Bukhārī (1981) *op.cit.*, kitab *al-Syirkah* bab *al-Isytirāk fī al-Dzāhab wa al-Fiḍḍah wa mā yakūnu fī al-Ṣarf*. No. 2498. Jil. 6, h. 290.

²⁹⁶ Sayyid Sābiq (1971), *op.cit.*, h. 175.

kategori. Namun pada asalnya kontrak perkongsian ini terbahagi kepada dua bentuk, iaitu:

A. *Syarikah Al-Amlāk*²⁹⁷

Syarikah al-amlāk bermaksud dua orang atau lebih yang menjadi pemilik bagi suatu usaha tanpa melalui kontrak *al-syarīkah*.²⁹⁸ Ia merujuk kepada pemilikan bersama dan ia wujud apabila dua orang atau lebih secara kebetulan memiliki modal bersama ke atas aset-aset tertentu tanpa melibatkan sebarang perjanjian perkongsian yang formal.²⁹⁹ Jenis *syarikah* ini dibahagikan pula kepada dua bahagian iaitu:³⁰⁰

1. *Syarikah Ikhtiyāriyyah*, iaitu pembelian bersama yang oleh dua orang bagi sesuatu benda atau hadiah yang diberikan kepada dua orang atau dua orang yang menyatukan harta masing-masing sehingga harta itu tidak dapat dibezakan antara satu dengan yang lain.
2. *Syarikah Ijbāriyyah*, iaitu perkongsian yang terjadi antara dua orang atau lebih secara terpaksa tanpa ada sebarang upaya untuk memilikinya seperti harta warisan dimana para ahli waris berkongsi pemilikan harta tanpa sebarang upaya. Dalam perkongsian seperti ini, masing-masing pihak tidak dibenarkan mengelola bahagian pihak lain tanpa seizinnya kerana ia tiada hak mengambil alih bahagian orang lain seperti halnya orang asing.³⁰¹

²⁹⁷ Al-Jazirī (1986), *op. cit.*, Jil. 3, h. 51; Al-Sarakhsī (1978), *op. cit.*, Jil. 11, h. 151.

²⁹⁸ Al-Zuhaylī (1981), *op. cit.*, Jil. 4, h. 797.

²⁹⁹ M. Umer Chapra (1990), *Ke Arah System Kewangan Islam Yang Adil*, Terj. Oleh Ismail b. Omar. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 459.

³⁰⁰ Al-Zaila'ī (2000), *op.cit.*, h. 234-235.

³⁰¹ Al-Kasānī (t.t.), *op. cit.*, Jil. 6, h. 85.

Hukum bagi kedua jenis *syarikah al-amlāk* adalah sama iaitu setiap rakan kongsi adalah seperti orang asing dalam mengurus dan menentukan bahagian rakan kongsi. Rakan kongsi tidak boleh menjalankan aktiviti mengurus bahagian modal dan harta rakan kongsi tanpa izin. Ini kerana hakikat sebenar sesuatu pengurusan ialah pemilikan dan wilayah. Namun dalam *syarikah al-amlāk* tidak ada hubungan pemilikan dan wilayah di antara sesama rakan kongsi.³⁰²

B. *Syarikah Al-ʿUqūd*

Syarikah ini boleh dianggap sebagai satu perkongsian sebenar disebabkan pihak-pihak yang berkenaan telah secara rela hati membuat perjanjian kontrak bagi tujuan melaksanakan pelaburan bersama dan sama-sama menikmati keuntungan serta menanggung risiko. Seperti dalam prinsip *al-muḍārabah* keuntungan boleh dibagikan mengikut pecahan-pecahan yang dipersetujui dengan cara yang adil dan kerugian pula mesti ditanggung mengikut bahagian sumbangan modal. Jenis *syarikah* ini terbahagi kepada empat jenis:³⁰³

1). *Syarikah Al-Mufāwadah*. Iaitu perkongsian yang terjadi kerana persamaan modal, keuntungan dan keupayaan dalam pengurusan di kalangan rakan kongsi. Konsep sebenar *syarikah al-mufāwadah* ialah perkongsian yang merangkumi prinsip perwakilan dan penjaminan. Rakan kongsi merupakan wakil dan penjamin kepada rakan

³⁰² Al-Sarakḥṣī (1978), *op. cit.* Jil. 11, h. 151; Al-Kasānī (t.t.), *op. cit.*, Jil. 6, h. 99.

³⁰³ Al-Zailaʿī (2000), *op.cit.*, h. 235; Ibn ʿĀbidīn (1966), *op. cit.*, Jil. 6, h. 468.

kongsinya.³⁰⁴ *Syarikah* ini terbentuk apabila dua orang yang sepadan dari segi harta, keistimewaan dan keyakinan agama berkongsi sama dalam satu usaha lalu keduanya memberi kesungguhan secara timbal balik dalam perniagaan perkongsian itu tanpa had atau larangan.³⁰⁵

Seseorang yang menyertai perkongsian ini menyerahkan modal kepada rakan kongsi mereka agar menjalankan aktiviti pengembangan modal dan urusanniaga secara bebas yang meliputi keseluruhan operasi seperti sewaan, jual beli, jaminan hutang dan lain-lain. Yusof Kamal Muhammad melabelkan *syarikah* ini sebagai *syarikah* kekeluargaan berdasarkan transaksinya yang tidak mungkin terjadi kecuali dijalankan secara bersama seperti satu keluarga.³⁰⁶

Hukum *syarikah al-mufāwadah* menjadi topik perselisihan pendapat di kalangan fuqaha. Para fuqaha di kalangan mazhab Hanafi, Maliki dan Hanbali mengharuskan aktiviti syarikat ini walaupun penjelasan mengenai keharusannya berbeza bagi setiap mazhab.³⁰⁷ Sementara fuqaha mazhab Syafi'i pula melarang transaksi syarikat jenis ini.³⁰⁸

2). *Syarikah Al-ʿInan*. *Al-ʿinān* (شريك) diambil dari *ʿanna* (ʿanna) yang bermaksud dibentangkan. Ia disebut *al-ʿinān* kerana setiap rakan kongsi membentangkan kepada

³⁰⁴ Al-Zailaʿī (2000), *op.cit.*, h. 235; Ibn ʿĀbidīn (1966), *op. cit.*, Jil. 6, h. 468.

³⁰⁵ Al-Zuhaylī (1989), *op. cit.*, h. 796.

³⁰⁶ Yūsuf Kamāl Muḥammad (2001), *Kaifa Nufakkiru Istirāṭijīyyan; Usus al-Iqtisād al-Islāmī*. Kaherah: Dār al-Tawzīʿ wa al-Nasyr al-Islāmiyyah, h. 169.

³⁰⁷ Al-Sarakḥṣī (1978), *op. cit.*, Jil. 11, h. 153; Ibn Rusyd (1981), *op. cit.*, Jil. 4, h. 1398; Ibn Qudāmah (1981), *op. cit.*, Jil. 5, h. 19.

³⁰⁸ Al-Khaṭīb (1958), *op. cit.*, Jil. 3, h. 223. Al-Syīrāzī (t.t.), *op. cit.*, Jil. 2, h. 158. Al-Nawawī (1980), *op. cit.*, Jil. 2, h. 155.

rakannya supaya berkongsi dengannya.³⁰⁹ *syarikah al-^cinān* merupakan perkongsian modal dan usaha di antara dua orang atau lebih untuk menjalankan perniagaan dimana keuntungan akan dikongsi secara bersama.³¹⁰ Modal yang disediakan oleh setiap rakan kongsi tidak semestinya sama, dan keuntungan mahupun kerugian yang didapati diagihkan kepada mereka mengikut nisbah yang dipersetujui.³¹¹

Amalan dan operasi *syarikah al-^cinān* berlaku sama ada pada sesetengah atau semua jenis muamalat perdagangan.³¹² Ia merupakan kontrak yang menjadi kelaziman kepada mereka yang berakad untuk menyediakan modal pada kadar tertentu dan keuntungan dibagi berdasarkan kesepakatan mengikut kadar yang dilaburkan. Kelangsungan amalan *syarikah al-^cinān* terbina atas dua konsep utama iaitu *al-wakālah* dan *al-amānah*.³¹³

Dalam aplikasinya *syarikah al-^cinān* memiliki beberapa empat syarat:

- A. *Ṣīghat*. Iaitu lafaz kontrak yang dilafazkan secara jelas oleh setiap rakan kongsi kepada kongsi yang lain. Lafaznya hendaklah menunjukkan kebenaran untuk menjalankan usaha berkaitan dengan peniagaan dan pelaburan.
- B. Berkelayakan sebagai wakil. Setiap rakan kongsi mestilah berakal, baligh dan tidak ditahan daripada menggunakan harta. Ini kerana setiap rakan kongsi akan menggunakan harta syarikat yang sebahagiannya adalah hartanya sendiri. Dia juga

³⁰⁹ Al-Khaṭīb (1958), *op. cit.*, Jil. 3, h. 223. Al-Nawawī (1980), *op. cit.*, Jil. 2, h. 155. Al-Māwardī (1994), *op. cit.*, Jil. 8, h. 157.

³¹⁰ Al-Rāfiʿī (1991), *al-^cAzīz bi Syarḥ al-Wajīz*, Jil. 5. Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah, h. 186.

³¹¹ Ibn Qudāmah (1981), *op. cit.*, Jil. 4, h. 11.

³¹² Al-Sarakḥṣī (1978), *op. cit.*, Jil. 11, h. 152.

³¹³ Al-Zailaʿī (2000), *op. cit.*, h. 500. Al-Khaṭīb (1958), *op. cit.*, Jil. 3, h. 14.

akan menggunakan harta rakan kongsi sebagai wakil. Dengan ini, masing-masing akan menjadi wakil dan dalam waktu yang sama sebagai pewakil.³¹⁴

- C. Modal yang dikongsi hendaklah harta yang sama. Hal ini bermakna bahawa jika harta telah dicampurkan ia tidak boleh dibezakan antara satu sama lain. Dan menggabungkan modal syarikat sebelum akad sebaik sahaja setiap rakan kongsi bersetuju mewujudkan kontrak syarikat mereka perlu mengemukakan harta masing-masing yang boleh dijadikan sebagai modal syarikat.³¹⁵
- D. Menetapkan keuntungan dan kerugian mengikut nisbah modal. Ini kerana keuntungan adalah hasil pelaburan modal dan kerugian juga disebabkan kerugian daripada modal. Tidak sah meletakkan syarat supaya salah seorang rakan kongsi menerima keuntungan atau kerugian yang lebih daripada nisbah modalnya.³¹⁶

3. *Syarikah Al-A^cmāl*. Syarikat ini juga dikenali sebagai *syarikah al-abdān*, *syarikah al-ṣinā^cī* dan *syarikah al-taqābul*.³¹⁷ Ini merupakan satu perkongsian dimana pekongsi-pekongsi hanya menyumbangkan kemahiran dan usaha mereka kepada pengurusan suatu perniagaan tanpa menyumbangkan sebarang modal.³¹⁸ Jenis *syarikah* ini diwujudkan apabila dua orang atau lebih bersetuju untuk menjalankan tugas tertentu dengan syarat bahawa ganjaran yang diagihkan mengikut nisbah yang dipersetujui.³¹⁹

Wahbah al-Zuhayli mendefinisikan *syarikah* ini sebagai kontrak perkongsian dalam suatu kerja atau modal tertentu yang terhasil disebabkan oleh sesuatu kerja atau

³¹⁴ Ibn Qudāmah (1981), *op. cit.*, Jil. 4, h. 15

³¹⁵ Al-Māwardī (1994), *op. cit.*, Jil. 8, h. 163

³¹⁶ Al-Syirāzī (t.t.), *op. cit.*, Jil 2, h. 157. Al-Khin (1998), *op. cit.*, Jil. 3, h. 224-225.

³¹⁷ Al-Sarakhsī (1978), *op. cit.*, h. 154.

³¹⁸ M. Umer Cahpra (1990), *op.cit.*, h. 268.

³¹⁹ Muhammad Kamal Azhari (1993), *op.cit.*, h. 80.

usaha yang dilakukan oleh fizikal mereka. Sementara keuntungan dikongsi antara mereka berdasarkan nisbah kerja yang dilakukan oleh mereka. Syarikat ini juga dinamakan syarikat perkongsian kerja atau buruh kerana anggota syarikat tidak menyumbangkan modal.³²⁰

4). *Syarikah Al-Wujūh*. Iaitu *syarikah* yang berlaku apabila ia dianggotai oleh dua orang dari kalangan mereka yang mempunyai kedudukan dan pengaruh dalam masyarakat. Mereka secara bersama atau berasingan membeli sesuatu barangan secara hutang dan menjual barangan tersebut secara tunai. Keuntungan akan diagih secara sama rata di antara rakan kongsi mengikut persetujuan yang dicapai. Melalui transaksi syarikat ini setiap rakan kongsi menjadi penjamin kepada rakan kongsi yang lain.³²¹

Syarikat ini disebut *syarikah al-wujūh* kerana setiap anggota perkongsian tidak akan mampu membeli barangan secara hutang tanpa memiliki kedudukan dan nama yang baik di sisi masyarakat. Prestij dan kehormatan yang dimiliki inilah yang menyebabkan mereka berkesempatan membeli secara hutang.³²²

4.3.4 Hukum Al-Musyārakah

Para ulama bersepakat memutuskan bahawa akad *syirkah al-ʿinān* sah di sisi syarak. Namun mereka berselisih pendapat dalam menentukan hukum bagi *syarikah al-mufāwāḍah*, *al-abdān* dan *al-wujūh*.³²³

³²⁰ Al-Zuhaylī (2001), *op.cit.*, h. 223.

³²¹ Ibn Qudāmah (1981), *op. cit.*, Jil. 5, h. 4.

³²² Al-Kasānī (t.t.), *op. cit.*, h. 94.

³²³ Al-Zuhaylī (1981), *op. cit.*, Jil. 4, h. 795.

Syafi'iyah, Zahiriyah dan Imamiyah berpendapat hanya *syirkah al-^cinān* sahaja yang sah. Imam Syafi'i berpegangan kepada perkongsian yang hanya berkaitan dengan modal atau harta bukannya dengan usaha kerana sesebuah usaha tidak dapat ditentukan batas-batasnya dengan jelas. Perkara ini akan menimbulkan kesamaran dan penipuan disebabkan usaha yang belum tentu sama dan wujud pihak yang tidak menyumbangkan modal sedangkan keuntungan akan dinikmati bersama. Dalam hal ini kemungkinan termakan hak orang lain dengan yang batil adalah besar.³²⁴

4.4 PEMBATALAN AKAD *AL-MUḌĀRABAH* DAN *AL-MUSYĀRAKAH*

Sebagaimana yang telah dibincangkan bahawa sifat kontrak *al-muḌĀRABAH* dan *al-musyārakah* adalah tidak statik. Usaha-usaha pelaburan di antara rakan kongsi, pelabur dan pengusaha akan berada pada titik noktahnya apabila berlaku sebab-sebab yang boleh membawa kepada pembatalan kontrak yang telah dimeterai. Di sini akan diuraikan lima perkara yang dapat menamatkan kontrak *al-muḌĀRABAH* dan *al-musyārakah*.

1). Pembatalan Dari Salah Satu Pihak.

Akad *al-muḌĀRABAH* dan *al-musyārakah* akan terbatal apabila ada pembatalan dari salah satu pihak. Pembatalan kontrak salah satu pihak hendaklah tidak memberi impak yang negatif kepada pihak lain. Islam melarang keras semua perkara yang membawa kepada kemudharatan diri dan orang lain.³²⁵

2). Salah Seorang Yang Berakad Meninggal Dunia

³²⁴ Al-Zaila^cī (2000), *op.cit.*, h. 257; Al-Khin (1998), *op. cit.*, Jil. 3, h. 227.

³²⁵ Al-Kasānī (t.t.), *op.cit.*, Jil. 6, h. 169; Ibn Qudāmah (1981), *op.cit.*, Jil. 5, h. 40.

Jumhur fuqaha berpendapat,³²⁶ jika salah seorang pihak yang berakad meninggal dunia sama ada pengusaha atau pemodal, maka dengan sendirinya akad *al-muḍārabah* menjadi batal. Ini kerana akad *al-muḍārabah* berkonsepkan akad *al-wakālah* yang membatalkan kuasa perwakilan dengan kematian salah seorang dari dua pihak yang berakad.³²⁷ Akad *al-muḍārabah* dengan sendirinya akan menjadi batal sama ada pengusaha atau pemodal mengetahuinya atau tidak. Ini kerana kematian adalah pelucutan kuasa secara semula jadi.³²⁸

Imam Malik pula berpendapat bahawa akad *al-muḍārabah* tidak terbatal dengan wafatnya salah seorang yang berakad kerana ia boleh diwarisi oleh ahli warisnya. Sekiranya ia mempunyai anak maka anaknya boleh sebagai ahli waris bagi meneruskan akad *al-muḍārabah*. Ahli waris tersebut disyaratkan harus amanah. Kedudukan ahli waris adalah sama dengan orang yang membuat perjanjian pada awal akad *al-muḍārabah* yang telah disetujui.³²⁹

3). Salah Seorang Yang Berakad Menjadi Gila

Jika salah seorang yang melakukan akad *al-muḍārabah* menjadi gila secara alamiah, maka akad *al-muḍārabah* dengan sendirinya menjadi batal.³³⁰ Hal ini disebabkan pihak berkenaan hilang kelayakan bagi mentadbir atau mengurus harta.³³¹ Manakala larangan

³²⁶ Al-Syīrāzī (t.t), *op.cit.*, h. 509; Al-Kasānī (t.t), *op.cit.*, Jil. 9, h. 3662; Al-Ramlī (1938), *op.cit.*, h. 237. Al-Marghinānī (t.t), *op.cit.*, h. 208; Ibn Qudāmah (1981), *op.cit.*, h. 172-173; Al-Māwardī (t.t), *op.cit.*, h. 130.

³²⁷ *Al-Wakālah* menurut fuqaha Syafi'iyah adalah penyerahan atau pendelegasian atau pemberian mandat untuk melimpahkan kekuasaan oleh seseorang kepada yang lainnya dalam hal yang diwakilkan. Lihat Sayyid Sābiq (1987), *op.cit.*, h. 213; Al-Zuhaylī (1989), *op.cit.*, h. 72.

³²⁸ Al-Kasānī (t.t), *op.cit.*, h. 3662; Al-Zuhaylī (1989), *op.cit.*, h. 312.

³²⁹ Ibn Rusyd (1981), *op.cit.*, h. 193-194.

³³⁰ Al-Syīrāzī (t.t), *op.cit.*, h. 509; Al-Kasānī (t.t), *op.cit.*, Jil. 9, h. 3662.

³³¹ Al-Kasānī (t.t), *op.cit.*, h.3662; Al-Ramlī (1938), *op.cit.*, h. 237; Ibn Qudāmah (1981), *op.cit.*, h. 172-173.

mengurusi harta bagi mereka yang tidak cerdas (dungu) adalah tidak batal menurut pandangan mazhab Hanafi.³³²

4). Berlakunya Kerosakan Pada Modal Perkongsian

Akad *al-muḍārabah* dan *al-musyārah* akan terbatal sekiranya modal kedua-dua pihak atau salah satu daripadanya rosak. Kedua akad ini juga akan terbatal jika berlaku kerosakan atau kehilangan pada modal kerana musibah seperti, bencana alam, banjir, kecurian dan musibah lainnya.³³³ Sekiranya harta itu rosak dengan sebab perbuatan khianat pengusaha atau rakan kongsi, maka kontraknya terbatal dan harta yang musnah wajib diganti bagi akad *al-musyārah* sebagaimana dalam akad *al-waḍ'ah*.³³⁴

5). Salah Seorang Rakan Kongsi Murtad

Jika pemilik harta atau rakan kongsi menjadi murtad lalu mati atau dibunuh kerana murtad ataupun dia lari ke negara musuh menurut keputusan muktamad dari qadi. Kedudukan sedemikian adalah sama seperti kematian, justeru kelayakan mengurus harta hilang kerana kematian. Namun jika yang murtad adalah pengusaha maka akad *al-muḍārabah* dan segala urusan pelaburan serta pulangan yang diperolehi daripada

³³² Ibn ʿĀbidīn (1966), *op.cit.*, Jil. 5., h. 654; Al-Zuhaylī (1989), *op.cit.*, h. 873.

³³³ Al-Nawawī (1980), *op.cit.*, h. 74; Al-Kasānī (t.t.), *op.cit.*, h. 3664; Al-Syīrāzī (t.t.), *op.cit.*, h. 509; Al-Khaṭīb (1958), *op.cit.*, h. 319; Ibn Qudāmah (1981), *op.cit.*, h. 168.

³³⁴ Al-Zuhaylī (1989), *op.cit.*, Jil. 5, h. 3967.

pelaburan adalah tetap berlaku. Dan keuntungan yang diperolehi dikongsi sama di antara mereka menurut kesepakatan semasa akad.³³⁵

4.5 KESIMPULAN

Bab ini menjelaskan dua teori amalan akad *al-muḍārabah* dan *al-musyārah*. Dalam kitab fiqh klasik menjelaskan bahawa amalan *al-muḍārabah* melibatkan dua orang yang berakad atau lebih; satu pihak disebut dengan *ṣāhib al-māl* dan pihak lainnya disebut sebagai *muḍārib*. Selain itu, amalan *al-muḍārabah* yang dijelaskan dalam kitab-kitab fiqh klasik dalam bidang tertentu sahaja seperti bidang perniagaan.

Amalan *al-muḍārabah* semasa pula tidak hanya dilakukan pada bidang perniagaan sahaja tetapi sudah membabitkan institusi kewangan dalam usaha kegiatan ekonomi. Selain itu, akad *al-muḍārabah* moden tidak hanya melibatkan dua orang yang berakad atau lebih, tetapi ia melibatkan berbagai-bagai institusi kewangan seperti perbankan Islam, Insurans Islam dan institusi lainnya.

Manakala prinsip *al-musyārah* pula merupakan kontrak perkongsian yang berlandaskan syariah untuk mengelak dan menandingi sistem perkongsian konvensional dalam semua keadaan.

Dengan demikian, prinsip *al-muḍārabah* dan *al-musyārah* dilihat sebagai prinsip yang tepat dalam mengurus dan mengagih sumber kekayaan umat menuju kesejahteraan dunia dan kebahagiaan akhirat.

³³⁵ Al-Sarakhsī (1978), *op.cit.*, Jil. 22, h. 126.

BAB 5

APLIKASI AL-MUḌĀRABAH DAN AL-MUSYĀRAKAH
DALAM PRODUK-PRODUK BANK MUAMALAT INDONESIA
DI JAKARTA

5.1 PENGENALAN

Bank Muamalat Indonesia (BMI) merupakan institusi perbankan yang pertama menawarkan perkhidmatan operasi berdasarkan prinsip syariah di Indonesia. Dalam operasinya, BMI menawarkan produk penghimpunan dan yang meliputi akaun simpanan *wadī'ah*, akaun simpanan *muḍārabah* dan akaun semasa *muḍārabah*.

Di samping itu, BMI juga menawarkan produk penyaluran dana yang meliputi jual beli dengan menggunakan akad *al-murābahah*, *al-salam* dan *al-istiṣnā'* serta pembahagian hasil dengan menggunakan akad *al-muḍārabah* dan *al-musyārahah*.

Pelbagai perkhidmatan juga turut diamalkan oleh BMI seperti akad pemberian kuasa dari satu pihak kepada pihak lain menurut ketentuan tertentu menerusi akad *al-wakālah*, jual beli wang asing mengikuti akad *al-ṣarf*, khidmat ATM dan *phone banking* 24 jam serta khidmat pembayaran zakat, infak dan sedekah.³³⁶

Namun yang akan diuraikan dalam bab ini adalah produk-produk BMI berdasarkan akad *al-muḍārabah* dan *al-musyārahah* sama ada produk penghimpunan dana mahupun produk penyaluran dana atau pembiayaan.³³⁷

5.2 AL-MUḌĀRABAH DAN AL-MUSYĀRAKAH SEBAGAI INSTRUMEN SISTEM PERKONGSIAN UNTUNG DAN RUGI OLEH BANK MUAMALAT INDONESIA

Salah satu instrumen penting dan paling popular dalam amalan Bank Muamalat Indonesia (BMI) adalah amalan yang berdasarkan sistem "perkongsian untung dan

³³⁶ Temubual dengan Direktur Muamalat Institute, Prof. H. Amir Batubara di Ibu Pejabat Bank Muamalat Indonesia, Jakarta, pada tarikh 15 Januari 2007.

³³⁷ Suhrawardi K. Lubis (2000), *Hukum Ekonomi Islam*, Cet. 2. Sinar Grafika: Jakarta, h. 60-64.

rugi". Sistem ini diamalkan pada dua prinsip syariah iaitu *al-muḍārabah* dan *al-musyārahah*.

Akad *al-muḍārabah* adalah kontrak kerjasama antara pemodal (*ṣāhib al-māl*) dengan pengusaha (*muḍārib*) untuk melakukan suatu usaha dengan keuntungan yang dikongsi sama menurut kesepakatan di awal akad. Dalam aplikasi perbankan, pelanggan sebagai pemodal dan Bank Islam sebagai pengusaha.

Manakala akad *al-musyārahah* adalah kontrak kerjasama antara dua orang atau lebih untuk suatu usaha di mana masing-masing pihak yang berkongsi memberi sumbangan modal dan kerja dengan ketentuan bahawa keuntungan dibahagikan menurut nisbah yang telah disepakati sebelumnya sedangkan kerugian akan ditanggung oleh setiap pihak yang berkongsi menurut sumbangan modal yang disertakan dalam usaha tersebut.³³⁸

Mengamanahkan wang di BMI bukan sekadar menyimpan atau menitipkan sahaja. Wang tersebut akan dilaburkan secara berkeluasan untuk membiayai pelbagai usaha yang halal dan memberi manfaat kepada ummat. Pembahagian untung yang akan diperolehi dalam setiap bulannya merupakan bahagian daripada keuntungan yang diperolehi BMI dalam usahanya.³³⁹

Buat masa sekarang, BMI mengagihkan keuntungan secara penuh dan adil sesuai dengan kadar nisbah yang telah disepakati. Setiap akhir bulan BMI akan

³³⁸ Muhammad Syafi'i Antonio (2000), *op.cit.*, h. 95-98.

³³⁹ Lihat http://www.muamalatbank.com/propil/sejarah_Ind.asp?gito=profil. Akses pada 17 Februari 2008.

menghitung pendapatan yang berasal daripada wang pelanggan kemudian mengagihkannya sesuai dengan kadar nisbah yang telah disepakati.

Kejelasan ketentuan sistem perkongsian untung adalah bersifat mutlak dan mesti dilakukan. Kerana dengan kejelasan sistem ini dapat meningkatkan kepercayaan pelanggan. Salah satu aplikasi kejelasan ketentuan perkongsian untung Bank Islam adalah pembuatan rekod perkongsian untung kepada semua pendeposit secara rutin dalam setiap bulan. Di antara rekod perkongsian untung yang direkodkan adalah jumlah pendapatan yang diterima bank dalam satu bulan yang akan mempengaruhi kadar keuntungan dan bahagian yang akan diterima pendeposit.³⁴⁰

Instrumen yang meliputi ketentuan perkongsian untung dalam sesebuah usaha adalah antara pemodal dengan pengusaha. Perkongsian untung dalam usaha ini dapat terjadi antara bank dengan penyimpan dana atau antara bank dengan pengusaha.

Peratusan yang berpatutan untuk sistem perkongsian untung adalah dihitung berdasarkan jumlah keuntungan usaha yang diperolehi pelanggan dan bukan dari jumlah modal yang dipinjam pelanggan. Sementara menentukan keuntungan yang pasti dan ditetapkan dimuka adalah tidak diperkenankan kerana keuntungan di muka hanya diperkenankan pada akad jual beli melalui kredit kepemilikan barang.

Dalam sistem perbankan Islam perkara yang berkaitan dengan pembahagian keuntungan dari sesebuah usaha mesti ditentukan di awal akad, di mana yang ditentukan adalah kadar peratusan bahagian masing-masing pihak seperti 60% untuk pemodal dan 40% bagi pengusaha atau kadar peratusan yang lain.³⁴¹

³⁴⁰ Zainul Bahar Noor (2006), *op.cit.*, h. 265-268.

³⁴¹ Tim Pengembangan Perbankan Islam (2001), *Prospek Bank Islam Di Indonesia*. Jakarta: Bank Indonesia, h. 268.

Jika dalam akad ditentukan bahawa nisbah simpanan *al-muḍārabah* adalah 40% untuk bank sebagai pengusaha dan 60% untuk pelanggan sebagai pemodal, maka jika pengagihan pendapatan untuk *al-muḍārabah* adalah Rp 19.800.000.00 sehingga pengagihan keuntungan yang akan diagihkan kepada pelanggan yang memiliki simpanan *al-muḍārabah* adalah $60\% \times \text{Rp } 19.800.000.00$ iaitu Rp 11.880.000.00. Jika nisbah pelaburan *al-muḍārabah* selama 12 bulan adalah 75% untuk pelanggan sebagai pelabur dan 25% untuk bank sebagai pengusaha, sementara pengagihan pendapatan untuk pelaburan *al-muḍārabah* selama 12 bulan adalah Rp 18.000.000.00 maka bahagian yang diagihkan kepada para pelabur *al-muḍārabah* selama 12 bulan adalah $75\% \times \text{Rp } 18.000.000.00$ iaitu Rp 13.500.000.00.³⁴²

5.3 PRODUK PENGHIMPUNAN DANA BERASASKAN AL-MUḌĀRABAH

Produk penghimpunan dana berasaskan prinsip *al-muḍārabah* yang ditawarkan BMI di Jakarta kepada para pelanggan sebagai modal bank dalam melakukan aktiviti dan operasinya diaplikasikan dengan menawarkan akaun simpanan dan akaun semasa.³⁴³

5.3.1 Akaun Simpanan

³⁴² Brosur Bank Muamalat Indonesia, Jakarta (2008), Tim Marketing BMI, h. 2.

³⁴³ Temubual dengan Ketua Riset Muamalat Institute, H. A. Nuryadi Asmawi, L.LB, MA, di Ibu Pejabat Bank Muamalat Indonesia, Jakarta, pada tarikh 16 Mei 2007; Karnaen Anwar Perwataatmajdja (1992), h. 94-95; Lihat juga sejarah Bank Muamalat Indonesia pada http://www.muamalatbank.com/profil/sejarah_Ind.asp. Akses pada 17 Februari 2008.

Jenis akaun simpanan yang ditawarkan oleh Bank Muamalat Indonesia kepada pelanggan ada tiga iaitu akaun simpanan umat, akaun simpanan shar-e dan akaun simpanan haji arafah.

1 Akaun Simpanan Ummat:

Akaun simpanan ummat adalah jenis simpanan wang dari pelanggan kepada BMI yang bersifat pelaburan dan penarikannya tidak dapat dilakukan setiap saat namun berdasarkan kesepakatan. Dalam pelaburan ini bank dipersyaratkan untuk memberi bahagian perkongsian untung sesuai dengan nisbah yang disepakati di awal akad.

Akaun simpanan ummat merupakan penyimpanan wang dengan akad *al-muḍārabah* yang dapat dilakukan di setiap cawangan BMI dan kaunter muamalat di seluruh Indonesia. Akaun simpanan ini ditawarkan oleh Bank Muamalat di Jakarta kepada pelanggan yang berkeinginan menyimpan wang berasaskan sistem pembahagian keuntungan mengikut akad *al-muḍārabah*.³⁴⁴

Kemudian BMI akan melaburkan wang para pelanggan kepada aktiviti ekonomi yang halal dan menguntungkan. Selanjutnya keuntungan yang diperolehi BMI akan dikongsi sama dengan para pelanggan berasaskan peratusan yang telah disepakati pada awal akad dibuat. BMI juga akan memulangkan wang para pelanggan bila-bila masa jika dikehendaki oleh pelanggan berkenaan.

³⁴⁴ Laporan Tahunan Bank Muamalat Tahun 2007, h. 74-75. Lihat juga produk-produk Bank Muamalat Indonesi pada http://www.muamalatbank.com/profil/produk_Ind.asp. Akses pada 17 Februari 2008.

Aplikasi akad *al-muḍārabah* dalam akaun simpanan adalah berupa *muḍārabah muṭlaqah* iaitu akad *muḍārabah* di mana *ṣāhib al-māl* memberi kebebasan kepada *muḍārib* dalam pengurusan pelaburannya.³⁴⁵

Manfaat akaun simpanan ummat bagi BMI adalah sebagai sumber pendanaan bank terutamanya jenis simpanan dalam matawang rupiah. Sementara manfaatnya bagi pelanggan adalah mendapat kemudahan dalam mengelola memelihara kewangannya dengan baik dan lebih terencana serta dapat menggunakan beberapa fasiliti yang diberikan BMI seperti ATM, kad debit, *phone banking* dan sebagainya.

Para pelanggan juga diberi kemudahan untuk mengeluarkan wang simpanan mereka dengan menggunakan kad ATM di setiap mesin ATM Muamalat, ATM BCA dan ATM bank konvensional yang ada logo ATM Bersama.³⁴⁶

Ciri-ciri Akaun Simpanan *Al-Muḍārabah*:

1. Akaun ini dikelola berdasarkan prinsip *al-muḍārabah al-muṭlaqah*.
2. Penarikan wang hanya dapat dilakukan pada tempoh masa tertentu.
3. Penarikan wang dapat dilakukan dengan slip penarikan dan kad ATM.
4. Mendapat bahagian perkongsian untung sesuai dengan nisbah yang telah disepakati di awal akad.³⁴⁷

³⁴⁵ Tim Prospektus Bank Muamalat Indonesia, Jakarta Tahun 2007, h. 48.

³⁴⁶ *Ibid.*, h. 89.

³⁴⁷ Zainul Bahar Noor (2006), *op.cit.*, h. 269-270; Lihat juga Brosur Bank Muamalat Indonesia, Jakarta (2008), Tim Marketing BMI, h. 3.

Jadual 5.1: Perbandingan Antara Akaun Simpanan *Muḍārabah* Dengan Akaun Simpanan *Wadī'ah*:

No	Perkara	Akaun Simpanan <i>Muḍārabah</i>	Akaun Simpanan <i>Wadī'ah</i>
1	Sifat simpanan	Pelaburan	Titipan
2	Penarikan	Hanya dapat dilakukan pada tempoh masa tertentu	Dapat dilakukan bila-bila masa
3	Insentif	Perkongsian untung	Hadiah bonus
4	Pengembalian	Tidak ditanggung	Ditanggung

(Sumber Bank Muamalat Indonesia, Pelatihan Akaunting 2007 di Medan).

Jadual 5.2: Perbandingan Antara Akaun Simpanan *Muḍārabah* Dengan Akaun Simpanan Konvensional:

No	Akaun Simpanan <i>Mudarabah</i>	Akaun Simpanan Konvensional
1	Simpanan pihak ketiga dengan syarat tertentu	Simpanan pihak ketiga dengan syarat tertentu
2	Penarikan dapat dilakukan bila-bila masa	Penarikan dapat dilakukan bila-bila masa
3	Bukti penarikan berupa slip penarikan akaun simpanan dan pemindahan buku	Bukti penarikan berupa slip penarikan akaun simpanan, pemindahan buku dan ATM
4	Penyetoran dapat dilakukan secara tunai, transfer dan pemindahan buku	Penyetoran dapat dilakukan secara tunai, transfer dan pemindahan buku
5	Insentif dengan perkongsian untung	Insentif dengan bunga
6	Perkongsian untung adalah bahagian dari keuntungan akaun pelaburan	Bunga adalah biaya ke atas wang yang disimpan
7	Bahagian perkongsian untung ditentukan berdasarkan pendapatan bank (<i>muḍārib</i>) dari wang yang terhimpun dari pemodal <i>ṣāhib al-māl</i>	Bunga ditentukan dengan jumlah yang pasti di hadapan tanpa dipengaruhi keuntungan yang diperolehi bank

(Sumber Bank Muamalat Indonesia, Pelatihan Akaunting 2007 di Medan).

Ketentuan Umum Membuka Akaun Simpanan Ummat:

1. Dalam transaksinya, pelanggan bertindak sebagai *ṣāhib al-māl* (pemodal) dan bank sebagai *muḍārib*.
2. Sebagai *muḍārib*, bank boleh melakukan usaha-usaha yang halal dan menguntungkan.
3. Jumlah modal mesti dijelaskan dalam bentuk tunai.
4. Pembahagian keuntungan mesti dijelaskan dalam kadar peratusan dan dijelaskan dalam akad pembukaan akaun.
5. Sebagai *muḍārib*, bank membayar biaya operasi akaun dengan menggunakan kadar peratusan untung yang menjadi haknya.
6. Bank tidak dibolehkan mengurangi kadar peratusan untung pelanggan tanpa persetujuan.³⁴⁸

Ketentuan Khusus Membuka Akaun Simpanan Ummat:

1. Pelanggan dikehendaki mengisi borang akaun simpanan berkenaan.
2. Pelanggan dikehendaki berumur 18 tahun ke atas.
3. Jumlah minimum simpanan awal ialah Rp.100.000.00
4. Menyerahkan salinan kad pengenalan (KTP) atau passport.
5. Menyerahkan surat-surat lainnya jika dikehendaki oleh bank.³⁴⁹

³⁴⁸ Muhammad M.Ag (2002), *Manajemen Bank Syariah*. Yogyakarta: UPP AMP YPKN, h. 73. Lihat juga http://www.muamalatbank.com/profil/produk_Ind.asp. Akses pada 17 Februari 2008.

³⁴⁹ Laporan Tahunan Bank Muamalat Indonesia Tahun 2007, h. 77-80.

2. Akaun Simpanan *Shar-e*

Akaun Simpanan *Shar-e* adalah akaun simpanan segera dalam melakukan pelaburan syariah yang memadukan kemudahan akses ATM, Debit dan *Phone Banking* dalam satu kad dan dapat diperolehi di pejabat-pejabat pos di seluruh Indonesia. Hanya dengan membayar Rp.125.000 pelanggan mendapat pakej kad akaun simpanan *Shar-e* dengan baki awal akaun simpanan Rp.100.000.00 sebagai satu cara dalam menyimpan dan melabur di Bank Muamalat menerusi pejabat pos. Seterusnya wang pelanggan akan dilaburkan dalam usaha yang halal dan menguntungkan berdasarkan perkongsian untung yang adil dan sepadan.³⁵⁰

Produk kad akaun simpanan *Shar-e* diperuntukkan bagi pelanggan yang ingin melakukan pelaburan mengikut prinsip syariah dengan mudah dan akses yang luas. Kad akaun ini dikehendaki dapat menjadi pintu hijrah bagi ummat Islam dari Bank Konvensional menuju Bank Islam.³⁵¹

Pelaburan dalam akaun *Shar-e* ini berdasarkan kepada konsep akaun simpanan *al-mudābarah* dengan kadar peratusan perkongsian untung antara pelanggan dengan bank adalah 51% untuk pelanggan dan 49% untuk bank.³⁵²

Ketentuan-ketentuan yang berlaku dalam akaun *Shar-e*:

³⁵⁰ Brosur Bank Muamalat Indonesia Berkenaan dengan Produk Akaun Shar-e. Lihat juga http://www.muamalatbank.com/profil/produk_Ind.asp, pada 17 Februari 2008.

³⁵¹ Temubual dengan Ketua Riset Muamalat Institute, H. A. Nuryadi Asmawi, L.LB, MA, pada tarikh 16 Mei 2007.

³⁵² Muhammad M.Ag (2002), *op.cit.*, h. 77.

1. Pembukaan akaun dilakukan menerusi pembelian pakej perdana dengan mengisi borang aplikasi *Shar-e* dan menyertakan dua salinan kad pengenalan serta membayar setoran awal dan biaya administrasi iaitu Rp. 125.000.00
2. Baki awal setiap pelanggan baru adalah Rp. 100.000.00
3. Baki purata adalah sama atau di atas baki awal akan memperolehi bahagian perkongsian untung dan tidak dikutip sebarang biaya pemeliharaan akaun
4. Baki purata di bawah baki awal tidak akan memperolehi bahagian perkongsian untung dan dikutip biaya pemeliharaan akaun.
5. Baki purata lebih kecil daripada Rp. 50.000.00 dalam tempoh enam bulan secara berurutan akaun akan ditutup secara automatik oleh sistem dan baki wang akan digunakan untuk biaya administrasi penutupan akaun.
6. Kad dan borang aplikasi *Shar-e* merupakan bukti sah bagi kepemilikan akaun dan identifikasi utama akaun adalah dengan menggunakan nombor PIN.
7. Rekod akaun akan diberikan jika pelanggan memintanya.³⁵³

Keuntungan Dan Fasilitas Yang Diperolehi Dengan Memiliki Kad Akaun *Shar-e*:

1. Pembelian kad seharga Rp. 125.000.00 dengan Rp. 100.000.00 baki pada akaun dan Rp. 25.000.00 biaya administrasi.
2. Bebas biaya pemeliharaan akaun jika baki purata setiap bulan adalah minimum Rp.100.000.00. Dan jika baki di bawah Rp.100.000.00 maka biaya pemeliharaannya adalah Rp. 1.000.00.
3. Penyetoran wang dapat dilakukan di jaringan pejabat BMI dan jaringan Online pejabat pos seluruh Indonesia.

³⁵³ *Ibid.*, h. 78.

4. Mendapat perkongsian untung murni syariah yang menguntungkan dan akan ditambah kepada akaun setiap bulan.
5. Dapat langsung melakukan transfer wang kepada sesama akaun simpanan hingga Rp. 50.000.000.00 dan pelbagai pembayaran kepada bank peserta ATM Bersama dengan biaya Rp. 5.000.00 serta menerusi ATM BCA/PRIMA dengan biaya Rp.4000.00
6. Pendaftaran automatik kepada kad mudah alih Telkomsel dan berpeluang meraih 365 umrah (dapat ditukar kepada wang untuk bukan muslim).
7. Sebagai kad debit untuk belanja pada setiap kaunter dengan logo Debit BCA/Prima.
8. Kemudahan *phone banking* 24 jam yang meliputi maklumat baki, histori transaksi, ubah PIN, pemindahan buku ke sesama akaun, pembayaran zakat dan sebagainya.
9. Kemudahan pembayaran automatik ke atas bayaran bil telepon, bil listrik, telepon bimbit dan lain-lain setiap bulan.³⁵⁴

3. Akaun Simpanan Arafah

Akaun simpanan arafah merupakan akaun simpanan yang bermaksud mewujudkan niat pelanggan untuk menunaikan ibadah haji. Produk ini bertujuan membantu pelanggan untuk merancang ibadah haji sesuai dengan kemampuan kewangan dan waktu pelaksanaan yang diinginkan. Dengan fasiliti insuren jiwa pelaksanaan ibadah haji sentiasa terjamin.³⁵⁵

Keistimewaan akaun simpanan arafah antara lain pelanggan dapat memilih jadual waktu keberangkatan sendiri dengan setoran tetap setiap bulan. Keberangkatan

³⁵⁴ Adiwarman Azwar Karim (2004), *op.cit.*, h. 211-212.

³⁵⁵ Lihat http://www.muamalatbank.com/profil/produk_Ind.asp. Akses pada 17 Februari 2008. Lihat juga Laporan Tahunan Bank Muamalat Indonesia Tahun 2007, h. 92-94.

pelanggan dijamin dengan insuren jiwa, jika ia meninggal dunia maka secara automatik ahli waris dapat berangkat. Akaun simpanan arafah juga menjamin pelanggan untuk memperoleh *quota* keberangkatan dengan jumlah wang Rp. 20.000.000.00 kerana BMI telah *online* dengan bidang urusan haji Departemen Agama Republik Indonesia. Akaun simpanan arafah memberi keamanan lahir dan batin kerana dana yang disimpan akan dikelola secara syariah.³⁵⁶

Akaun simpanan ini ditawarkan oleh BMI kepada para pelanggan berasaskan prinsip *al-mudābarah*. Ianya merupakan akaun simpanan yang ditawarkan kepada pelanggan yang berniat melaksanakan ibadah haji secara terancang di masa hadapan sesuai dengan kemampuan dan tempoh masa yang dikehendaki, bermula dari satu tahun hingga 10 tahun. Para pelanggan dikehendaki menyimpan wang mereka pada akaun ini secara beransur sehingga mencukupi biaya perjalanan ibadah haji.³⁵⁷

Selanjutnya bank akan melaburkan wang para pelanggan dalam usaha yang menguntungkan dan halal. Keuntungan yang diperolehi bank akan dikongsi sama dengan para pelanggan mengikut nisbah peratusan yang disepakati di awal akad. Wang bahagian perkongsian untung para pelanggan akan terus dimasukkan pada akaun simpanan arafah pada akhir bulan.

Pelanggan tidak boleh mengeluarkan wangnya selain untuk melunasi biaya perjalanan ibadah haji atau kerana kondisi kecemasan dengan membuat surat keterangan dari pihak berkuasa setempat.³⁵⁸

³⁵⁶ Muhammad Haekal (2006), Sistem Bagi Hasil Pembiayaan Modal Kerja *Mudārabah* Pada Bank Muamalat Indonesia. Latihan Ilmiah Pada Jurusan Akuntansi, Sekolah Tinggi Ilmu Ekonomi Indonesia, Jakarta, h. 41-42.

³⁵⁷ *Ibid.*, h. 43.

³⁵⁸ Muhammad M.Ag (2002), *op.cit.*, h. 107-108.

Untuk menjadi pelanggan akaun simpanan arafah seorang pelanggan hanya mengisi borang pembukaan akaun dan membayar setoran awal dengan jumlah minimum Rp. 500.000.00. Dan untuk selanjutnya disesuaikan dengan kesepakatan antara bank dengan pelanggan.³⁵⁹

Keistimewaan Akaun Simpanan Arafah:

1. Menguntungkan, kerana pelanggan akan memperoleh bahagian dari perkongsian untung yang secara automatik akan ditambahkan ke dalam baki akaun setiap bulan sehingga jumlahnya terus bertambah.
2. Terancang, kerana tahun keberangkatan dan jumlah setoran pada akaun ini dapat dirancang sesuai dengan kemampuan pelanggan.
3. Terjamin, kerana Bank Muamalat telah menjalin kerja sama *online* dengan bidang urusan haji Departemen Agama sehingga memberi kepastian untuk memperoleh *quota* keberangkatan haji.
4. Aman, kerana khusus untuk pelanggan yang memiliki baki minimum Rp. 5.000.000.00 akan memperoleh perlindungan insuren syariah yang memberi jaminan terpenuhinya pelaksanaan ibadah haji kepada ahli waris.³⁶⁰

5.3.2 Akaun Semasa

Jenis akaun semasa yang ditawarkan oleh Bank Muamalat kepada para pelanggan ada dua iaitu akaun semasa *muḍārabah* dan akaun semasa khas.³⁶¹

³⁵⁹ *Ibid.*, h. 109.

³⁶⁰ Brosur Bank Muamalat Indonesia Berkenaan dengan Produk-produk Bank Muamalat, h. 4-6; Lihat juga http://www.muamalatbank.com/profil/produk_Ind.asp, pada 17 Februari 2008.

³⁶¹ Zainul Bahar Noor (2006), *op.cit.*, h. 272-23.

2. Akaun Semasa *Muḍārabah*

Akaun semasa *muḍārabah* adalah simpanan berupa pelaburan yang tidak terikat pada Bank Islam. Penarikan wang hanya dapat dilakukan pada masa tertentu berdasarkan perjanjian bank dan pelanggan dengan pembahagian untung sesuai dengan nisbah yang disepakati di awal akad. Sebagai pengusaha, bank tidak menjamin dana pelanggan kecuali dalam kecuaiian dan kelalaian.

Manfaat akaun semasa *muḍārabah* bagi bank adalah sebagai sumber penghimpunan dana dengan tempoh masa tertentu. Sementara bagi pelanggan ia merupakan alternatif pelaburan yang memberi keuntungan kepada pelanggan dalam bentuk perkongsian untung.³⁶²

Akaun semasa *muḍārabah* ditawarkan oleh BMI di Jakarta kepada para pelanggan berasaskan prinsip *al-muḍārabah al-muṭlaqah* di mana pengelolaan dana diserahkan kepada pengusaha tanpa ada batasan dan ketentuan khusus dari pemodal.

Dalam aplikasinya bank menerima wang dari pelanggan untuk disimpan pada akaun ini dalam tempoh masa tertentu. Kemudian akan melaburkan wang yang terhimpun untuk membiayai aktiviti ekonomi yang menguntungkan dan halal kepada para usahawan berasaskan prinsip *al-muḍārabah*.³⁶³

³⁶² Tim Pengembangan Bank Islam Pada Bank Indonesia Dalam Kodifikasi Produk Perbankan Islam Tahun 2007, h. 9.

³⁶³ Temubual dengan Ketua Riset Muamalat Institute, H. A. Nuryadi Asmawi, L.LB, MA, Jakarta, pada tarikh 16 Mei 2007.

Selanjutnya keuntungan yang diperoleh bank akan dikongsi sama dengan para pelanggan sesuai dengan nisbah peratusan perkongsian untung yang disepakati di awal akad. Adapun tempoh masa pelaburan yang ditawarkan kepada pelanggan ialah antara 1 bulan, 3 bulan, 6 bulan, 9 bulan, 12 bulan atau lebih.³⁶⁴

Setiap permohonan pembukaan akaun pelaburan mesti dilengkapi dengan suatu kontrak yang ditulis menerusi pengisian dan pengesahan borang aplikasi pelaburan. Aplikasi pelaburan meliputi nama, alamat pendeposit, jumlah deposit, tempoh masa, nisbah, cara pembayaran perkongsian untung dan wang pokok ketika jatuh tempoh dan syarat-syarat pelaburan yang tercantum pada muka surat bahagian belakang borang.³⁶⁵

Pada dasarnya pelaburan *muḍārabah* tidak dapat ditarik sebelum jatuh tempoh. Tetapi perkara ini dapat dilakukan jika pelanggan sangat memerlukan wang dalam kondisi kecemasan dengan konsekuensi bahagian perkongsian untung tidak dibayar.

Pelaburan yang akan ditarik sebelum jatuh tempoh untuk jumlah tertentu mesti memohon persetujuan dari kakitangan yang ditunjuk. Prosedur selanjutnya sama dengan prosedur penarikan pelaburan yang telah jatuh tempoh. Penarikan hasil pelaburan ketika jatuh tempoh hanya dapat dilakukan untuk keuntungan pendeposit, jika diwakilkan kepada orang lain maka pendeposit mesti membuat surat kuasa.³⁶⁶

Bilamana suatu pelaburan berdasarkan *al-muḍārabah* dijadikan sebagai jaminan ke atas suatu pembiayaan maka ia dapat dilakukan berdasarkan permohonan tertulis dari bahagian administrasi pembiayaan dengan persetujuan bidang kuasa pembiayaan.

³⁶⁴ *Ibid.*, h. 10-11.

³⁶⁵ Tim Prospektus Bank Muamalat Indonesia, Jakarta Tahun 2007, h. 51.

³⁶⁶ *Ibid.*, h. 52-53.

Pelaburan tersebut harus diberikan tanda “DIJAMINKAN” pada komputer dan pelepasan tanda tersebut hanya dapat dilakukan atas permohonan tertulis dari bahagian administrasi pembiayaan dengan persetujuan bidang kuasa pembiayaan.

Pelaburan yang diperpanjang setelah jatuh tempoh akan diperlakukan sama seperti pelaburan baru tetapi jika pada kontrak sudah dibuat persyaratan perpanjangan automatik maka kontrak baru tidak perlu dibuatkan.³⁶⁷

Ketentuan Membuka Akaun Semasa *Al-Muḍārabah* Di BMI:

1. Mengisi borang akaun semasa *al-muḍārabah*.
2. Menyerahkan salinan kad pengenalan atau Pasport.
3. Jumlah minimum simpanan awal ialah Rp. 2.000.000.00
4. Surat-surat lainnya jika diperlukan pihak bank.³⁶⁸

2. Akaun Semasa Khas

Akaun semasa khas (*Pelaburan Fulinves*) merupakan akaun pelaburan yang ditawarkan BMI di Jakarta sama ada kepada pelanggan perseorangan, berkelompok mahupun syarikat untuk menyimpan wang di bank sama ada dalam mata wang rupiah mahupun mata wang asing.

Akaun semasa khas dipalikasikan berasaskan akad *al-muḍārabah al-muqayyadah*; di mana pengelolaan dana dihadkan pada target khas seperti yang disepakati oleh pihak pemilik dana dengan pemodal di awal akad. Adapun tempoh masa

³⁶⁷ Muhammad M.Ag (2002), *op.cit.*, h. 109; Lihat juga Brosur Bank Muamlat Indonesi Tahun 2008. .

³⁶⁸ Lihat Brosur Bank Muamlat Indonesia Tahun 2008.

pelaburan yang ditawarkan ialah dalam kisaran 1 bulan, 3 bulan, 6 bulan, 9 bulan, 12 bulan atau lebih.³⁶⁹

Selanjutnya Bank Muamalat sebagai pemodal akan melaburkan wang para pelanggan untuk aktiviti ekonomi yang menguntungkan dan halal kepada usahawan berasaskan *al-mudārabah*. Dan keuntungan yang diperolehi usahawan akan dikongsi sama dengan bank sesuai dengan nisbah peratusan yang disepakati di awal akad. Sementara itu keuntungan yang diperolehi bank akan dikongsi sama pula dengan para pelanggan sesuai dengan nisbah peratusan yang disepakati di awal akad.³⁷⁰

Ketentuan Membuka Akaun Semasa Khas Di BMI:

1. Mengisi borang akaun semasa khas.
2. Menyerahkan salinan kad pengenalan atau passport.
3. Jumlah minimum simpanan awal Rp. 1.000.000.00 untuk tempoh masa pelaburan 1 bulan dan 3 bulan.
4. Jumlah minimum simpanan awal Rp. 2.000.000.00 untuk tempoh masa pelaburan 6 bulan dan 12 bulan atau lebih.
5. Surat-surat ketentuan lainnya jika diperlukan pihak bank.³⁷¹


³⁶⁹ Muhammad Haekal (2006), *op.cit.*, h. 45-47.

³⁷⁰ *Ibid.*, h. 48.

³⁷¹ Adiwarman Azwar Karim (2004), *op.cit.*, h. 202-203.

Rajah 5.1: Aliran Wang Akaun Simpanan dan Akaun Semasa Berasaskan Prinsip

Al-Muḍārabah Di Bank Muamalat Indonesia, Jakarta:³⁷²



Sumber: *Bank Muamalat Indonesia di Ibu Pejabat Jakarta.*

Keterangan:

1. Para pelanggan menyimpan wangnya pada akaun simpanan dan akaun semasa berasaskan *al-muḍārabah* di bank lalu pihak bank menjelaskan peratusan pembahagian keuntungan yang akan diperolehi pelanggan.
2. Bank menyalurkan wang tersebut kepada usahawan yang memerlukan dana untuk menjalankan usaha yang menguntungkan dan halal. Keuntungan yang diperolehi akan dikongsi sama dengan bank menurut peratusan yang disepakati di awal akad.
3. Usahawan akan membayar semula wang yang telah digunakan kepada bank bersamaan dengan pembayaran wang perkongsian untung kepada bank sama ada secara tunai mahupun secara ansuran.

³⁷² Ini adalah bentuk amalan *al-muḍārabah* dua peringkat iaitu peringkat pertama bank menjadi *muḍārib* dan pelanggan pula sebagai *ṣāhib al-māl*. Dan peringkat kedua bank menjadi *ṣāhib al-māl* dan usahawan sebenar sebagai *muḍārib*. Lihat Brosur Bank Muamalat Indonesia tahun 2008.

4. Bank akan membayar wang pelanggan bila akad sudah tamat dan bersamaan dibayar pula bahagian perkongsian untung yang diperolehi kepada pelanggan.³⁷³

5.4 PRODUK PEMBIAYAAN BERASASKAN *AL-MUḌĀRABAH* DAN *AL-MUSYĀRAKAH*

Transaksi penyaluran dana yang ditawarkan BMI untuk usaha kongsi sama untuk mendapat suatu barang dan khidmat dengan sistem perkongsian untung. Pada transaksi ini kadar keuntungan bank ditentukan dari jumlah keuntungan usaha berdasarkan nisbah perkongsian untung yang disepakati di awal akad. Produk perbankan yang diaplikasikan dalam transaksi ini adalah *al-muḌārabah* dan *al-musyārahah*.

Dalam produk ini Bank Muamalat menjemput pelanggan untuk menjadi usahawan berdasarkan prinsip keadilan dan kebersamaan dalam sesebuah usaha. Produk penyaluran dana Bank Muamalat meletakkan pelanggan sebagai rakan kongsi dalam menjalankan sesebuah usaha berdasarkan sistem perkongsian untung dengan memberi sokongan pembiayaan.

Dalam menyalurkan dana mengikut prinsip *al-muḌārabah* dan *al-musyārahah*, Bank Muamalat mengaplikasikannya dalam bentuk pembiayaan yang berasaskan kepada perkongsian untung dan rugi. Pembiayaan bererti penyediaan dana atau piutang yang dapat dipersamakan dengan transaksi pelaburan dalam akad *al-muḌārabah* dan *al-musyārahah*.³⁷⁴

5.4.1 Jenis Pembiayaan Pada Bank Muamalat Indonesia:

³⁷³ Lihat Laporan Tahunan Bank Muamalat Indonesia Tahun 2007, h. 57-58.

³⁷⁴ Temubual dengan Ketua Riset Muamalat Institute, H. A. Nuryadi Asmawi, L.LB, MA, pada tarikh 16 Mei 2007.

Jenis pembiayaan yang ditawarkan oleh BMI kepada para pelanggan adalah sebagai berikut:

1. Ditinjau dari segi penggunaan ada tiga jenis pembiayaan iaitu:
 - a) Pembiayaan modal kerja. Iaitu pembiayaan yang digunakan untuk meningkatkan jumlah pengeluaran barangan atau menambah jumlah persediaan barang dagangan dan modal kerja sesebuah syarikat seperti untuk membeli bahan semula jadi, membayar upah langsung kepada kaki tangan dan buruh atau tanggungan lainnya. Untuk pemberian pembiayaan modal kerja BMI dapat menggunakan akad *al-muḍārabah*, *al-musyārahah*, *al-salam* atau *al-murābahah*.
 - b) Pembiayaan ke atas penggunaan barangan. Iaitu pembiayaan yang digunakan untuk memenuhi keperluan penggunaan barangan. Dalam pembiayaan ini tidak wujud pertambahan barang dan khidmat yang diperolehi kerana ianya digunakan untuk memenuhi keperluan. Keperluan penggunaan dapat diberikan ke atas keperluan primer seperti makanan, minuman dan tempat tinggal, keperluan khidmat seperti pendidikan dan kesihatan serta keperluan sekunder.
 - c) Pembiayaan pelaburan. Iaitu pembiayaan yang digunakan untuk keperluan perluasan usaha atau membangun projek atau kilang baru di mana masa pakaiannya untuk suatu period yang relatif panjang dan pembiayaan ini digunakan untuk aktiviti utama sesuatu syarikat. Untuk memberikan pembiayaan pelaburan BMI memakai akad *al-muḍārabah*, *al-musyārahah* atau *al-murābahah*.
2. Ditinjau dari tempoh masa waktu pembiayaan dibahagi kepada pembiayaan tempoh pendek seperti selama satu tahun dan pembiayaan tempoh menengah seperti tiga tahun serta pembiayaan tempoh panjang seperti sepuluh tahun.

3. Ditinjau dari segi jaminan pembiayaan dibahagi kepada dengan pembiayaan dengan jaminan dan pembiayaan tanpa jaminan.
4. Ditinjau dari bidang usaha pembiayaan dapat dibahagi kepada bidang pertanian, peternakan, perkebunan, industri, perdagangan, perhotelan, pendidikan, profesion, perumahan dan bidang lainnya.³⁷⁵

5.4.2 Syarat-syarat Pembiayaan Pada Bank Muamalat Indonesia:

Dalam menawarkan produk pembiayaan *al-muḍārabah* dan *al-musyārakah* kepada pelanggan BMI menetapkan beberapa syarat yang mesti dipenuhi oleh pelanggan ketika mengajukan permohonan. Adakalanya berupa syarat dokumen atau proposal` dan adakalanya berupa syarat kelayakan permohonan pembiayaan.³⁷⁶

Syarat-syarat Dokumen atau Proposal:

1. Gambaran umum ke atas sesuatu usaha dengan memberi maklumat yang berkaitan dengan lokasi, tujuan pembiayaan dan sebagainya.
2. Rancangan atau peluang usaha berkenaan.
3. Rancangan penggunaan dana secara detail seperti jumlah dan tempoh masa.
4. Penggunaan dana bukan untuk usaha yang bercanggah dengan Islam.
5. Terpenuhinya legaliti syarikat berkenaan seperti kelengkapan Akta pendirian, Nombor Pokok Wajib Pajak (NPWP), Tanda Daftar Perusahaan (TDP), Surat keterangan lokasi usaha dan pengenalan lainnya.

³⁷⁵ Yolve (2003), Evaluasi Sistem Pemberian Pembiayaan Pada Bank Islam Muamalat Indonesia. Skripsi Pada Jabatan Ekonomi, Universiti Gunadarma, Jakarta, h. 35-36.

³⁷⁶ Temubual dengan Ketua Riset Muamalat Institute, H. A. Nuryadi Asmawi, L.LB, MA, pada tarikh 16 Mei 2007.

6. Repot kewangan yang memuat posisi kewangan badan usaha, administrasi kewangan dan pendapatan usaha.³⁷⁷

Syarat-syarat Kelayakan Permohonan Pembiayaan:

1. Pemohon adalah orang yang berakal sihat, berusia minimum 21 tahun dan maksimum 55 tahun serta tidak dalam kondisi mufliis.
2. Badan usaha berkenaan mestilah sesuai dengan prinsip syariah sama ada dari segi organisasi mahupun aktiviti seperti pelarangan bunga.
3. Kemampuan pembayaran sangat tergantung pada faktor-faktor yang mempengaruhi jumlah penjualan, harga jual, biaya dan pengeluaran. Hal ini berdsarkan kepada kualitai suatu produk dan khidmat.
4. Kemampuan membayar merupakan pendapatan dari hasil usaha maka bank harus yakin bahawa pelanggan mampu memenuhi kewajipan kewangannya.
5. Pelanggan mesti memiliki mana-mana akaun di BMI minimum dalam enam bulan terakhir. Untuk akaun simpanan jumlah yang tersimpan hendaknya memadai sesuai dengan pembiayaan yang diperoleh kerana akaun simpanan dapat diambil bila sudah jatuh tempoh.³⁷⁸

5.4.3 Pembiayaan *Al-Muḍārabah*

Pembiayaan *al-muḍārabah* adalah pembiayaan dalam bentuk modal yang diberikan oleh Bank Muamalat sebagai *ṣāhib al-māl* kepada pelanggan sebagai *muḍārib* yang mempunyai keahlian untuk mengelola suatu usaha yang menguntungkan dan halal.

³⁷⁷ Anna Besty Lowita (2006), Analisis Sistem Pembiayaan al-Musyārah pada Bank Muamalat Indonesia. Disertasi Master Manajemen Universiti Gunadarma, Jakarta, h. 36-37.

³⁷⁸ *Ibid.*, h. 38.

Selanjutnya keuntungan dari penggunaan dana Bank yang dikelola pelanggan akan dikongsi sama berdasarkan nisbah yang disepakati di awal akad. Sementara Risiko kerugian ditanggung penuh oleh bank sebagai pemodal kecuali kerugian yang diakibatkan oleh kesalahan pengelolaan, kelalaian dan kecuaiannya pelanggan.³⁷⁹

Pembiayaan *al-muḍārabah* biasanya digunakan untuk membiayai usaha yang mempunyai peredaran wang yang relatif lebih cepat. Oleh kerana itu, pembiayaan jenis ini banyak ditujukan untuk tempoh singkat. Jenis usaha yang dapat dibiayai adalah di bidang perdagangan, industri, usaha atas dasar kontrak dan sebagainya.

Manfaat pembiayaan *al-muḍārabah* bagi bank adalah memperoleh pembahagian keuntungan, sementara bagi pelanggan adalah untuk memenuhi keperluan modal bagi usahanya.

Jenis pembiayaan *al-muḍārabah* ada dua iaitu pembiayaan berdasarkan *al-muḍārabah al-muṭlaqah* di mana pemodal memberi kebebasan kepada pengusaha untuk menggunakan dana tersebut dalam usaha yang halal dan menguntungkan. Dan pembiayaan berdasarkan *al-muḍārabah al-muqayyadah* di mana pemodal memberi syarat tertentu kepada pengusaha dalam menggunakan dana.³⁸⁰

Ketentuan Pembiayaan Berdasarkan *Al-Muḍārabah*:

1. Bank sebagai pemodal yang menyediakan dana secara penuh dan pelanggan sebagai pengusaha yang mengelola dana dalam usaha tertentu.

³⁷⁹ Anna Besty Lowita (2006), *op.cit.*, h. 40-41.

³⁸⁰ Youlve (2003), *op.cit.*, h. 37-39.

2. Tempoh masa pembiayaan, pengembalian dana, dan pembagian keuntungan ditentukan berdasarkan kesepakatan antara bank dengan pelanggan.
3. Bank tidak ikut serta dalam pengurusan usaha pelanggan tetapi memiliki hak dalam pengawasan dan penyeliaan ke atas usaha tersebut.
4. Pembiayaan diberikan dalam bentuk tunai yang jumlahnya mesti dijelaskan atau barangan yang harganya mesti dinilai berdasarkan harga pasaran yang wajar.
5. Pembahagian keuntungan dari pengelolaan dana dinyatakan dalam bentuk nisbah yang dipersetujui di awal akad.
6. Bank menanggung semua seluruh risiko kerugian usaha yang dibiayai kecuali jika pelanggan melakukan kecurangan, kecuaiian atau melanggar perjanjian yang membawa kerugian ke atas usaha.
7. Nisbah perkongsian untung yang disepakati tidak dapat diubah selama tempoh masa waktu pelaburan kecuali atas kesepakatan bersama. Dan nisbah dapat ditetapkan secara bertahap dalam kadar yang berbeza berdasarkan kesepakatan di awal akad.
8. Pengagihan keuntungan dilakukan dengan menggunakan sistem perkongsian untung dan rugi atau sistem pembahagian pendapatan.
9. Jika pelanggan ikut menyertakan modal dalam usaha yang dibiayai bank maka ia adalah rakan kongsi dan pengusaha secara bersamaan. Dan pelanggan berhak mengambil bahagian dari keuntungan yang dihasilkan dari usaha tersebut sesuai dengan kadar modalnya. Selanjutnya baki keuntungan dibahagi sesuai dengan kesepakatan di awal akad.
10. Pengembalian pembiayaan dilakukan pada akhir period akad untuk pembiayaan dalam tempoh masa hingga satu tahun atau dilakukan secara ansuran berdasarkan aliran wang kepada usaha pelanggan.

11. Bank boleh meminta jaminan sebagai tindakan waspada ke atas risiko apabila pelanggan tidak dapat memenuhi kewajipan yang telah dipersetujui dalam akad.³⁸¹

Ketentuan Modal:

1. Modal hanya diberikan untuk tujuan usaha yang sudah jelas dan disepakati bersama.
2. Modal yang diberikan dapat berupa uang tunai atau barangan yang diperlukan dalam usaha dan jelas harganya.
3. Kondisi modal mestilah 100% milik pemodal. Dan jika modal diserahkan secara bertahap maka harus jelas tahapan pelunasannya berdasarkan kesepakatan bersama.
4. Biaya yang dikeluarkan untuk kajian studi kelayakan atau sejenisnya tidak termasuk dalam bahagian modal. Pembayaran ke atas biaya tersebut ditentukan berdasarkan kesepakatan bersama.³⁸²

Ketentuan Perkongsian Untung:


1. Bahagian perkongsian untung dari pembiayaan *al-muḍārabah* oleh BMI diiktiraf ketika ansuran diterima secara tunai. Ianya dapat dilihat dengan tidak wujudnya akaun piutang *al-muḍārabah* dalam neraca yang disusun BMI.
2. Pengiktirafan untung atau rugi dapat diketahui bank berdasarkan rekod perkongsian untung dari pelanggan yang diterima.
3. Keuntungan yang diperolehi merupakan hasil daripada pengelolaan dana pembiayaan *al-muḍārabah* yang diberikan dengan melakukan penghitungan ke atas pendapatan keseluruhan projek berkenaan.³⁸³

³⁸¹ Muhammad Haekal (2006), *op.cit.*, h. 112.

³⁸² *Ibid.*, h. 113.

³⁸³ Anna Besty Lowita (2006), *op.cit.*, h. 75.

Rajah 5.2: Carta Pembiayaan Modal Kerja Berasaskan *al-Muḍārabah* di Bank Muamalat Indonesia, Jakarta:



Sumber: Bank Muamalat Indonesia di Jakarta.

Keterangan:

- a) Bank Muamalat sebagai *ṣāhib al-māl* dan pelanggan sebagai *muḍārib*.
- b) Perkongsian untung dan rugi dihitung berdasarkan kadar nisbah yang disepakati iaitu pelanggan memperoleh 60% dan Bank memperoleh 40%.

Contoh Pembiayaan Al-Muḍārabah:

PT. AL-GHIFARI HSB memerlukan dana untuk menambah modal kerja usaha perdagangannya. Untuk keperluan tersebut PT. AL-GHIFARI HSB mengajukan Fasilitas Pembiayaan kepada Bank Muamalat dengan total dana yang diperlukan Rp.1000.000.000.00 (Satu Miliar Rupiah).

Setelah dilakukan analisis kewangan maka dipersetujui fasilitas *al-muḍārabah* oleh Bank Muamalat kepada PT. AL-GHIFARI HSB dengan persyaratan fasilitas *al-muḍārabah* sebagai berikut:

- Plafond : Rp.100.000.000.00
- Tempoh Masa : 36 Bulan
- Nisbah Perkongsian Untung : 40 % bank dan 60 % pelanggan
- Objek Perkongsian Untung : Untung bersih
- Pembayaran Perkongsian Untung : Dilaksanakan setiap akhir bulan
- Pengembalian Pokok Modal : PT. AL-GHIFARI HSB wajib menghitung keuntungan setiap bulan dan memisahkan sebahagian daripadanya untuk pengembalian modal.³⁸⁴

³⁸⁴ *Ibid.*, h. 76-77.

5.4.1 Pembiayaan *Al-Musyārahah*

Al-musyārahah adalah akad kerjasama antara dua pihak atau lebih untuk usaha tertentu dan masing-masing pihak memberikan sumbangan modal dengan keuntungan dan risiko ditanggung bersama sesuai dengan kesepakatan. Selanjutnya pengusaha wajib membuat rekod secara bertahap mengenai perkembangan usaha kepada rakan kongsinya. Dan setiap rakan kongsi berhak melakukan intervensi ke atas polisi usaha.³⁸⁵

Keuntungan usaha yang diperoleh dibagi menurut perbandingan nisbah yang disepakati dan pada akhir masa kerjasama. Dan pelanggan mesti mengembalikan modal usaha kepada pemilik dana. Apabila terjadi kerugian atau kegagalan usaha, maka akan ditanggung bersama secara adil dan jujur.

Kongsi sama ke atas usaha di sini dapat berupa modal atau khidmat. Dan pengusaha boleh berasal dari salah seorang rakan kongsi atau orang lain di luar anggota perkongsian berdasarkan kesepakatan bersama.

Jenis amalan *al-musyārahah* ada yang berbentuk permanen iaitu pengembalian modal yang dilakukan ketika jatuh tempoh. Dan ada yang berbentuk tidak permanen iaitu pengembalian modal yang secara bertahap.³⁸⁶

³⁸⁵ Sayyid Sābiq (1987) *op.cit.*, Juz 3, h. 174.

³⁸⁶ Anna Besty Lowita (2006), *op. cit.*, h. 20-21.

Dari empat jenis *syirkah al-^cuqūd*³⁸⁷ hanya *syirkah al-^cinān* yang diaplikasikan oleh sistem perbankan Islam sebagai bahagian dari salah satu produk pembiayaannya kerana ciri-cirinya yang sesuai.

Syirkah al-^cinān adalah kontrak kerjasama antara dua orang atau lebih di mana masing-masing rakan kongsi memberikan sumbangan dana dan usaha. Kadar sumbangan dana dan usaha tidak mesti sama bahkan boleh jadi hanya seorang sahaja yang aktif berusaha yang dipercayai oleh rakan kongsi yang lain. Sementara keuntungan atau kerugian yang diperolehi akan dikongsi sama menurut kesepakatan bersama.³⁸⁸

Aplikasi *Al-Musyārah* Di BMI Ada Dua Bentuk:

1. Pembiayaan projek. Iaitu pihak bank dan pemodal sama-sama menyediakan dana untuk membiayai suatu projek. Setelah projek selesai pengusaha mengembalikan modal kepada bank yang disertai dengan pembahagian perkongsian untung menurut kadar nisbah yang telah disepakati di awal akad.
2. Pemberian modal. Iaitu bank menanamkan modal untuk tempoh masa tertentu, selanjutnya bank menjual bahagian daripada modalnya kepada pemegang modal suatu syarikat.³⁸⁹

Ketentuan Pembiayaan Berdasarkan *Al-Musyārah*:

1. Bank dan pelanggan sama-sama sebagai rakan kongsi dengan menyediakan dana atau barangan untuk membiayai usaha tertentu.

³⁸⁷ Empat jenis *syirkah al-^cuqūd* iaitu: *syirkah al-^cinān*, *al-mufāwadah*, *al-^amāl*, dan *syirkah al-wujūh*.

³⁸⁸ Sayyid Sābiq (1987) *op.cit.*, Juz 3, h. 175.

³⁸⁹ Anna Besty Lowita (2006), *op. cit.*, h. 81-82.

2. Pelanggan sebagai pengelola usaha dan bank sebagai rakan kongsi dapat ikut serta dalam pengelolaan usaha sesuai dengan bidang kuasa masing-masing. Dan bank dapat menunjuk pelanggan untuk mengelola usaha tertentu berdasarkan kesepakatan.
3. Biaya operasi dibebankan ke atas modal bersama sesuai kesepakatan. Dan pembagian keuntungan dari pengelolaan dana dinyatakan dalam bentuk nisbah yang disepakati.
4. Bank dan pelanggan menanggung kerugian secara adil menurut kadar modal masing-masing kecuali jika terjadi kecurangan dan kecuaiian dari salah satu pihak.
5. Pengagihan keuntungan dapat dilakukan dengan metode pembahagian untung dan rugi atau metode pembahagian pendapatan.
6. Pengembalian pokok pembiayaan dilakukan pada akhir period akad atau dilakukan secara ansuran berdasarkan aliran kemasukan wang usaha.
7. Bank dapat meminta jaminan sebagai tindakan waspada ke atas risiko jika pelanggan tidak dapat memenuhi kewajipannya.³⁹⁰

Manfaat pembiayaan *al-musyārahah* bagi bank adalah memberi peluang untuk mendapat bahagian keuntungan dari pembiayaan dikelola pelanggan. Manakala manfaat pembiayaan ini bagi pelanggan pula adalah membantu pelanggan untuk mendapat tambahan modal usaha.³⁹¹

Prosedur Pembiayaan *Al-Musyārahah* Di BMI:

³⁹⁰ *Ibid.*, h. 83.

³⁹¹ Temubual dengan Ketua Riset Muamalat Institute, H. A. Nuryadi Asmawi, L.LB, MA, pada tarikh 16 Mei 2007.

Ada tiga prosedur yang mesti dilalui dalam mengajukan pembiayaan *al-musyārahah* pada BMI iaitu:

1. Permulaan, iaitu proses awal menetapkan kriteria pelanggan pembiayaan sesuai dengan kriteria yang ditetapkan oleh BMI. Kemudian melakukan evaluasi serta memberikan keputusan hasil evaluasi. Dalam hal ini perlu dilakukan beberapa tahapan berikut:
 - a. Menentukan target pasaran seperti bidang industri.
 - b. Menentukan bidang bisnis seperti industri minyak.
 - c. Menentukan pelanggan yang dibiayai seperti PT. AL-AMIN HASIBUAN SUMUT.
2. Dokumentasi, iaitu proses kelengkapan dokumen yang perlu dipersiapkan bagi memenuhi syarat untuk memohon pembiayaan kepada BMI. Dalam hal ini dokumen yang perlu disediakan adalah:
 - a. Surat penawaran pembiayaan.
 - b. Akad pembiayaan *al-musyārahah*.
 - c. Akad dan dokumen jaminan.
 - d. Surat permohonan pelaksanaan pembiayaan.
 - e. Surat perintah transfer dana.
 - f. Dokumen penyokong seperti surat kontrak kerja slip gaji dan insuren.
3. Monitoring, iaitu mengawasi proses pembiayaan yang sedang dijalankan. Hal ini dapat dilakukan dengan dua cara:
 - a. Monitoring aktif, iaitu mengunjungi pelanggan secara rutin dan memberikan rekod kunjungan pelanggan kepada pejabat pembiayaan.
 - b. Monitoring pasif, iaitu monitoring pembayaran kewajipan pelanggan kepada bank setiap akhir bulan.³⁹²

³⁹² Yolve (2003), *op.cit.*, h. 93.

Ketentuan Pembiayaan *Al-Musyārahah* Di BMI:

Ketentuan pembiayaan *al-musyārahah* yang diamalkan oleh BMI adalah seperti berikut:

1. Bank sebagai rakan kongsi pelanggan menyediakan dana kurang dari 100% untuk pembiayaan suatu projek terpulung kepada kadar modal kedua belah pihak. Biasanya BMI hanya menyediakan kadar modal yang kurang dari modal pelanggan yang diberikan dalam pembiayaan.
2. Pembiayaan *al-musyārahah* yang dilakukan oleh BMI bersifat tunai dan usaha yang dimaksud telah memenuhi syarat kelayakan usaha.
3. Pemohon pembiayaan ini mestilah pelanggan BMI yang mempunyai akaun minimum dalam 6 bulan terakhir.
4. Penghitungan kadar nisbah untuk perkongsian untung pembiayaan *al-musyārahah* disesuaikan dengan kadar modal yang disumbangkan atau sesuai dengan kesepakatan di awal akad.
5. Pengagihan perkongsian untung dilakukan pada masa yang telah disepakati bersama seperti pertengahan tahun pembukuan atau masa yang lain.
6. Kadar perkongsian untung yang menjadi bahagian bank merupakan pendapatan yang diiktiraf oleh bank.
7. Pembiayaan *al-musyārahah* di BMI dilakukan dalam tempoh masa lebih dari 5 tahun.
8. Bank sebagai rakan kongsi bagi pelanggan boleh ikut serta dalam melakukan pengurusan ke atas projek yang dilakukan oleh pelanggan.
9. Pembiayaan *al-musyārahah* dapat dilakukan secara berkekalan atau tidak berkekalan.

10. Jika terjadi kerugian maka bank dan rakan kongsi mitra akan menanggung kerugian tersebut berdasarkan modal yang disumbangkan. Namun jika kerugian terjadi kerana kecuaiannya pengelola maka ia bertanggungjawab ke atas kerugian tersebut.³⁹³


Contoh Pembiayaan *Al-Musyarakah*:

- PT. AL-AMIN HASIBUAN memerlukan dana untuk menambah modal kerja perniagaannya sebesar Rp. 500.000.000.00 manakala modal kerja sendiri dari PT. AL-AMIN HASIBUAN hanya sebesar Rp. 400.000.000.00 atau 80% dari total modal kerja yang diperlukan. Untuk keperluan tersebut PT. AL-AMIN HASIBUAN mengajukan fasiliti pembiayaan kepada Bank Muamalat dengan total keperluan dana Rp.100.000.000.00.
- Setelah dilakukan analisis kewangan maka disetujui fasiliti *al-musyarakah* oleh Bank Muamalat kepada PT. AL-AMIN HASIBUAN seperti berikut:
 - Plafond : Rp.100.000.000.00
 - Tempoh Masa : 24 Bulan
 - Nisbah Perkongsian Untung : 20 % untuk bank dan 80 % untuk pelanggan (PT. AL-AMIN HASIBUAN).
 - Objek Perkongsian Untung : Untung bersih
 - Pembayaran Perkongsian Untung : Dilaksanakan setiap akhir bulan
 - Pengembalian Pokok : PT. AL-AMIN HASIBUAN wajib menghitung keuntungan setiap bulan dan memisahkan sebahagian daripadanya untuk pengembalian modal.³⁹⁴

³⁹³ Anna Besty Lowita (2006), *op. cit.*, h. 123.

³⁹⁴ *Ibid.*, h. 124.

**Rajah 5.3: Carta Pembiayaan Suatu Projek Berdasarkan *Al-Musyārahah* Di BMI
Jakarta:**



Sumber: *Pelatihan Bank Muamalat Indonesia Jakarta*

Keterangan:

1. Bank Muamalat Berkongsi sama dengan PT. Al-Amin Hasibuan ke atas modal untuk suatu projek yang akan dikelola oleh PT. Al-Amin Hasibuan sesuai dengan sumbangan modal dari Bank Muamalat sebesar 75% dan PT. Al-Amin Hasibuan 25%.

2. Keuntungan yang diperoleh dari projek tersebut akan dikongsi sama sesuai dengan kesepakatan di awal akad iaitu PT. Al-Amin Hasibuan selaku usahawan memperoleh kadar nisbah sebesar 80% sementara Bank hanya memperoleh 20%.

Jadual 5.3) Perbandingan Aplikasi Skim *Al-Muḍārabah* dan *Al-Musyārah* Di BMI:

Skim	Perkongsian Modal	Penentuan Nisbah	Kerugian
<i>Al-muḍārabah</i>	<i>Ṣāhib al-māl</i> 100 %	Kesepakatan	100% Risiko Ditanggung Oleh <i>Ṣāhib al-māl</i>
<i>Al-musyārah</i>	Semua Mempunyai Sumbangan	Kesepakatan	Kadar Risiko Berdasarkan Jumlah Sumbangan

Sumber: *Pelatihan Bank Muamalat Indonesia Jakarta*

5.5 KESIMPULAN

Institusi perbankan Islam telah memainkan peranan yang penting dalam menerokai pertumbuhan dan perkembangan ekonomi sesebuah Negara. Perkara ini diaplikasikan dalam pelbagai konsep dan prinsip sama ada melalui Bank Umum Syariah mahupun Unit Usaha Syariah dalam Bank Konvensional.

Aplikasi *al-muḍārabah* dan *al-musyārah* dalam produk-produk Bank Muamalat Indonesia (BMI) yang merupakan instrumen utama bagi sistem perkongsian untung dan rugi telah pun mendapat respon positif dari kalangan masyarakat luas. Kerana ianya boleh dijadikan sebagai alternatif dalam mengganti amalan sistem bunga atau riba pada Bank Konvensional.

Dalam aplikasinya BMI menawarkan produk penghimpunan dana berasaskan *al-muḍārabah* melalui akaun simpanan dan akaun semasa. BMI juga menawarkan produk penyaluran dana berasaskan prinsip *al-muḍārabah* dan *al-musyārah* melalui pembiayaan *al-muḍārabah* dan pembiayaan *al-musyārah*.

BAB 6

KESIMPULAN DAN CADANGAN

6.1 KESIMPULAN

Allah s.w.t. berfirman:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا ادْخُلُوا فِي السَّلَامِ كَافَّةً وَلَا تَتَّبِعُوا خُطَوَاتِ الشَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُبِينٌ

"Hai orang-orang yang beriman, masuklah kamu ke dalam Islam secara keseluruhan dan janganlah kamu ikuti langkah-langkah syaitan. Sesungguhnya syaitan itu adalah musuh yang nyata bagimu."

(QS. Al-Baqarah [2]: 208).

Allah s.w.t. juga berfirman:

الَّذِينَ يَأْكُلُونَ الرِّبَا لَا يَقُومُونَ إِلَّا كَمَا يَقُومُ الَّذِي يَتَخَبَّطُهُ الشَّيْطَانُ مِنَ الْمَسِّ ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ قَالُوا إِنَّمَا الْبَيْعُ مِثْلُ الرِّبَا وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا فَمَنْ جَاءَهُ مَوْعِظَةٌ مِنْ رَبِّهِ فَانْتَهَى فَلَهُ مَا سَلَفَ وَأَمْرُهُ إِلَى اللَّهِ وَمَنْ عَادَ فَأُولَئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ

"Orang-orang yang mengambil riba tidak dapat berdiri melainkan seperti berdirinya orang yang kemasukan syaitan kerana tekanan penyakit gila. Keadaan mereka yang demikian itu adalah disebabkan mereka berkata, sesungguhnya jual beli itu sama dengan riba. Padahal Allah telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba. Orang-orang yang telah sampai kepadanya larangan dari Tuhannya, lalu terus berhenti dari mengambil riba, maka baginya apa yang telah diambilnya dahulu sebelum datang larangan dan urusannya diserahkan kepada Allah. Dan orang yang kembali mengambil riba maka orang itu adalah termasuk penghuni-penghuni neraka; mereka kekal di dalamnya.."

(QS. Al-Baqarah [3]: 275).

Tujuan utama bagi pembentukan sistem ekonomi Islam adalah semata-mata untuk memansuhkan sebarang unsur riba, perjudian dan penipuan yang menjadi amalan dalam sistem perbankan konvensional. Islam dengan jelas telah mengharamkan bunga bank yang tidak lain adalah riba itu sendiri. Bahkan seluruh agama samawi turut mengharamkan amalan riba yang sama sekali tidak adil dan tidak selari dengan nilai agama.

Sistem perbankan Islam semakin mendapat tempat di kalangan masyarakat Indonesia. Implikasi ekonomi dan kewangan semasa mendorong masyarakat agar sentiasa faham dan sedar dengan perkembangan muamalat Islam khususnya dalam mencari produk yang selari dengan prinsip syariah. Kerajaan Indonesia sendiri dilihat memandang serius perkara ini dan sangat sensitif terhadap perkara barangan dan produk halal terutamanya kepada majoriti umat Islam di negara ini.

Namun demikian terlalu banyak cabaran dan ranjau yang perlu dilalui dalam mengemaskini aplikasi sistem kewangan Islam semasa memandangkan ia wujud selari dengan sistem kewangan konvensional yang lebih awal diamalkan di Indonesia. Hasil kerja keras para ahli ekonomi Islam dan penyelidikan yang berterusan ke arah

pemantapan sistem ekonomi Islam telah berjaya melahirkan produk kewangan Islam sama ada dari aspek penghimpunan dana mahupun penyaluran dana atau pembiayaan.

Bank Islam adalah institusi kewangan yang memiliki misi dan sistem yang lengkap. Misinya bukan sekadar memperolehi jumlah pelaburan yang banyak tetapi ianya mengandungi objek dan matlamat daripada bank Islam itu sendiri dalam mengamalkan ajaran Islam secara menyeluruh. Adapun sistemnya adalah berpandukan kepada syariat Islam dan kaidah-kaidahnya yang bersumber daripada al-Qur'an dan al-Hadith.

Dengan demikian bank Islam adalah institusi kewangan yang berfungsi melaburkan dana masyarakat sesuai dengan anjaran Islam secara efektif dan memberi keuntungan bagi kepentingan umat Islam. Kerana matlamat utama daripada pengamalan Bank Islam adalah untuk menyatukan umat Islam, mengembalikan kekuatan, peranan dan kedudukan Islam di muka bumi dengan gilang gemilang.

Perkembangan institusi kewangan syariah mula muncul dengan penubuhan bank Islam pertama yang bernama *Mit Ghamr Local Saving Bank* pada tahun 1963 di bandar Mit Ghamr, Mesir. Perkembangan ini berlanjut dengan penubuhan *Islamic Development Bank* (Bank Pembangunan Islam) dan penubuhan Persatuan Bank Islam Antarabangsa (*International Islamic Banking Association*) di Jeddah pada tahun 1975 serta penubuhan Bank Islam di rantau Asia seperti penubuhan Bank Islam Malaysia Berhad pada tahun 1981 dan Bank Muamalat Malaysia Berhad pada tahun 1991 di Malaysia.

Fenomena perkembangan bank Islam di Indonesia mula muncul dengan penubuhan Bank Muamalat Indonesia (BMI) yang rasmi beroperasi pada 1 Mei

1992. BMI bukan sekedar bank Islam pertama tetapi ia juga adalah institusi keuangan pertama yang menerapkan sistem syariah di Indonesia.

Kemudian Bank Syariah Mandiri (BSM) yang merupakan hasil peralihan daripada sistem perbankan konvensional kepada sistem perbankan Islam yang resmi menerapkan sistem syariah pada 19 November 1999. Selanjutnya Bank Syariah Mega Indonesia juga turut ditubuhkan pada tahun 2004.

Selanjutnya Unit Usaha Syariah pula turut diamalkan oleh bank konvensional di Indonesia. Bank IFI adalah bank pertama yang mengamalkan mekanisme *Dual Banking System*, iaitu suatu badan usaha perbankan yang memiliki dua sistem operasi sekaligus yaitu sistem konvensional dan sistem syariah. Namun dalam pengelolaan dana diantara keduanya harus tetap dipisahkan. Kemudian Unit Usaha Syariah lainnya turut bermunculan seperti BNI Syariah, BRI Syariah, Bank Danamon Syariah dan sebagainya.

Selain daripada itu, Bank Perkreditan Syariah (BPRS) turut mengalami perkembangan dan pertumbuhan yang memberangsangkan. Hingga akhir tahun 2007 jumlahnya mencapai 120 buah.

Ada tiga cara untuk membentuk sesebuah bank Islam di Indonesia:

1. Mendirikan bank Islam secara langsung dengan *full system Syariah* seperti Bank Muamalat Indonesia.

2. Melakukan konversi dari bank konvensional ke bank Islam. Inipun biasanya menggunakan *full system syariah* seperti Bank Syariah Mandiri dan Bank Syariah Mega Indonesia.
3. Membuka Unit Usaha Syariah dalam bank konvensional yang dapat dilakukan dengan menggunakan *Dual Banking System*.

Bank Islam yang ada di Indonesia sedikit berbeza dengan bank Islam yang ada di negara-negara lain. Perkhidmatan sosial pada bank Islam di Indonesia masih dihad oleh undang-undang perbankan Indonesia dimana bank Islam tidak boleh melakukan perkhidmatan sosial yang menjadi bidang kuasa institusi sosial yang wujud di negara ini. Disamping itu, Instrumen dan produk bank Islam masih banyak bertumpu kepada sistem *al-murābahah* padahal bank Islam mempunyai banyak sistem pelaburan yang aman dan terjamin seperti *al-muḍārabah* dan *al-musyārahah*.

Memang suatu hal yang wajar jika bank Islam di Indonesia belum mampu bersaing dengan bank Islam di timur tengah karena bank Islam di timur tengah sudah lama wujud dan mendapat sokongan padu daripada masyarakat dan kerajaan serta penerbitan undang-undang khas yang mengatur sistem perbankan Islam seperti di Kuwait, Mesir, Irak, Sudan dan Pakistan.

Bank Muamalat Indonesia di Jakarta menawarkan pelbagai perkhidmatan kepada pelanggan seperti perkhidmatan pembukaan akaun simpanan, akaun semasa dan perkhidmatan pembiayaan ekuiti berasaskan prinsip *al-muḍārabah* dan *al-musyārahah*.

Amalan kedua prinsip *al-muḍārabah* dan *al-musyārahah* adalah selari dengan prinsip syariah dan pendapat para fuqaha seperti amalan pada akad pembukaan akaun

simpana, akaun semasa dan pembiayaan ekuiti berasaskan *al-muḍārabah* dan *al-musyārahah*.

6.2 CADANGAN

Salah satu persamaan bank Islam dengan bank konvensional adalah kedua-duanya berusaha mencari keuntungan yang sebesar-besarnya. Dengan tujuan tersebut bank Islam dituntut untuk terus berkembang dan menjadi institusi kewangan yang maju dan profesional. Perkara ini dapat dijadikan sebagai referensi dan motivasi dalam mengembangkan polisi dan aturan ke atas sistem perbankan Islam.

Untuk itu, di sini akan diuraikan beberapa cadangan yang dapat menyokong perkembangan bank Islam supaya mampu dan mempunyai daya saing yang kuat dalam menerokai bidang ekonomi dan kewangan di Indonesia di tengah-tengah kewujudan bank konvensional.

Dalam upaya pengharaman bunga bank, bank Islam semestinya memberi penjelasan yang lebih detail tentang hakikat pengharaman riba dan persamannya dengan bunga bank. Selanjutnya bank Islam juga mesti menjelaskan alternatif dan pengganti kepada bunga bank sehingga masyarakat faham dan sedar akan kewujudan bank Islam yang boleh menjadi pilihan untuk menyimpan wang dan melakukan pelaburan yang terbebas dari sebarang perkara haram dan syubhat.

Prinsip *al-muḍārabah* dan *al-musyārah* yang merupakan instrumen ke atas sistem perkongsian untung dan rugi dalam amalan Bank Muamalat Indonesia (BMI) dicadangkan supaya lebih mengembangkan produknya yang menyeluruh seperti kandungan kedua-dua prinsip ini yang sangat luas. Sehingga ianya tidak terhad hanya pembukaan akaun dan pembiayaan tertentu sahaja, tetapi ianya juga mencakup pelaburan dan pembiayaan ke atas projek yang besar.

Di samping itu, dalam menentukan bahagian dari perkongsian untung, BMI dikehendaki menerapkan sistem keterbukaan pengurusan kewangan sehingga pelanggan mengetahui berapa keuntungan dan kerugian bank. Terkadang kadar nisbah perkongsian untung juga tidak dijelaskan kepada pelanggan sehingga banyak pelanggan yang menanyakan perihal ini.

Selanjutnya bank Islam dikehendaki melakukan kerjasama dengan pihak-pihak terkait untuk menumbuhkan kesedaran masyarakat dalam mengembangkan ekonomi Islam. Bank Islam juga dicadangkan untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada pelanggan supaya kepercayaan pelanggan semakin meningkat.

Akhirnya bank Islam juga dikehendaki meningkatkan kualiti teknologi yang digunakan untuk memudahkan pelanggan dalam melakukan transaksi perbankan.

BIBLIOGRAFI

A. BAHASA MELAYU

A. Perwataatmadja, Karnaen (1992), *Apa dan Bagaimana Bank Islam*. Jakarta: Risalah Gusti.

Abdullah Muhammad Basmeh (1983), *Tafsir Pimpinan al-Rahman*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri Bahagian Agama.

Abdul Halim Ismail, *Bank Islam Sebagai Satu Institusi Pembangunan Masyarakat Islam*, dalam Muhammad Syukri Salleh (ed.) (1990), *Konsep dan Pelaksanaan Pembangunan Berteraskan Islam*. Pulau Penang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.

Ab. Mumin Ab. Ghani (1999), *Sistem Kewangan Islam dan Pelaksanaannya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Adiwarman Azwar Karim (2006), *Bank Islam Analisis Fiqih dan Keuangan*. Vol. III, Jakarta: PT. Raja Grafindo Persada.

Al-Nabhani, Taqitudin (1996). *Membangun Sistem Ekonomi alternatif dalam prespektip Islam*. Surabaya: Risalah Gusti.

Arifin, Zainal (2001), *Dasar Manajemen Bank Syariah*. Jakarta: Al-Vabet.

Haron, Sudin (1996), *Prinsip dan Operasi Perbankan Islam*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd.

_____ (2007), *Sistem Kewangan dan Perbankan Islam*. Cet. 2. Kuala Lumpur: Kuala Lumpur Business School.

Hj. Daud, Mustafa (1994), *Perniagaan Menurut Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publication dan Distribution Sdn Bhd.

Kasmir (1988), *Bank dan Lembaga Kewangan Lainnya*. Jakarta: PT. Raja Grafindo Persada.

- Laporan Perkembangan Bank Islam Tahun 2007* Oleh Direktorat Perbankan Islam Bank Indonesia. Jakarta: Bank Indonesia.
- Marzuki, Indra (2003), *Perbankan Islam di Indonesia Sebelum dan Selepas Reformasi serta Tinjauan Operasi Bank Syariah Mandiri*. Jakarta: Risalah Gusti.
- Muhammad (2000), *Sistem dan Prosedur Operasional Bank Mumamalat Indonesia*. Yogyakarta: Universitas Islam Indonesia Press.
- Muhammad M.Ag (2002), *Manajemen Bank Syariah*. Yogyakarta: UPP AMP YPKN.
- Muhammad Yunus (1989), *Al-Qur'an dan Terjemah*. Bandung: Darul Ma'rifah.
- Muslehuddin, Mohammad (1986), *Urusan Bank dan Hukum Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Osman Sabran (2001), *Urus Niaga al-Qarḍ al-Ḥasan Dalam Pinjaman Tanpa Riba*. Johor Bahru: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Pengantar Bank Indonesia dalam Kodifikasi Bank Islam* (2006), Jakarta: Bank Indonesia.
- Raharjo, M. Dawam (1992), *Bank Islam Suatu Alternatif Dalam Sisitem Perbankan Islam*. Bandung: al-Vabet.
- Rahmi Sina Ismail, Herda (1999), *Sistem dan Peranan Bank Perkreditan Rakyat Syariah Sebagai Sebuah Institusi Perbankan Islam di Indonesia: Satu Tinjauan Menurut Perspektif Islam*. Jakarta: Gema Insani Press.
- Rosli Mahmood (1994), *Konsep asas Perbankan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Salamon, Sabri (1984), *Bank Islam*. Kuala Lumpur: Persatuan Ulama Malaysia.
- Suhrawardi K. Lubis (2000), *Hukum Ekonomi Islam*, Cet. 2. Jakarta: Sinar Grafika.
- Sutan Remy Sjahdeneini (1999), *Perbankan Islam dan Kedudukannya dalam Tata Hukum Perbankan Indonesia*. Jakarta: Temprint.
- Suyanto, Thomas (1999), *Kelembagaan Perbankan*. Jakarta: PT. Gramedia Pustaka Utama.
- Syafi'i Antonio, Muhammad. (2000), *Bank Syariah dari Tiori ke Praktek*. Jakarta: Gema Insani Press.
- Undang-Undang RI. No. 10 tahun 1999 Tentang Perbankan*. Jakarta: Sinar Graka.
- Warkum Sumitro (2004), *Asas-asas Perbankan Islam dan Lembaga-lembaga Terkait (BMUI dan Takaful) di Indonesia*. Jakarta: PT Raja Grafindo Persada.
- Zainul Arifin (1999), *Memahami Bank Syariah; Lingkup, Peluang, Tantangan dan Prospek*. Jakarta: Alvabet.

_____ (2002), *Dasar-Dasar Manajemen Bank Islam*. Jakarta: Alvabet.

Zainul Bahar Noor (2006), *Bank Muamalat; Sebuah Mimpi, Harapan dan Kenyataan*. Jakarta: Bening Publishing.

B. BAHASA INGGRIS

Abdullah Saeed (1996), *Islamic Banking and Interest: A Study of the Prohibition of riba and its Contemporary Interpretation*, Leiden: EJ Brill.

Afzal Al-Rahman (1976), *Economic Doctrines of Islam: Banking and Insurance*. Vol. 4. London: The Muslim School Trust,.

Ahmad Abd al-Aziz al-Negar (1984), *100 Questions and Answers Concening Islamic Bank*. (terj) Muhammad Dziauddin Hj Ahmad, Kuala Lumpur: Persatuan Ulama Malaysia.

Ahmad, Ausuf (1995), *The Evolution of Islamic Banking, dalam Encyclopedia of Islamic Banking and Insurance*. London: Institute of Islamic Banking and Insurance.

Ahmad, Ziauddin (1994), *Islamic Banking: The State of Art*. Jeddah: Islamic Development Bank.

_____ (1979), *Banking and Insurance*. London: The Muslim School Trust

Andrew Cunningham (1990), *Islamci Banking And Finance Prospects for The 1990*. London: Middle East Economic Digest.

Azlan Khalili. Hj. Shamsuddin (1988), *Banking and Public Finance In Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar.

BIRT (2001), *Equity and Debt Financing: an Islamic Banking and Finance*. Lectures series.

Erik Trolle Schuitz (1986), “*How the First Islamic Bank was Established in Europa*”, dalam Butterworth Editorial Staff (ed.) *Islamic Banking and Finance*. London: Butterworth And Co. Ltd.

Groot, Adrian D. De (1960), *Methodology Foundation of Influence and Research in The Behavioural Sciences*. Belgium: Mountion & Co.

Khan, Shahruxh Rafi (1987), *Profit and Loss Sharing: An Islamic Experiment in Finance and Banking*. Karachi: Oxford University Press.

Max Weber (1976), *The Protestant Ethic and the Spirit of Capitalism*. London: George Allen & Unwin Ltd.

Michael Poole (1989), *The origins of economic democracy: profit-sharing and employee-shareholding schemes*. New York: Routledge.

- Muhammad Abdul Mannan (1970), *Islamic Economics: Theory and Practice*. Lohare: Ashraf Publication.
- Muhammad Abu Suad (1980), “*Money, Interest and Qirad*”, Dalam Khurshid Ahmad (ed.), *Studies Islamic Economics*. Leicester: Islamic Foundation.
- Muhammad Nejatullah Siddiqi (1981), *Muslim Economic Thinking Asurvey of Contemporary Literature*. Leicester: The Islamic Foundation
- _____ (1980), “*Islamic Banking: Theory and Practice*”, dalam Mohamad Arif (ed.) *Islamic Banking in Southeast Asia*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Munawar Iqbal (2002), *Islamic banking and finance: new perspectives on profit sharing and risk*. London: Edward Elgard Pub.
- M. N. Huda (1960), “*Economics Accepting Islam*”, Dalam, *World Muslim League*. Singapore. V. 1, No. 3.
- M. Robinson (1974), *Islam and Capitalism*. London: Allen Lane
- R.K. Ready (1967), “*The Egyptian Manicipal Saving Bank Project*”, Dalam *International Development Review*, Vol. 9.
- Sami Hasan Hamoud (1985), *Islamic Banking*. London: Arab Information Ltd.
- Steven M. Sheffrin (2003), *Economics: Principles in action*. New Jersey: Pearson Prentice Hall.
- Sudin Haron & Bala Shanmugam (1997), *Islamci Banking System, Concepts And Aplications*. Petaling Jaya: Pelanduk Publications Sdn. Bhd
- Yusuf Talal DeLorezo (1997), *A Compendium of legal opinions on the operations of Islamic Banks : murabahah, mudarabah, and musharakah*. London: Institute of Islamic Banking and Insurance.
- Zakariya Man (1988), “*Islamic Banking: The Malaysian Experience*”, dalam Mohamed Ariff (ed.), *Islamic Banking in Southeast Asia*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.

C. BAHASA ARAB

- Abū ʿAbdullah Muḥammad Ibn Aḥmad Al-Anṣārī Al-Qurṭubī (1935), *Al-Jāmiʿ li Aḥkām Al-Qurʿan*. Kaherah: Maṭbaʿah Dār al-Kutub al-Miṣriyyah.
- Abū Al-Aʿlā Al-Mawdūdī (1087), *Al-Ribā*. Jeddah: Al-Dār Al-Suʿūdiyyah.
- ʿAbdul ʿAzīz Al-Khayyāt (1988), *Al-Syirkah fi al-Syarīʿah al-Islāmiyyah*. Beirut: Muʿassasah al-Risālah.

- °Abdul Raḥmān Al-Jazīrī (1986), *Al-Fiqh °Alā Madhāhib Al-Arba°ah*. Kaherah: Dār al-Irsyād wa li al-Ṭibā°ah wa al-Nasyr.
- °Abdul Raḥmān Ibn Al-Kamāl Jalāl Al-Dīn Al-Suyūṭī (1983), *Tafsīr al-Durr al-Manthūr fī al-Tafsīr al-Ma°thūr*. Beirut: Dār Al-Fikr.
- Abū Ḥasan °Alī Ibn Muḥammad Ibn Al-Ḥabīb Al-Māwardī (t.t), *Al-Muḍārabah*. Beirut: Dār al-Kutub al-°Ilmiyyah.
- _____ (1994), *al-Ḥāwī al-Kabīr*. Beirut: Dār al-Fikr.
- Abū Ja°far Muḥammad Ibn Jarīr Al-Ṭabarī (1983) *Al-Bayān fī Tafsīr al-Qur'an*. Beirut: Dār al-Ma°rifah.
- Abū Dāwūd (1997), *Sunan Abū Dāwūd*. Kaherah: Dār Al-Hadīth.
- Abū °Ubaid Al-Qāsim Ibn Salām (1975), *Kitab Al-Amwāl*, Taḥqīq Muḥammad Khalīl Ḥarrās. Kaherah: Dār Al-Fikr.
- Aḥmad Al-Dardīr (t.t), *Al-Syarḥ al-Kabīr Li Abu al-Barakāt*, juz 3. Mesir: Dār Iḥyā° al-Kutub al-°Arabiyyah.
- Aḥmad Ibn Ḥusayn Ibn °Alī Al-Bayhaqī (1998), *al-Sunan al-Kubrā*. Kaherah: Dār al-Hadīth.
- Aḥmad Ibn Muḥammad Ibn Ḥanbal (1978), *Musnad al-Imām Aḥmad Ibn Ḥanbal*. Beirut: Dār al-Kutub al-°Ilmiyyah.
- Aḥmad Ibn Yaḥyā al-Murtaḍā (1948), *Kitāb al-Bah al-Zakḥkhān al-Jāmi° li Madhhab °Ulamā al-Amsār*. Kaherah: Maktabah al-Khauj.
- Aḥmad Muḥammad al-Najjār (1993), *Ḥarakah Al-Bunūk Al-Islāmiyyah; Ḥaqāiq Al-Aṣl wa Auhām Al-Sūrah*. Kāherah: Syarikah Maṭba°ah Muṣṭafā Al-Bābī Al-Ḥalabī wa Awlādih.
- Aḥmad Muṣṭafā Al-Marāghī (1963), *Tafsīr al-Marāghī*. Kaherah: Dār al-Kutub al-Miṣriyyah.
- °Alī Ibn °Umar al-Dāraquṭnī (1993), *Sunan al-Dāraquṭnī*. Beirut: Dār Iḥyā° al-Turāth al-°Arabī.
- Al-Kāsanī (ṭṭ), *Bada°i° Al-Sana°i° fī Tartib Al-Syara°i°*. Kaherah: Maṭba°ah Jamaliyah.
- Al-Nawawī (1985), *Rawḍah al-Tālibīn*. Beirut: al-Maktab al-Islāmī.
- _____ (ṭ.ṭ.), *Al-Majmū°*. Kaherah: Syarikah Maṭba°ah Muṣṭafā Al-Bābī Al-Ḥalabī wa Awlādih.
- Al-Rāfi°i (1991), *al-°Azīz bi Syarḥ al-Wajīz*. Beirut: Dār al-Kutub al-°Ilmiyyah
- Al-Sya°rānī (1981), *Al-Mīzān Al-Kubrā*. Beirut: Dār al-Fikr.

- Al-Syawkānī (1971) *Nayl al-Awṭār*. Kaherah: Syarikah wa Maktabah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī wa Awlādih.
- Al-Syīrāzī (1976), *Al-Muhadhdhab*. Kaherah: Syarikah wa Maktabah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī wa Awlādih.
- Al-Zaila‘i (2000), *Tabyin al-Haqa’iq*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- ‘Āmir ‘Abdul Bāsiṭ (1994), *Al-Muḍārabah*. Kaherah: Al-Syirkah Al-Miṣriyyah.
- Burhān al-Dīn ‘Alī Ibn Abu Bakr al-Marghinānī (t.t), *Al-Hidāyah*. Kaherah: Syarikah wa Maktabah Muṣṭafā Al-Bābī Al-Ḥalabī wa Awlādih.
- Ḥasan Ṣāliḥ Al-‘Ināni (ed) (1983), *Mu‘jizat Al-Islam fī Al-Mauqifah min Al-Ribā*. Kaherah: Ma‘had Al-Daulī li al-Bunūk wa Al-Ribā Al-Islāmi.
- Ibn ‘Ābidīn (1987), *Ḥāsiyyah Ibn ‘Ābidīn*. Kaherah: Syarikah wa Maktabah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī wa Awlādih,
- Ibn Al-Humām (1970), *Syarḥ Fath Al-Qadīr*. Kaherah: Syarikah wa Maktabah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī wa Awlādih.
- Ibn Hisyām Muḥammad ‘Abdul Mālik (1992), *al-Sīrah al-Nabawiyyah*. Beirut: al-Maktabah al-‘Aṣriyyah.
- Ibn Kathīr (tt), *Tafsīr Ibn Kathīr*. Kaherah: Maktabah Zahrān.
- Ibn Mājah (tt), *Sunan Ibn Mājah*. Kaherah: Dār Iḥyā‘ al-Kutub al-‘Arabiyyah.
- Ibn Qudāmah (1980), *Al-Mughnī*, Kaherah: Dār al-Kitāb al-‘Arabiyyah.
- _____ (t.t.), *al-Syarḥ al-Kabīr*. Kaherah: Dār al-Kitāb al-‘Arabiyyah.
- Ibrāhīm Al-Ṭaḥāwī (1974), *Al-Iqtisād Al-Islāmi Madhhaban wa Niẓāman*. Kaherah: Al-Hai’ah Al-‘Āmmah Li Al-Syu’ūn Al-Maṭābi‘ Al-Āmiriyyah.
- ‘Imād Al-Dīn Ibn Muḥammad Al-Tabarī Al-Harrāsī (1985), *Aḥkām Al-Qur’an*. Beirut: Dār Al-Kutub Al-‘Ilmiyyah.
- Mālik Ibn Anas (1983), *Al-Muwaṭṭa’*. Beirut: Dār al-Āfāq al-Jadīdah.
- Manṣūr Ibn Yūnus Ibn Idrīs Al-Baḥūṭī (1982), *Kasysyāf Al-Qinā‘ ‘an Matni Al-Iqnā’*. Beirut: Dār Al-Fikr.
- _____ (1970), *al-Rawḍ al-Marbī Syaikh Zar al-Mustaqnī*. Riyad: Maktabah al-Riyāḍ al-Hadīthah, h. 533.
- Muḥammad ‘Abd Al-Mu’min Al-Jammāl (1986), *Mawsū‘ah Al-Iqtisād Al-Islāmi wa Dirāsah Muqāranah*. Beirut: Dār Al-Kutub Al-Lubnāni.
- Muḥammad Al-Syarbīnī Al-Khaṭīb (1980), *Mughnī Al-Muḥtāj*. Kaherah: Dār Al-Hadīth.

- Muḥammad Bāqir Al-Ṣadr (1982), *Iqtisāduna*. Beirut: Dār al-Taʿāruf li al-Maṭbuʿāt.
- Muḥammad Ibn Aḥmad Ibn Baṭṭāl al-Rakabī (t.t), *al-Nuẓum al-Mustaadhabah Fi Syarḥ Gharīb al-Muhadhdhab*. Kaherah: Syarikah wa Maktabah Muṣṭafā Al-Bābī Al-Ḥalabī wa Awlādih.
- Muḥammad Ibn Ismāʿil Ibn Ibrāhīm Al-Bukhārī (1981), *Ṣaḥīḥ Al-Bukhārī*. Istanbul: al-Maktabah al-Islāmiyyah.
- Muṣṭafā ʿAbdullāh Al-Hamsyarī (1973), *Al-Aʿmāl Al-Maṣrafiyyah wa Al-Islam*. Kaherah: Maṭābiʿ Al-Syirkah Al-Miṣriyyah.
- Muṣṭafā Al-Khin (1998), *al-Fiqh al-Manhajī ʿalā Madhhab al-Imām al-Syāfiʿī*. Juz 3. Damsyiq: Dār al-Qalam.
- Muḥammad Ibn ʿAbdullāh Al-Zarkasyī (1993), *Syarḥ al-Zarkasyī ʿalā Mukhtaṣar al-Kharqī*. Riyad: Maktabah al-ʿUbaikān.
- Muslim Ibn Al-Ḥajjāj Ibn Muslim Al-Naysābūrī (1990) *Ṣaḥīḥ Muslim*. Kaherah: Dār al-Hadīth.
- Rafīq Yūnus Al-Miṣrī (1987), *Maṣraf Al-Tanmiyah Al-Islāmī Aw Muḥāwalah Jadīdah fi Al-Ribā Wa Al-Fā'idah Wa Al-Bank*. Beirut: Muassasah al-Risālah.
- _____ (1991), *al-Jāmiʿ fi Uṣūl al-Ribā*. Damsyiq: Dār al-Qalam.
- Rasyīd Riḍā (1999), *Al-Ribā wa al-Muʿāmalāt fī al-Islām*. Beirut: Dār Ibn Zaydūn.
- Saʿd Ibn Gharīr Ibn Maḥdī Al-Sulamī (1997/1417), *Syirkat Al-Muḍārabah fī Al-Fiqh Al-Islāmī; Dirāsah Taḥlīliyyah Muqāranah*. Kerajaan Arab Saudi: Markaz Buhūth Al-Dirāsāt Al-Islāmiyyah bi Jāmiʿāt Umm Al-Qurā.
- Sāmī Ḥasan Aḥmad Ḥamūd (1991), *Taṭwīr Al-ʿAmāl Al-Maṣrafiyyah*. Kāherah: Maktabah Dar Al-Turāth.
- Samīr al-Hudaybī (1988), *Nahw al-Iqtisād al-Islāmī*. TNTT: al-Zahrah li al-ʿIlām al-ʿArabī.
- Sayyid Quṭb (1983), *Fī Zilāl Al-Qur'an*. Beirut: Dār Al-Syurūq.
- Sayyid Sābiq (1987), *Fiqh Al-Sunnah*. Beirut: Dār al-Kitāb al-ʿArabī.
- Sulaymān Ibn Aḥmad Al-Ṭabrānī (1995), *al-Muʿjam al-Awsaṭ*. Kaherah: Dār al-Hamayān, h. 231.
- Sulaymān Ibn ʿUmar Ibn Maṣṣūr Al-ʿAjlī (1996), *Ḥāsiyyah al-Jumal ʿalā Syarḥ al-Minhāj*. Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
- Syam al-Dīn al-Sarakhsī (1978), *al-Mabsūṭ*. Beirut: Dār al-Maʿrifah.
- Syam al-Dīn Muhammad Ibn Abū ʿAbbās Aḥmad Ibn Syihāb al-Dīn al-Ramlī (1938), *Nihāyah al-Muḥtāj*. Kaherah: Syarikah wa Makatabah Muṣṭafā Al-Bābī Al-Ḥalabī

- wa Awlādih.
 Wahbah Al-Zuhaylī (1986), *Al-Fiqh Al-Islāmī wa Adillatuh*. Beirut: Dār al-Fikr.
- _____ (1991), *Al-Tafsīr Al-Munīr*. Beirut: Dār Al-Fikr Al-Mu^cāṣir.
- Yūsuf Al-Qarḍāwī (1990), *Fawā'id Al-Bunūk Hiya Al-Ribā Al-Muḥarram*. Kaherah: Dār Al-Wafā'.
- Yūsuf Kamāl Muḥammad (2001), *Kaifa Nufakkiru Istirātijyyan; Usus al-Iqtisād al-Islāmī*. Kaherah: Dār al-Tawzī^c wa al-Nasyr al-Islāmiyyah.
- Zakariyā Muḥammad al-Fālih al-Qudah (1984), *Al-Salam Wa Al-Muḍārabah Min ^cawāmil Al-Taysīr Fi Al-Syari^cah Al-Islāmiyyah*. Amman: Dar al-Fikr.

D. DISERTASI, TESIS DAN LATIHAN ILMIAH.

- Aini Amirah Mahmud (2000), *Bon Mudarabah: Konsep dan Pelaksanaannya di Cagamas Berhad*. (Latihan ilmiah, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).
- Anna Besty Lowita (2006), *Analisis Sistem Pembiayaan Al-Musyārah pada Bank Muamalat Indonesia*. Disertasi Master Manajemen Universiti Gunadarma, Jakarta.
- Dayang Zuraidah Awang Sulung (1996), *Pelaksanaan Skim mudarabah: Keberkesanannya Dalam Meningkatkan Pembangunan Bank Rakyat*. (Latihan Ilmiah, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).
- Fitriani Agustina (2006), *Pengaruh Kepemimpinan dalam Mengamankan Piutang Murabahah pada Bank Muamalat Indonesia*. Latihan Ilmiah Jurusan Akuntansi, Universitas Islam Bekasi.
- Fitrianto (2006), *Analisis Pelaksanaan Prinsip Al-Mudarabah Oleh Bank Islam Mandiri Dan Bank Muamalat Indonesia Cawangan Pekanbaru, Riau, Indonesia*. Disertasi Master Pengajian Islam, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Haini Hasini (1997), *Skim Pelaburan Mudarabah: Sambutan Masyarakat Dari Persepsi Pihak Pengurus Terhadap Pelaksanaannya*. (Latihan Ilmiah, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).
- Khajali Idris (1998), *Perbandingan Penerimaan Diantara Pendeposit Muslim dan Bukan Muslim terhadap Instrumen al-wadi'ah dan mudarabah*. (Latihan Ilmiah, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).
- Muhammad ^cAbd Al-Ra'uf Hamzah (2006/1427), *Al-Musyarakah fī Al-Syari^cah Al-Islamiyyah*. Disertasi Master pada bahagian Ekonomi dan Perbankan Islam di St. Clements University, London-UK.

- Muhammad Ali bin Ja'far (2003), Pelaksanaan Mudarabah Dalam Skim Takaful AM: Kajian di Takaful Nasional SDN Berhad. (Latihan Ilmiah, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).
- Muhammad Haekal (2006), Sistem Bagi Hasil Pembiayaan Modal Kerja Mudarabah Pada Bank Muamalat Indonesia. Latihan Ilmiah Pada Jurusan Akuntansi, Sekolah Tinggi Ilmu Ekonomi Indonesia, Jakarta.
- Muhammad Kamal Azman bin Jusoh (1998), Konsep Muḍārabah Di Dalam Sebahagian Produk Takaful: Kajian Perlaksanaannya Berdasarkan Pandangan Empat Mazhab. Disertasi Sarjana Pengajian Islam, Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Muhammad Naim Idris (2000), Pelaksanaan Prinsip Mudarabah Dalam Pelaburan: Kajian di Koperasi Siswazah Berhad KOSIS. (Latihan Ilmiah, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).
- Nik Nor Hasidi Nik Wil (2000), Dasar Penubuhan Bank Islam Berasaskan Konsep Muḍārabah Dan Musyārah: Realiti Dan Kejayaannya Dalam Operasi Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB). Latihan Ilmiah, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Noprizal bin Muhammad Yunus (2006), Kriteria Pelaburan Bank Islam: Aplikasi Muḍārabah pada Bank Negara Indonesia. Disertasi Master Pengajian Islam, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Norazlina Nawawi (1998/1999), Penggunaan Prinsip Al-Muḍārabah dan Al-Musyārah Dalam Pembiayaan Ekuiti Secara Islam. Latihan Ilmiah, Jabatan Syariah dan Pengurusan, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Nurulbahiah binti Awang (2003), Mushārah: Satu Kajian Perbandingan Antara Prinsip Perkongsian Dalam Syarak Dan Prinsip Perkongsian Mengikut Peruntukan Akta Perkongsian 1961. Disertasi Sarjana, Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Nurul Huda Yahya @ Yahuza (2001), Pelaksanaan Prinsip Muḍārabah di dalam akaun Pelaburan am mudarabah: Kajian kes di Bank Pertanian Malaysia. (Latihan Ilmiah, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).
- Rosnita binti Jaafar (2007), Mushārah dan Muḍārabah: Pelaksanaannya Dalam Pembiayaan Ekuiti Di Malaysia. Disertasi Sarjana Pengajian Islam, Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Saimi Bujang (2002), Daya Saing Instrumen Musyārah: Satu Kajian Di BIMB. Latihan Ilmiah, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Thurayya binti Yahyah (1998), *Pelaksanaan Skim Muḍārabah di Bank Islam Malaysia Berhad: Sejauh Mana Keberkesanannya*. (Latihan Ilmiah, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

Youlve (2003), *Evaluasi Sistem Pemberian Pembiayaan Pada Bank Islam Muamalat Indonesia*. Skripsi Pada Jabatan Ekonomi, Universiti Gunadarma, Jakarta.

Yusuf Ramli (2003), *Mudarabah: Konsep dan Pemakaiannya dalam Institusi Kewangan di Malaysia*. (Tesis, Ph.D. Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

E. LAMAN WEB.

www.bi.go.id: Laman Bank Indonesia. Diekses pada tarikh 15 Januari 2008.

www.bsmi.co.id: Laman Bank Mega Syariah Indonesia. Diekses pada tarikh 15 Januari 2008.

www.muamalatbank.com: Laman Bank Muamalat Indonesia. Diekses pada tarikh 7 Januari 2008 dan 17 Februari 2008.

www.syariahmandiri.co.id: Laman Bank Syariah mandiri. Diekses pada tarikh 13 Februari 2008.

www.wikipedia-bahasaindonesia.org//sejarahbanksyariah. Diekses pada 17 Disember 2007.

F. JURNAL DAN KERTAS KERJA.

Azmi Omar (1986), *Bank Islam Diantara Muamalat Ideologi dan Perniagaan*. Kertas kerja 1V Kursus Jangka Pendek Ekonomi Islam, Sistem Kewangan, Universiti Islam antara Bangsa.

Joni Tamkin bin Borhan (2002), *Pelaksanaan Prinsip-prinsip Syariah Dalam Amalan Perbankan Islam di Malaysia*. (Kertas Kerja, Anjuran Jabatan Syariah dan Ekonomi Akademi Pengajian Islam, Univesiti Malaya).

_____ (2000), *Budaya muamalat Setempat Sebagai Asas Pertimbangan Produk-Produk Muamlat Dalam Amalan Perbankan*. (Kertas Kerja Seminar Hukum Islam III peringkat kebangsaan, sesi V, *Pengaruh budaya dalam menentukan Hukum Muamalat*, 7 dan 8 November 2000, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam Univesiti Malaya, Kuala Lumpur).

_____ (2001), *Sistem Perbankan Islam di Malaysia: Sejarah Perkembangan Prinsip Dan Amalannya*. Jurnal Usuluddin. bil. 14. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Muhammad Daud Bakar (1992), *Aspek-aspek perniagaan projek dalam amalan perbankan Islam*. Jurnal Syariah. Bil, 9 (ed.). Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

Ismail, Abdul Halim (1994), *Islamic and Conventional Financial System*,” paper (Presented on seminar on Islamics Investment.). Kuala Lumpur: Pan Pacific Glenmarle GLOF and Country Resort Diversified Research Sdn. Bhd, 2-3 Ogos 1994.

G. KAMUS

Abū al-Faḍl Jamāl al-Dīn Muḥammad Ibn Mukarram al-Anṣārī Ibn Manẓūr (1994), *Lisān al-ʿArab*, Kaheerah: Dār al-Ṣādir.

Abū Maṣṣūr Al-Azhārī (2001), *Muʿjam Tahdhīb al-Lughah*. Jil. 2. Beirut: Dār al-Maʿrifah, h. 1865.

Aḥmad Al-ʿĀyid (1999), *Al-Muʿjam Al-ʿArabī Al-Asāsī*. Al-Munazzamah Al-ʿArabiyyah li Al-Tarbiyah wa Al-Thaqāfah wa al-ʿUlūm. Kaheerah: Jāmiʿat Al-Duwal al-ʿArabiyyah.

F. Streingass (t.t), *A Learner English-Arabic Dictionary*. Beirut: Riad Solh Square.

J.A. Simpson dan E.S.C. Weiner (1989), *The Oxford English Dictionary*. Oxford: Clarendon Press.

John Wortabet dan John L. Mish (1954), *English Arabic Dictionary*. New York: Frederick Cingar Publishing Co.

Shaari Abd. Hamid (1998), *Kamus Perbankan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Teuku Iskandar (1984), *Kamus Dewan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.


H. TEMUBUAL


Temubual dengan Direktur Muamalat Institute, Prof. H. Amir Batubara, pada tarikh 15 Mei 2007.

Temubual dengan Ketua Riset Muamalat Institute, H. A. Nuryadi Asmawi, L.LB, MA, pada tarikh 16 Mei 2007.

LAMPIRAN:


STRUKTUR ORGANISASI BANK MUAMALAT INDONESIA






(Sumber: Bank Muamalat Indonesia)

PRODUK DAN KHIDMAT BANK MUAMALAT INDONESIA




(Sumber: Bank Muamalat Indonesia)

HUBUNGAN BANK DENGAN NASABAH PADA AKAD MUDHARABAH DALAM RANGKA PENETAPAN NISBAH




(Sumber: Bank Muamalat Indonesia)

CARTA AMALAN AL-MUDARABAH OLEH BMI, JAKARTA



(Sumber: Bank Muamalat Indonesia)

CARTA AMALAN AL-MUSYARAKAH OLEH BMI, JAKARTA



(Sumber: Bank Muamalat Indonesia)

**TRANSCRIPT TEMUBUAL DENGAN DIREKTUR DAN KETUA BIDANG
RISET MUAMALAT INSTITUTE DI IBU PEJABAT BANK MUAMALAT
INDONESIA (BMI), JAKARTA**

1. Temubual dengan Prof. Drs. H. Amir Batubara, Direktur Muamalat Institute (Tarikh 15 Mei 2007, Jam 14.00):

Soalan:

“Apa sahaja perkhidmatan yang ditawarkan oleh Bank Muamalat Indoneisa (BMI) kepada para pelanggan?”

Jawapan:

“Pelbagai perkhidmatan yang turut diamalkan oleh Bank Muamalat Indonesia seperti akad al-murabahah, al-salam dan al-istisna^c serta pembahagian hasil dengan menggunakan akad al-mudarabah dan al-musyarakah, khidmat ATM dan phone banking 24 jam serta khidmat pembayaran zakat, infak dan sedekah.”

2. Temubual dengan H. A. Nuryadi Asmawi, L.LB, MA, Ketua Bidang Riset Muamalat Institute (Tarikh 16 Mei 2007, Jam 14.00):

Soalan:

“Dalam menghimpun dana, apa sahaja produk yang ditawarkan oleh BMI melalui akad al-mudarabah?”

Jawapan:

“Produk penghimpunan dana yang ditawarkan oleh BMI melalui akad al-mudarabah kepada para pelanggan adalah akaun simpanan dan akaun semasa.”

Soalan:

“Dalam memohon pembiayaan melalui akad al-mudarabah dan al-musyarakah kepada BMI, apa sahaja syarat-syarat yang mesti dipenuhi oleh seorang pelanggan?”

Jawapan:

“Dalam menawarkan produk pembiayaan al-mudarabah dan al-musyarakah kepada pelanggan, BMI menetapkan persyaratan yang mesti dipenuhi, iaitu berupa syarat dokumen, proposal dan syarat kelayakan permohonan pembiayaan.”